

**ANALISIS PELAKSANAAN AKAD MUDARABAH DALAM
PEMBIAYAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA DI
BANK SYARIAH MANDIRI JAKARTA, INDONESIA**

ASRI NOER RAHMI

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

**ANALISIS PELAKSANAAN AKAD MUDARABAH DALAM
PEMBIAYAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA DI
BANK SYARIAH MANDIRI JAKARTA, INDONESIA**

ASRI NOER RAHMI

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

**ANALISIS PELAKSANAAN AKAD MUDARABAH DALAM
PEMBIAYAAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA DI
BANK SYARIAH MANDIRI JAKARTA, INDONESIA**

ASRI NOER RAHMI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH
(SECARA KURSUS DAN PENYELIDIKAN)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : ASRI NOER RAHMI

No. K.P/Pasport : W052131

No. Pendaftaran/Matrik : IGA090055

Nama ijazah : Syariah dan Ekonomi

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”)

Analisis Pelaksanaan Akad Mudarabah dalam Pembiayaan Industri Kecil dan Sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia.

Bidang Penyelidikan : Perbankan Islam

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja Ini adalah asli;
- (3) Apa-apa pengguna mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja Ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja Ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja Ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Kertas Kerja Ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalahdilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja yang lain ada dengan niat atau sebaliknya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon
Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan

Tandatangan Saksi
Tarikh

Nama :
Jawatan :

ABSTRAK

Disertasi ini membincangkan tentang teori akad *al-muḍārabah* dalam pembiayaan Industri kecil dan sederhana seperti yang dikembangkan oleh para fuqaha klasik dalam penulisan fiqh mereka dan aplikasinya dalam amalan Bank Islam iaitu Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia. *Al-muḍārabah* ialah akad perkongsian antara pemodal dan usahawan untuk melakukan sesuatu pelaburan yang halal dan menguntungkan, keuntungan dari pelaburan akan diagihkan di antara kedua-dua pihak berdasarkan persetujuan bersama-sama semasa akad dan jika ada kerugian ditanggung oleh pemodal dengan syarat kerugian itu tidak disebabkan oleh kecuaiian dan sikap tidak amanah usahawan dalam *al-muḍārabah*. Bank Syariah Mandiri ini juga beroperasi menggunakan prinsip Syariah seperti *al-wāḍiah*, *al-muḍārabah*, *al-istiṣnā*, *bay' al-sālam*, *al-ijārah* dan sebagainya dalam operasi, pembiayaan dan perkhidmatan. Dalam kajian ini didapati bank ini mengamalkan prinsip *al-muḍārabah* dalam operasi akaun deposit dan pembiayaannya yang selari dengan syariah.

ABSTRACT

This dissertation discusses about the theory of *al-muḍārabah* contract in financing small and medium industri as developed by the classical jurists in their Islamic jurisprudence writings, and its application in the practice of one of Islamic Banks namely Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia. *Al-Muḍārabah* is a partnership contract where the capital provider contributes the capital while the manager provides managerial skills to manage the *muḍārabah* capital accordingly. All profit from the investment will be divided between the both parties based on the agreement during the contract, however the loss will be borne solely by the capital provider in the absence of misconduct or negligence or breach of the partnership terms and conditions by the manager. Bank Syariah Mandiri is also practicing other Islamic principles such as *al-wāḍiah*, *al-muḍārabah*, *al-istiṣnā*, *bay' al-sālam*, *al-ijārah*, etc in its operation, finance and services. This study found out that Bank Syariah Mandiri has practiced the *muḍārabah* principle in deposit account and financing operation which is accordance with Islamic law.

PENGHARGAAN

Segala puji dan kesyukuran yang berlimpah penulis panjatkan ke hadirat Allah SWT dengan untaian kata *Alhamdulillah*. Dengan keizinan dan limpahan rahmat-Nya yang telah mengajarkan kepada hamba yang tidak mengetahui. Selawat dan salam dipersembahkan kepada Junjungan Nabi Muhammad S.A.W. atas perjuangannya dalam membimbing umatnya menuju Insān yang kāmīl.

Penulis perlu mengekalkan penghargaan yang setinggi-tinginya dan menyampaikan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah terutama kepada Yang berbahagia Profesor. Dr. Joni Tamkin bin Borhan selaku ketua Jabatan dan selaku penyelia yang dengan sabar berkenan melapangkan masa dalam membimbing dan mencetuskan idea dalam menyelesaikan penulisan ini hingga ke noktah terakhir penulisan. Idea-idea dan pemikiran serta bimbingannya adalah hikmah yang sangat besar bagi penulis. Terima kasih yang tak terhingga dihantarkan khususnya kepada yang berbahagia Dr. Asmak binti Abdul Rahman telah melapangkan masa untuk berdiskusi dengan penulis dengan memberikan idea-idea dan pemikiran. Juga ucapan terima kasih kami hantarkan kepada Dr. Ahmad Azam bin Sulaiman dan segenap staf kakitangan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur yang telah membantu penyelesaian penulisan ini..

Ucapan terima kasih yang tak terhingga juga penulis sampaikan kepada keluarga khasnya kedua orang tua penulis, Bapak Satibi Al-Faroek dan Ibu Nia Kurniati yang senantiasa memberi semangat, sokongan baik moral mahupun material, sehingga penulis dapat menyelesaikan disertasi ini. Semoga kesehatan dan hikmah kehidupan mengalir di antara mereka.

Tidak ketinggalan juga jutaan terimakasih penulis ucapkan kepada abang dan adik-adik penulis, M. Edwardy Rohim, Vita Evi Yanti, Hafeez Athoilah, Sheila Farasania, Yazid Rabbani, Rifkah Nabila dan seseorang yang disana. Untaian terima kasih patut penulis hamburkan kepada para staff Bank Syariah Mandiri dan bahagian Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Republik Indonesia yang dengan ikhlas telah memberi kemudahan kepada penulis dalam mendapatkan data-data dan informasi yang diperlukan penulis selama penyelidikan.

Untaian terima kasih patut penulis sampaikan kepada rakan-rakan pelajar, baik rakan pelajar yang berada di Indonesia mahupun di Kuala Lumpur yang telah memberi semangat serta memberi bantuan apapun kepada penulis semasa menyelesaikan disertasi ini. Semoga Allah membalas budi baik kalian semua, *Jazakumullāhu Ĥaira al-Jazā'*.
Wassalam.

Yang benar,

Asri Noer Rahmi

IGA090055

Jabatan Syariah dan Ekonomi

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM)

Kuala Lumpur Malaysia

Tarikh : 23 Rabiul Awwal 1434 H

Bersamaan : 04 Februari 2013

ISI KANDUNGAN

Judul	i
Keaslian Disertasi	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vii
Senarai Jadual	viii
Senarai Darjah	viii
Senarai Kependekan	xii
Panduan Transliterasi	xvi

BAB I : PENDAHULUAN

1.1.	Latar Belakang Masalah Kajian	1
1.2.	Permasalahan Kajian	3
1.3.	Persoalan Kajian	6
1.4.	Objektif Kajian	6
1.5.	Skop Kajian dan Pembatasan Masalah	7
1.6.	Kepentingan Kajian	7
1.7.	Metodologi Kajian	8
1.8.	Penyelidikan Perpustakaan	8
1.9.	Penyelidikan Lapangan	9
	1.9.1. Metode Pengumpulan Data	9
	1.9.1.1. Kaedah Temubual	9
	1.9.1.2. Kaedah Observasi	10
	1.9.1.3. Kaedah Dokumentasi	10
	1.9.2. Metode Analisis Data	11
1.10.	Kajian Lepas	12
1.11.	Sistematika Pembahasan	20

BAB II : TEORI AL-MUDĀRABAH DALAM EKONOMI ISLAM

2.1.	Pengenalan	22
2.2.	Pengertian Al-Mudārabah	23
2.3.	Pensyariatatan Akad <i>Mudārabah</i>	26
	2.3.1. Dalil al-Qur'an	26
	2.3.2. Dalil al-Hadith	27
	2.3.3. Dalil Qiyas	28
2.4.	Hukum <i>Mudārabah</i>	29
2.5.	Sejarah Amalan Akad <i>Mudārabah</i>	30
2.6.	Rukun <i>Mudārabah</i>	31
2.7.	Syarat Pemodal dan Pengusaha dalam Akad <i>Mudārabah</i>	32

2.8.	Syarat-syarat Modal dalam Akad <i>Muḍārabah</i>	33
2.10.1.	Penerima Modal adalah Penerima Amanah	34
2.10.2.	Penerima Modal Melaburkan Modal Pada Pihak Ketiga	35
2.10.3.	Nafkah Bagi Penerima Modal	36
2.10.4.	Pembatalan Akad <i>Muḍārabah</i>	36
2.10.5.	Sikap Penerima Modal Selepas Kematian Pelabur (Pemilik Modal)	37
2.10.6.	Kehadiran Pemilik Modal Pada Saat Perkongsian Untung dan Rugi	37
2.9.	Syarat Keuntungan dalam Akad <i>Muḍārabah</i>	38
2.10.	Hak Pengusaha dalam Akad <i>Muḍārabah</i>	38
2.11.	Hak Pemodal dalam Akad <i>Muḍārabah</i>	40
2.12.	Jenis-Jenis Akad <i>Muḍārabah</i>	40
2.12.1.	Akad <i>Muḍrabah al-Mutlāqah</i>	41
2.12.2.	Akad <i>Muḍārabah al-Muqayyadah</i>	43
2.13.	Pembahagian Keuntungan dalam <i>Muḍārabah</i>	45
2.14.	Liabiliti Terhadap Kerugian dalam <i>Muḍārabah</i>	46
2.15.	Pelaksanaan Prinsip <i>Muḍārabah</i> Dalam Institusi Kewangan Moden	49
2.16.	Pengertian Industri Kecil dan Sederhana	50
2.17.	Kesimpulan	53

BAB III :

SEJARAH PERKEMBANGAN BANK SYARIAH MANDIRI DI INDONESIA

3.1.	Pengenalan	54
3.2.	Pengertian Bank Islam	54
3.3.	Sejarah Penubuhan Bank Syariah Mandiri di Indonesia	55
3.4.	Komposisi Pemilikan Saham Bank Syariah Mandiri Indonesia	58
3.5.	Tujuan Umum Penubuhan Bank Syariah Mandiri di Indonesia	58
3.6.	Strategi Usaha Bank Syariah Mandiri Indonesia	58
3.7.	Misi dan Visi Penubuhan Bank Syariah Mandiri di Indonesia	59
3.8.	Struktur Organisasi Bank Syariah Mandiri dan Struktur Dewan Pengawas Syariah	59
3.9.	Amalan Akad Pembiayaan <i>Muḍārabah</i> Usaha Kecil dan Sederhana oleh Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia	63
3.10.	Perkhidmatan Deposit Berasaskan <i>Muḍārabah</i> Oleh Bank Syariah Mandiri	63
3.10.1.1.	Akaun Simpanan mudarabah (Tabungan Syariah Mandiri)	63
3.10.1.2.	Akaun Simpanan Khas (Tabung Haji dan Umrah “Mabrur”)	64
3.11.	Perkhidmatan Pembiayaan Ekuiti Berasaskan <i>Muḍārabah</i> oleh Bank Syariah Mandiri Jakarta	66
3.12.	Sistem dan Mekanisme Penyaluran Dana <i>Muḍārabah</i> ke Masyarakat oleh Bank Syariah Mandiri	66
3.13.	Landasan Perundangan Mengenai Pelaksanaan Pembiayaan	70
3.14.	Kesimpulan	71

BAB IV :
**ANALISIS PELAKSANAAN AKAD MUDARABAH DALAM PEMBIAYAAN
KEPADA PELANGGAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA DI BANK
SYARIAH MANDIRI JAKARTA, INDONESIA**

4.1.	Pengenalan	73
4.2.	Analisis Pelaksanaan Akad <i>al-Muḍārabah</i> dalam Pembiayaan pada Industri Kecil dan Sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta	74
4.3.	Analisis Simulasi Sistem Perkongsian Untung Berasaskan Prinsip <i>al-Muḍārabah</i> di Bank Syariah Mandiri	76
4.4.	Analisis Sistem dan Mekanisme Pembahagian Dana <i>Muḍārabah</i> ke Masyarakat oleh Bank Syariah Mandiri	78
4.5.	Analisis Kedudukan Deposit Berasaskan Prinsip <i>al-Muḍārabah</i> Berbanding Dengan Prinsip Lainnya di Bank Syariah Mandiri, Jakarta	81
4.6.	Analisis Pelaksanaan Prinsip <i>al-Muḍārabah</i> Dari Segi Akad Pembukaan Akaun Simpanan, Akaun Semasa di Bank Syariah Mandiri	83
4.7.	Halangan-halangan yang Dihadapi dalam Pelaksanaan Prinsip <i>al-Muḍārabah</i> di Bank Syariah Mandiri	84
4.8.	Analisis Pelaksanaan Prinsip <i>al-Muḍārabah</i> Dari Segi Perkhidmatan Pelaburan Untuk Masa Tertentu di Bank Syariah Mandiri	86
4.9.	Analisis Pelaksanaan Prinsip <i>al-Muḍārabah</i> Berperingkat iaitu Pemodal Melaburkan Wangnya di Bank Syariah, Kemudian Pihak Bank (<i>Muḍārib</i> Pertama) Melaksanakan Akad <i>Muḍārabah</i> Dengan Ushawan (<i>Muḍārib</i>) lainnya	87
4.10.	Analisis Pelaksanaan <i>al-Muḍārabah</i> Dari Segi Pembatalan Akad Sebelum Tarif Matang Tempoh Akad di Bank Syariah Mandiri	90
4.11.	Analisis Pelaksanaan Prinsip <i>al-Muḍārabah</i> Dalam Bidang Pekerjaan Yang Dibiayai Oleh Bank Syariah Mandiri, Jakarta	95
4.12.	Penyelesaian dari Halangan-Halangan yang dihadapi Bank Syariah Mandiri pada Pelaksanaan akad <i>muḍārabah</i> dalam Pembiayaan kepada Industri Kecil dan Sederhana	97
4.13.	Kesimpulan	98

BAB V :
PENUTUP

5.1.	Pengenalan	99
5.2.	Rumusan Kajian	100
5.3.	Cadangan Kajian	101
5.4.	Penutup	102
	BIBLIOGRAFI	103
	LAMPIRAN	107

SENARAI JADUAL

Jadual 4.2.1 : Kriteria Pelaksanaan Pembiayaan akad <i>Muḍārabah</i> kepada Industri Kecil dan Sederhana	74
Jadual 4.2.2 : Analisis Perkongsian Untung Pembiayaan <i>al-muḍārabah</i> kepada Industri Kecil dan Sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta	74
Jadual 4.3.1 : Analisis Simulasi SSistem Perkongsian Untung Berasaskan Prinsip <i>al-muḍārabah</i> di Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia	76
Jadual 4.4.1 : Analisis Sistem dan Mekanisme Pembahagian Dana <i>Muḍārabah</i> ke Masyarakat oleh Bank Syariah Mandiri Jakarta	78
Jadual 4.5.1 : Analisis Kedudukan Deposit Berasaskan Prinsip <i>al-Muḍārabah</i> Berbanding Dengan Prinsip Lainnya di Bank Syariah Mandiri Jakarta	81

SENARAI CARTA

Carta 8.7 : Struktur Organisasi Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia	62
---	----

SENARAI KEPENDEKAN

ASEAN	: Association South East Asian Nation
ATM	: Anjungan Tunai Mandiri
BMI	: Bank Muamalat Indonesia
BI	: Bank Indonesia
BIMB	: Bank Islam Malaysia Berhad
BDN	: Bank Dagang Negara
BMMB	: Bank Muamalat Malaysia Berhad
BPN	: Bank Pembanguna Nasional
BPKB	: Buku Pemilik Kendaraan Bermotor
BSB	: Bank Susila Bakti
BSM	: Bank Syariah Mandiri
DGS	: Dewan Gubernur Syariah
DPS	: Dewan Pengawas Syariah
Ed.	: editor
FIBE	: Faisal Islamic Bank Egypt
FIBS	: Faisal Islamic Bank of Sudan
H	: Haji (Hj)
h	: halaman
hh	: halaman-halaman
IC	: Identity Card
IDB	: Islamic Development Bank
IBID	: International Bank Islamik for Investment
<i>Ibid</i>	: <i>ibidem</i> (sama dengan di atas)
IMB	: Izin Mendirikan Bangunan
J	: Jilid

KTP	: Kartu Tanda Penduduk Kewarga Negeraan Indonesia
KK	: Kartu Keluarga
Kep	: Keputusan
KFHVB	: Kuwait Finance House and Vakiflar Bank
K.M.K	: Keputusan Menteri Keuangan
Ltd.	: <i>Limited</i> (Berhad)
MUI	: Majelis Ulama Indonesia
M.S	: Master of Science
No	: Nomor
Ny.	: Nyonya
ONH	: Ongkos Naik Haji
<i>Op.cit</i>	: <i>Opera Citato</i>
PBB	: Pajak Bumi dan Bangunan
PLS	: <i>Profit Loss and Sharing</i>
PP	: Peraturan Pemerintah
PT	: Syarikat Terbatas
Rm	: Ringgit Malaysia
RT	: Rukun Tetangga
RW	: Rukun Warga
r.a	: <i>Radiallāhu ‘anhā</i>
ra. h	: <i>Radiallāhu ‘anhā</i>
Rp	: Rupiah
SDM	: Sumber Daya Manusia
SHM	: Sertifikat Hak Milik
SIM	: Surat Izin Mengemudi
SFH	: Special Finance House
S.E	: Sarjana Ekonomi

S.H	: Sarjana Hukum
SPP	: Surat Pengajuan Pinjaman
s.w.t	: <i>Ṣubhānah wa ta'la</i>
s.a.w	: <i>Ṣalallah 'alayh wa sallam</i>
Tbk.	: Terbuka
Terj.	: Terjemahan
t.t	: Tanpa tahun
UMKM	: Unit Menengah (Sederhana) Koperasi Masyarakat.
U.U	: Undang-Undang
YPK	: Yayasan Kesejahteraan Pegawai

PANDUAN TRANSLITERASI

Penukaran dari tulisan Arab ke tulisan Rumi dalam tesis ini adalah berdasarkan transliterasi yang telah ditetapkan oleh Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya di dalam buku panduan penulisan tesis/disertasi Ijazah Tinggi keluaran 2001, dengan penambahan transliterasi lima (5) huruf Jawi.

KONSONAN			
Huruf Arab	Transkripsi Rumi	Huruf Arab	Transkripsi Rumi
ا، ء	a, ' (Hamzah)	ض	ḍ
ب	B	ط	ṭ
ت	T	ظ	ẓ
ث	Th	ع	‘
ج	J	غ	Gh
ح	ḥ	ف	F
خ	Kh	ق	Q
د	D	ك	K
ذ	Dh	ل	L
ر	R	م	M
ز	Z	ن	N
س	S	هـ	H
ش	Sh	و	W
ص	ṣ	ي	Y
		ة	H

Huruf Jawi	Transkripsi Rumi	Huruf Jawi	Transkripsi Rumi
چ	C	ڠ	Ng
ښ	Ny	پ	P
گ	G		

VOKAL			
Vokal Panjang		Vokal Pendek	
Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
آ	ā	ا	A
و	ū	و	U
ي	ī	ي	I

DIFTONG	
Huruf Arab	Huruf Rumi
أو	Aw
آي	Ay
آي	iy/ī
وو	Uww

BAB I

1.1. Latar Belakang Masalah Kajian

Sistem kehidupan yang digariskan Islam merupakan suatu sistem yang lengkap menggabungkan tiga aspek utama Aqidah, Syariat dan Akhlak. Syariat Islam merupakan peraturan Allah s.w.t.yang diturunkan untuk mengatur sistem kehidupan manusia. Ianya merangkumi semua aspek kehidupan berkaitan ibadat, munakahat dan muamalat.

Dalam aspek muamalat, Islam menggariskan beberapa prinsip asas melarang manusia terlibat dalam urusan yang bersifat negatif dan menggalakkan mereka terlibat dalam urusan yang bersifat positif. Satu bentuk larangan yang utama berdasarkan kepada amaran Allah s.w.t. sebagai balasan terhadap kezaliman yang berkaitan dengannya adalah riba. Firman Allah s.w.t.

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا

“...Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba...”¹

Surah al-Baqarah (2): 275.

Allah s.w.t. menegaskan bahawa mereka yang terus mengamal riba akan mendapat ancaman perang daripada Allah s.w.t dan Rasul-Nya. Namun, cabaran utama yang dihadapi oleh dunia Islam kini dalam bidang ekonomi ialah amalan masyarakat terhadap sistem ekonomi berasaskan riba. Akad *muḍārabah* dalam pembiayaan ialah cara antara mengelakkan amalan riba dalam kegiatan ekonomi dan ianya dipercayai memberikan sumbangan yang meningkatkan kualiti Bank Islam. Masyarakat kini seolah-olah tidak menyedari bahawa Islam mempunyai sistem ekonomi dan kewangan

¹ Al-Qur'an al-Karim bi Rasm 'Uthmani dan Terjemahnya diterbitkan di Kuala Lumpur oleh Pustaka Darul Iman dengan kelulusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan KDN.

tersendiri yang adil dan menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat berbanding sistem ekonomi konvensional.

Sektor perbankan Islam telah memperlihatkan perkembangan yang sangat memberangsangkan dalam industri perbankan antarbangsa mutakhir ini. Perkembangannya dapat dilihat antaranya dengan penambahan institusi berstatus bank Islam penuh dari tahun ke tahun, penyertaan bank Islam luar, penambahan aset, inovasi produk dan respon pemerintah dalam menjadikan Indonesia sebagai hab perbankan Islam telah menjadikan sektor ini sesuatu yang menarik untuk diperhatikan baik oleh masyarakat umum mahupun dunia akademik. Hasilnya telah tertubuhnya bank Islam moden yang pertama di dunia iaitu Dubai Islamic Bank pada tahun 1975. Di Malaysia, setelah Akta Bank Islam diperkenalkan pada tahun 1983, maka telah tertubuhnya bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983 yang menawarkan produk perbankan Islam yang tidak berteraskan riba. Disini nampak bahawa sumbangan ekonomi bank Islam terhadap pertumbuhan ekonomi nasional tersebut sangat ditentukan oleh kemampuan bank Islam secara berkesan melakukan operasinya. Hal ini ditentukan oleh seberapa besar bank Islam mampu menyalurkan dana kepada masyarakat, sehingga masyarakat mampu melakukan operasinya secara optimum.

Salah satu perbezaan pokok antara perbankan syariah dengan perbankan konvensional adalah adanya larangan riba (bunga). Bagi perbankan syariah riba adalah dilarang sedangkan jual beli (*al-bāy*) dihalalkan. Dengan demikian membayar dan menerima bunga pada wang yang dipinjam adalah dilarang. Sebagai pengganti dari mekanisme bunga, pembiayaan projek kepada individu dan institusi adalah antaranya perkongsian untung dan rugi berteraskan akad *muḍārabah*. Walaupun mekanisme perkongsian untung waktu ini telah dianggap secara teorinya paling utama dalam perbankan syariah perbankan syariah, namun demikian telah ada konsesus yang kuat

antara para ulama bahawa operasi perbankan syariah harus berdasarkan sistem yang tidak berasaskan bunga.²

Berdasarkan prinsip asas produk sesungguhnya bank syariah mempunyai *produk utama* pembiayaan berupa produk perkongsian untung yang dibangunkan dalam produk pembiayaan *mūsyarakah* dan *muḍārabah*. Walaupun jenis produk pembiayaan dengan akad jual beli (*murābahah*, *sālam* dan *Iṣṭiṣṭhna*) dan sewa (*al-ijārah*) juga boleh diamalkan, kenyataannya bank syariah peringkat dunia mahupun Indonesia, produk pembiayaannya masih didominasi oleh produk pembiayaan dengan akad jual beli.

Kontrak *muḍārabah* ialah kontrak perkongsian untung dan rugi antara pemilik dana bank dan pelanggan. Pada hubungan kontrak perniagaan seperti ini diperlukan saling keterbukaan antara kedua-dua belah pihak (pemilik dana pelanggan) dalam hal untung dan rugi perniagaan yang dijalankan. Jika salah satu pihak (utamanya pelanggan) tidak menyampaikan secara tulus tentang hal-hal yang berkaitan dengan kejayaan untung, maka boleh berlaku aktiviti yang merugikan bank.

Secara syariah, prinsipnya berdasarkan kaedah *al-muḍārabah*, bank syariah akan berfungsi sebagai rakan kongsi, baik dengan pelanggan, dengan usahawan kecil dan sederhana yang meminjam dana. Dengan pelanggan, bank akan bertindak sebagai *al-muḍārib* (pengurus), sedangkan penabung bertindak sebagai *ṣāhib al-māl* (pemilik dana). Antara keduanya di adakan akad *muḍārabah* yang menentukan bahagian setiap pihak, di sisi lain usahawan kecil dan sederhana mahupun pelanggan peminjam dana bank syariah akan bertindak sebagai *ṣāhib al-māl* (pemilik dana), baik yang berasal dari pelanggan ataupun deposit mahupun dana bank sendiri berupa modal pemegang saham. Sementara itu, pengusaha atau pelanggan peminjam akan berfungsi sebagai *muḍārib* (pengurus) kerana melakukan usaha mengurus dan melaburkan dana bank.

² Timorita Rahmani Yulianti (2007), “Pola Ijtihad Fatwa DSN MUI Tentang Produk Perbankan Syari’ah”, *Jurnal ekonomi islam*, hlm 57.

Sistem perkongsian untung yang diterapkan oleh bank sudah berjalan cukup lama seiring dengan penubuhan bank tersebut. Salah satu ukuran kejayaan pelaksanaan sistem perkongsian untung adalah apabila masyarakat sudah sepenuhnya menerima sistem tersebut dengan senang hati, tidak merasa dirugikan, adil dalam pembahagian perkongsian untung dan tentunya tidak bertentangan dengan al-Quran dan al-Hadis.

1.2. Permasalahan Kajian

Setiap sektor perniagaan dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di setiap negara mempunyai masalah dan kekangannya yang tersendiri. Begitu juga halnya dengan sektor ekonomi dan perdagangan yang berdepan dengan banyak masalah dan cabaran. Sejak dua dekad yang lalu, agenda ekonomi negara Indonesia tertumpu kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan hingga industri kecil dan sederhana tidak lagi menjadi penjana pertumbuhan ekonomi yang penting bagi Negara. Malah pelbagai usaha dan insentif telah diberikan pada sektor pembuatan sehingga sektor perdagangan sedikit terpinggir.

Mengikut Laporan Tahunan Perusahaan Kecil dan Sederhana di Indonesia (2010), masalah utama yang dihadapi oleh pengusaha IKS adalah pengurusan hutang. Banyak yang diperkatakan tentang pengusaha IKS yang tidak tahu membezakan antara wang syarikat dan wang mereka sendiri. Pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan yang lemah dalam kalangan pengusaha IKS menyebabkan mereka mempunyai masalah membayar balik pinjaman. Dengan itu, timbul persoalan tentang amalan pengurusan perniagaan dalam kalangan pengusaha IKS terutama usahawan Bumiputera. Untuk menjawab persoalan ini, terutama di peringkat mikro, maka amatlah wajar satu kajian kes dijalankan. konsep pembiayaan berlandaskan Islam dimana konsep kredit Islam ini diterima baik oleh semua kaum di Indonesia, Malaysia bahkan di seluruh dunia Islam dan bukan Islam. Kadar keuntungan yang setimpal dengan taraf

hidup pengusaha IKS bersesuaian dengan konsep *Ghabnu Fahish* (Keuntungan berlebihan) yang dicegah oleh Islam.

Ini memandangkan firma IKS ini dipelopori oleh golongan yang berpendapatan rendah. Mana mungkin mereka ini menambahkan pendapatan mereka sekiranya dibebani dengan pembayaran pembiayaan yang sangat tinggi dan syarat cagaran yang lebih longgar dan fleksibel. Permasalahan utama pengusaha IKS sebenarnya merujuk kepada syarat cagaran di mana bank kebiasaannya hanya akan menerima aset berkualiti yang sememangnya tidak dimiliki oleh mereka. Sebagai alternatif kaedah *kafalah* dan *hawalah* boleh digunakan di mana individu atau mana-mana badan swasta atau kerajaan yang lebih berkemampuan menjadi *kafil* bagi menggantikan sistem cagaran. Syarat kelayakan pembiayaan yang lebih ringan dan kelulusan permohonan lebih cepat dan pantas. Kerena birokrasi perlu dihindarkan dan diwujudkan satu prosedur seragam yang lebih efisien bagi membolehkan pengusaha IKS menikmati kemudahan pembiayaan dengan semaksimanya dan syarat pembayaran yang fleksibel. Pengusaha IKS yang bermasalah untuk membuat pembayaran balik mungkin akan diberikan tempoh lanjutan pembiayaan. Pengecualian pembayaran duti setem, yuran pemprosesan dan sebagainya yang tidak menambahkan bebanan pengusaha IKS. Ciri yang paling penting sekali diaplikasikan ialah keutamaan konsep pembiayaan berteraskan konsep *muḍārabah* dan *muṣyārahah*. Hingga kini bank tidak mempopularkan konsep ini memandangkan risiko di dalam pembiayaan ekuiti ini yang tinggi berbanding konsep-konsep lain.

Berdasarkan latar belakang diatas, pengkaji ingin mengetahui mengenai produk perkongsian untung dalam pembiayaan kepada pelanggan industri kecil dan sederhana yang menggunakan akad *muḍārabah* di Bank Syariah Mandiri. Kajian ini menggunakan akad *muḍārabah* khususnya pada pelaksanaan pembiayaan kepada pelanggan industri kecil dan sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta Indonesia.

1.3. Persoalan Kajian

Kajian ini akan berusaha untuk menjawab beberapa persoalan yang berhubungan kait dengan Akad *Muḍārabah* di Bank Syariah Mandiri Jakarta: Analisis Terhadap Pembiayaan *muḍārabah* Kepada Pelanggan Industri Kecil dan Sederhana. Adapun beberapa persoalan kajian ini ialah sebagai berikut:

1. Bagaimana pandangan ulama-ulama fiqh dan para ahli ekonomi Islam tentang akad *muḍārabah* ditinjau dari teori dan amalannya.
2. Bagaimanakah aplikasi akad *muḍārabah* yang ditawarkan khususnya dalam pembiayaan kepada pelanggan industri kecil dan sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia.
3. Apakah halangan-halangan serta pendekatan penyelesaian yang dihadapi hasil pelaksanaan konsep *muḍārabah* dalam amalan pembiayaan industri kecil dan sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia.

1.4. Objektif Kajian

Dalam setiap penelitian ataupun pembahasan tentu sahaja ada objek yang ingin dicapai oleh penulis baik itu secara am ataupun secara khusus. Adapun objektif kajian yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

1. Menjelaskan dan mengkaji akad *muḍārabah* menurut pandangan dari ulama-ulama fiqh dan para ahli ekonomi Islam.
2. Menganalisis bagaimana aplikasi dan pelaksanaan akad *muḍārabah* khususnya dalam pembiayaan kepada pelanggan industri kecil dan sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia.
3. Menganalisis halangan-halangan yang dihadapi dari hasil pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam amalan perbankan di Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia dan bagaimana penyelesaiannya.

1.5. Kepentingan Kajian

1. Memberikan kesedaran kepada masyarakat awam khususnya masyarakat Muslim dan pelajar Muslim di Malaysia dan Indonesia tentang akad *mudārabah* sebagai salah satu pembiayaan dalam perbankan syariah.
2. Mengharapkan hasil kajian ini data dimanfaatkan sebagai bahan kajian atau rujukan oleh para pelajar Muslim atau para kalangan ekonomi Muslim yang sedang mengkaji dan mendalami akad *mudārabah* dalam pembiayaan kepada pelanggan industri kecil dan sederhana.
3. Di samping itu, hasil kajian ini dapat bermanfaat bagi kalangan para ahli perbankan Islam dalam menyelesaikan masalah-masalah dengan para pelanggan terutama mengenai pelaksanaan akad *mudārabah* pada produk pembiayaan dan boleh juga dapat dimanfaatkan oleh pihak perbankan untuk sebagai bahan rujukan dalam rangka peningkatan prestasi perbankan di masa hadapan.

1.6. Skop Kajian dan Pembatasan Masalah

Dalam disertasi ini, penulis akan membahas dan menganalisa tentang *mudārabah* menurut hasil pemikiran dan hasil kajian para ulama fiqh dan para ahli ekonomi Islam. Kemudian penulis pula membahas tentang aplikasi dan pelaksanaan akad *mudārabah* dalam pembiayaan kepada pelanggan industri kecil dan sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta. Penulis juga membahas tentang halangan-halangan yang dihadapi oleh Bank Syariah Mandiri Jakarta dalam akad *mudārabah* pada produk pembiayaan. Untuk tujuan disertasi ini, penulis akan membatasi kajiannya iaitu:

1. Pelaksanaan akad *mudārabah* pada pembiayaan kepada pelanggan industri kecil dan sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta Sahaja dan pengkaji mengkaji kepada bank ini bermula daripada tahun 2007-2010.

2. Penelitian di Bank Syariah Mandiri Jakarta sahaja.
3. Pengkaji akan melakukan temu bual kepada pengarah, kakitangan Bank Syariah Mandiri Jakarta mengenai aplikasi dan bagaimana pelaksanaan pembiayaan dalam akad *mudārabah* kepada pelanggan industri kecil dan sederhana.
4. Pengkaji melakukan temu bual kepada pengarah, kakitangan Bank Syariah Mandiri Jakarta mengenai halangan-halangan yang dihadapinya dalam akad *mudārabah* dalam pembiayaan kepada pelanggan industri kecil dan sederhana.

1.7. Metodologi Kajian

Metodologi adalah ilmu, cara, atau metode untuk mengadakan penyelidikan. Ada beberapa metode dalam penyelidikan yang digunakan dalam menjalankan kajian ilmiah ini adalah penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

1.8. Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan digunakan dalam semua bab yang maksud tujuannya adalah untuk melengkapi dan mengesahkan data yang diperoleh dari penyelidikan lapangan di perpustakaan ini penulis akan mencari sumber-sumber data yang boleh dilihat dari sudut keauthoritiannya iaitu:

Sumber yang berauthoriti, antaranya ialah tulisan-tulisan ulama fiqh, seperti hasil tulisan al-Imām al-Syāfi‘ī, al-Imām Abū Ḥanīfah, al-Imām Mālik, al-Imām Amad Ibn Hénbali, dan tulisan-tulisan ulama yang telah dikenali, seperti: Ibn Qudāmah, Ibn Rusyd, Ibn Majah. Demikian juga hasil tulisan dari mereka yang telah banyak membuat kajian secara intensif dalam bidang ekonomi Islam, seperti: M. Abdul Mannan, Taqiyuddin an-Nabhani, M. Umer Chapra dan Abdullah Saeed. Sumber dari

perpustakaan seperti: Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti of Malaya, Perpustakaan Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Perpustakaan Departemen Pendidikan Indonesia.

1.9. Penyelidikan Lapangan

Penyelidikan lapangan yang telah dilakukan oleh pengkaji untuk melengkapi pembahasan bab tiga dan empat. Pengkaji melakukan penyelidikan pada bulan Februari - Mac 2012 di Pejabat Bank Syariah Mandiri Jakarta. Dalam kerja lapangan pengkaji langsung melakukan penyelidikan di Bank Syariah Mandiri Jakarta, agar memperoleh sumber data yang sah dan mampu dipertanggungjawabkan kebenarannya. Manakala, untuk pengumpulan data tersebut, pengkaji menggunakan beberapa metode atau kaedah peneylidikan lapangan, iaitu:

1.9.1. Metode Pengumpulan Data

Dalam hal ini, penulis berkeinginan untuk mendapatkan data kualitatif yakni data dalam bentuk maklumat yang terhasil dari sumber-sumber yang dikenal pasti sesuai dengan kajian yang sedang dikaji dan walaupun dalam data kualitatif ini terdapat bentuk angka tetapi bukan hasil daripada kaedah perhitungan melainkan hasil daripada sumber tertentu.³ Maka penulis memekai beberapa kaedah yang dipakai dalam kajian adalah sebagai berikut:

1.9.1.1. Kaedah Temu Bual

Dalam temubual ini, pengkaji melakukan temu bual⁴ dengan Cik Irfan Nur M (Pegawai Bahagian Sokongan Pembiayaan Bank Syariah Mandiri Jakarta) secara rasmi dan tidak rasmi dengan pengarah dan kakitangan yang mengurus tentang pembiayaan *muḍārabah* pada Bank Syariah Mandiri Jakarta tentang soalan mengenai aplikasi dan

³ Idris Awang, (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, c.1, Selangor, Shah Alam: Kamil& Shakir Sdn. Bhd, h. 68.

⁴ Temu bual dengan Cik Irfan Nur M, Pegawai Bahagian Sokongan Pembiayaan Bank Syariah Mandiri Jakarta pada 1 Februari 2012 di Pejabat Bank Syariah Mandiri Jakarta.

pemberian pembiayaan *mudārabah* pada industri kecil dan sederhana dan halangan-halangan yang dihadapi oleh Bank tersebut dalam akad *mudārabah* dan bagaimana penyelesaiannya. Temu bual dibuat pada masa observasi, iaitu bulan Februari – Mac 2012 di pejabat Bank Syariah Mandiri Jakarta.

1.9.1.2. Kaedah Observasi

Kaedah observasi adalah suatu pemerhatian yang dilaksanakan keatas suatu keadaan yang dikenal pasti hasil dari satu rancangan yang diteliti. Pemerhatian ini akan mendapatkan satu penjelasan terperinci tentang keadaan berkenaan bagi membolehkan penyelidikan dan memahami secara mendalam. Kaedah ini adalah kaedah pengumpulan data yang paling objektif kerana penyelidik menyaksikan sendiri subjek kajiannya tanpa perantaraan.⁵ Pengkaji melakukan observasi pada bulan Februari – Mac 2012 di Pejabat Bank Syariah Mandiri Jakarta, dalam tempoh masa dua bulan.

1.9.1.3. Kaedah Dokumentasi

Kaedah ini digunakan oleh pengkaji untuk mengumpulkan data-data yang sudah berlangsung pada masa yang sudah lepas. Jadi pengkaji menyelidiki data-data yang masih ada dan yang berkaitan dengan kajian yang pengkaji buat mengenai akad *mudārabah* pada industri kecil dan sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta. Pengkaji juga mendapatkan maklumat dan dokumen rasmi dari Pegawai Bahagian Sokongan Pembiayaan dan juga dari laman web Bank Syariah Mandiri Jakarta.

⁵ *Ibid.*, h. 74.

1.9.2. Metode Analisis Data

Setelah data-data yang diperlukan terkumpul, maka data-data tersebut perlu diolah, dianalisis dan dibandingkan dengan maklumat-maklumat baru yang ditemukan dalam kajian yang tengah berlangsung, agar tidak terjadi kesalahan-kesalahan tehnikal dalam melakukan analisis data. Disebabkan data yang terkumpul itu adalah data kualitatif maka penulis membahagi kaedah dalam analisa data ini sebagai berikut:

1. Kaedah Induktif adalah kaedah untuk proses pemahaman masalah kajian atau mencari penyelesaian berlaku secara generatif atau berterusan dimana maklumat dikumpul dan terus dikumpul sehingga masalah jelas atau dirumuskan penyelesaiannya. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis pemahaman masalah kajian di dalam bab 2 dan 3 iaitu tentang akad *muḍārabah* dan pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam pembiayaan industri kecil dan sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta.
2. Kaedah Deduktif adalah bahawa kaedah ini diguna pakai untuk melaksanakan kajian. Kaedah ini mungkin merupakan kaedah yang sedia ada yang boleh dikaitkan dengan masalah yang sedang dikaji. Begitu juga, kaedah ini boleh difahami secara mendalam kemudian disesuaikan atau dipadankan dengan masalah kajian untuk membentuk kerangka bagi menanganinya. Kaedah ini diguna pakai untuk menganalisis akad *muḍārabah* di Bank Syariah Mandiri Jakarta terhadap pembiayaan industri kecil dan sederhana.

1.10. Kajian Lepas

Menurut Yusuf Ramli⁶ dalam Tesis ph.d nya *Muḍārabah* Konsep dan pemakaian Dalam Institusi Kewangan Di Malaysia. Mengkaji dan membahaskan *muḍārabah* dalam pelbagai aspek seperti pensyariatatan dan pembinaan kontrak, rukun dan syarat, pihak-pihak yang terlibat dalam kontrak, agihan keuntungan dan daman serta penyelesaian pertikaian dan pembubaran akad *muḍārabah*, sesuai dengan konsep *muḍārabah* dalam institusi kewangan semasa.

Ab. Mumin bin Ab. Ghani⁷ Menulis beberapa isu kontroversi timbul di kalangan ulama dan tokoh-tokoh cendekiawan Islam tentang pemahaman maksud sebenar perkataan riba yang diharamkan itu. Sebenarnya, sebab-sebab timbulnya perbezaan pendapat dan terjadinya perdebatan hangat di kalangan mereka mengenai persoalan riba terutamanya dari aspek takrif, jenis atau item-item yang termasuk dalam urus niaga riba, adalah berkisar pada perbezaan tanggapan mengenai maksud sebenar riba yang diharamkan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Hasil kajian ini mengatakan bahawa riba secara hukum ialah haram dan ianya tidak diperbolehkan kerana penentuan pembayaran tambahan yang mesti dilakukan bagi sesuatu yang hasilnya belum pasti adalah merupakan suatu bencana dan membawa kemudaratan.

Asnaini⁸ mengkaji mengenai upaya memajukan perbankan Syariah diiringi dengan peningkatan sumber daya manusia (SDM) yang benar-benar memahami prinsip perbankan syariah. Tidak dinafikan bahawa selama ini, banyak SDM yang merupakan pengalihan dari bank konvensional. Hal ini mengakibatkan penerapan sistem “perkongsian untung” (*muṣyārahah* atau *muḍārabah*) agak ditinggalkan. Hasil kajian ini mengatakan pengembangan mutu SDM perbankan Syariah merupakan tanggung jawab

⁶ Yusuf Ramli (2003). “*Muḍārabah: Konsep dan Pemakaiannya di Institusi Kewangan di Malaysia*”, Tesis ph.d Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Univesiti Malaya.

⁷ Ab. Mumin bin Ab. Ghani (2002). “Peristilahan “Riba”: Satu Analisis Hukum”, *Jurnal Syariah*, bil 2, hal 187-203.

⁸ Asnaini (2008). “Pengembangan Mutu SDM (Sumber Daya Manusia) Perbankan Syari’ah: Sebagai Upaya Pengembangan Ekonomi Islam”, *Jurnal Ekonomi La_Riba*, Vol. II, No.1, hal 35-49.

bersama. Kerajaan, institusi pendidikan, institusi perbankan dan masyarakat. Pendidikan dan latihan tentang perbankan Syariah adalah upaya jangka pendek yang dapat dilakukan untuk meningkatkan mutu SDM perbankan Syariah saat ini. Sedangkan usaha dalam jangka panjang, yaitu dengan menyelenggarakan pendidikan yang memberikan pengetahuan antara pengguna (bank), penanggung jawab pendidikan (pemerintah) dan penyelenggara pendidikan (perguruan tinggi), dengan segala konsekuensi yang ditimbulkannya.

Joni Tamkin bin Borhan⁹ mengkaji mengenai akad *muḍārabah* berkenaan dengan pengukuhan akad *muḍārabah* dan masalah yang dihadapi oleh pelanggan dan Bank Islam dalam pelaksanaan akad ini. Hasil kajian menemukan bahawa konsep *muḍārabah* berdasarkan dengan penawaran dan penerimaan. Oleh hal itu, *muḍārib* atau pengurus boleh berbuat apapun hal terhadap pemodal yang sudah diagihkan oleh pelabur, di sebabkan pelabur sudah memberikan kebebasan kepada *muḍārib* untuk menggunakan uang tersebut selama itu masih boleh membuat keuntungan itu lah yang dinamakan tidak terbatas *muḍārabah*, namun ada juga ada perjanjian *muḍārib* dan pelabur yang harus di sepakati kedua dua belah pihak.

Noor Ahmed Memon¹⁰ mengkaji mengenai bank Islam tantangan pada masa sekarang dan masa hadapan. Dimana iannya membahas dan menerangkan mengenai keadaan bank islam pada masa kini dan perubahan apa sahaja yang terjadi, dihuraikan mengenai riba, inflasi, keadaan bank islam antarbangsa. Hasil kajian ini iaitu, industri perbankan syariah telah menunjukkan pertumbuhan yang luar biasa dan wang muka telah meningkat enam kali ganda, yang dengan jelas menghantar mesej bahawa perbankan syariah yang benar di jalan pertumbuhan. Mereka yang menolak untuk mengakui fenomena pada hari-hari awal sekarang adalah peserta aktif dan memobilisasi

⁹ Joni Tamkin bin Borhan (2004). "The Agent-Manager's Conduct of *Muḍārabah* Contract in Islamic Commercial Law", *Jurnal Syariah* 12, bil 1, hal 1-20.

¹⁰ Noor Ahmed Memon (2007). "Islamic Banking: Present and Future Challenges", *Journal of Management and Social Sciences*, Vol. 3, No.1, hal 01-10.

usaha mereka untuk memasuki perubahan pesat pasaran kewangan Islam. Barat juga mengakui potensi industri ini dan sejumlah besar bank Barat baik mendirikan anak syarikat atau membuka tettingkap operasi Perbankan Islam. Kajian ini menggunakan metode kualitatif, dimana sumber data diperoleh dari Al-Qur'an dan hadits tinjauan pustaka, jurnal, buku, dan informasi-informasi dari sumber-sumber lainnya berupa data perbankan Islam antarbangsa.

Dewi Yuli Lestari Utari¹¹ dalam penulisannya mengkaji pelaksanaan pembiayaan *muḍārabah mūtlāqah* di Bank Muamalat Indonesia Cabang Yogyakarta dan juga untuk mengetahui jaminan dalam bentuk apa saja yang boleh menjadi jaminan untuk mendapatkan pembiayaan *muḍārabah mūtlāqah* pada Bank Muamalat Indonesia Cabang Yogyakarta serta untuk mengetahui mengapa Bank Muamalat Indonesia Cabang Yogyakarta menghendaki adanya jaminan dalam pemberian pembiayaan kepada *muḍārib* dan apabila berlaku wanprestasi tindakan apa yang diambil oleh Bank Muamalat Indonesia Cabang Yogyakarta.

Shamsiah Mohamad¹² mengkaji mengenai apa sahaja ciri-ciri keuntungan menurut perpektif Islam. Hasil dari kajian ini bahawa keuntungan yang di ihtikar oleh Islam ialah keuntungan yang bebas daripada unsur riba, *ghābn* yang berpunca dari penipuan, *ghārār* dan *iḥtikār*.

Muhammad Nejatullah Siddiqi¹³ menyatakan perkongsian untung dan rugi merupakan suatu pembiayaan yang telah disepakati bersama antara pihak bank (*ṣāhib al-māl*) dengan pihak pengelola modal (*muḍārib*) yang berasaskan syariah. Jika terjadi kerugian dalam usaha, maka hal tersebut sebagai pengurangan atas modal dan ditanggung oleh pemilik modal itu sendiri (*muḍārabah*)

¹¹ Dewi Yuli Lestari Utari (2007). "Ulasan Jaminan pada Pelaksanaan Akad *Muḍārabah Mūtlāqah* di Bank Muamalat Indonesia cabang Yogyakarta", *Jurnal Syariah*, Vol. 1, No. 2, hal 14-25.

¹² Shamsiah Mohamad (2002). "Ciri-ciri Keuntungan Menurut Perspektif Islam", *Jurnal Syariah*, jilid 10 bil 1, hal 121-137.

¹³ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1996). "Kemitraan Usaha Bagi Hasil Dalam Hukum Islam", Dana Bhakti Prima Yasa, Yogyakarta. h. 15.

Achmad Baraba¹⁴ menyatakan dalam aplikasinya bank syariah tidak mengenal konsep bunga wang dan tidak mengenal pinjaman wang tetapi adalah kerjasama (*muḍārabah dan musyarakah*) dengan prinsip perkongsian untung dan rugi, sementara pinjaman wang hanya untuk tujuan social tanpa adanya imbalan apapun, sehingga dalam aplikasinya dikenal beberapa produk bank syariah antara lain produk dengan prinsip *muḍārabah* perjanjian antara pihak pertama modal dan pihak kedua) dengan kesepakatan perkongsian untung yang akan diperoleh dan kerugian yang ada menjadi risiko pemilik modal sepanjang tidak ada bukti bahawa pihak pengelola tidak melakukan kecurangan.

Ab. Mumin bin Ab. Ghani¹⁵ Beberapa isu kontroversi timbul di kalangan ulama dan tokoh-tokoh cendekiawan Islam tentang pemahaman maksud sebenar perkataan riba yang diharamkan itu. Sebenarnya, sebab-sebab timbulnya perbezaan pendapat dan terjadinya perdebatan hangat di kalangan mereka mengenai persoalan riba terutamanya dari aspek takrif, jenis atau item-item yang termasuk dalam urus niaga riba, adalah berkisar pada perbezaan tanggapan mengenai maksud sebenar riba yang diharamkan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Hasil kajian ini mengatakan bahawa riba secara hukum ialah haram dan ianya tidak diperbolehkan kerana penentuan pembayaran tambahan yang mesti dilakukan bagi sesuatu yang hasilnya belum pasti adalah merupakan suatu bencana dan membawa kemudaratan.

Muhammad Taufiq¹⁶ dalam tajuk “Membangun Sistem Pembiayaan Bagi Usaha Kecil, Menengah dan Koperasi” menyatakan bahawa industri kecil, menengah dan koperasi mengharapkan terpenuhinya keperluan modal dalam waktu yang tepat dengan persyaratan dan prosedur yang mudah, serta dengan biaya yang murah.

¹⁴ Achmad Baraba (1999). “Prinsip Dasar Operasional Perbankan Syariah Produk-produk dan Tantangannya”, *Majalah Buletin Ekonomi Moneter dan Perbankan (Bank Indonesia)*. Vol. 2. No. 3. h. 4. 16. Ab. Mumin bin Ab. Ghani (2002). “Peristilahan “Riba”: Satu Analisis Hukum”, *Jurnal Syariah* 5, bil 2, hal 187-203.

¹⁶ Muhammad Taufiq (2003). “Membangun Sistem Pembiayaan Bagi Industri Kecil, Menengah, dan Koperasi”, *Deputi Pengembangan dan Usaha Jakarta*.

Humayon A. Dar and John R. Presley¹⁷ mengkaji mengenai kelemahan perkongsian keuntungan di bank syariah berhubungkait dengan pengawasan ketidakseimbangan kepengurusan dalam sistem yang diguna pakai. Yang mana salah cara untuk menarik sumber kewangan dan menginvestasikan ke dalam sebuah projek untuk berbagi didalam keuntungan dan kerugian. Dan kebanyakan didalam bank Islam ianya dua bentuk yang biasa digunakan untuk perkongsian untung dan rugi iaitu *musharakah* dan *mudharabah* yang menggairahkan didalam perundangan islam yang mana agihan bonus berhubungkait dengan resiko agihan diantara transaksi ke dua belah pihak. Namun di dalam aktiviti nyata model semacam diatas tidak digunakan secara baik sehingga model diatas tidak selari dari model yang sudah ditetapkan semula, yaitu berbagi keuntungan dan berbagi didalam resiko kerugian. Hasil kajian ini mengutarakan kebanyakan syarikat yang berhampiran dengan bank Islam, misalkan, bank Islam itu sendiri, syarikat pelaburan, dan pelaburan wang menawarkan sesuatu dengan adanya penambahan sesuatu, komisi atau menggunakan sistem pinjaman.

Dini Arwati¹⁸ dalam kajiannya yang bertajuk “Peran Strategis Ekonomi Berbasis Syariah dalam Pemberdayaan Ekonomi Sektor Usaha Mikro, Kecil dan Menengah (UMKM)”, Kajiannya menjelaskan sistem Ekonomi Syariah Perbankan yang berbasis bunga tidak diperlukan. Sebagai gantinya, segala bentuk pembiayaan akan dilakukan secara langsung oleh para investor kepada para individu yang memerlukan modal melalui kerjasama bisnin (*syirkah*) yang Islami. Perbankan syariah lebih tepat memilih rakan kerjanya kepada Industri Kecil dan Sederhana yang jumlahnya banyak, sebenarnya pemahaman mengenai akuntansi syariah, penyaluran pembiayaan syariah, dan penghimpunan dana syariah lebih cepat dan sesuai sasaran.

¹⁷ Humayon A. Dar and John R. Presley (2000). ‘Lack of Profit Sharing in Islamic Banking: Management and Control Imbalances’, *International Journal of Islamic Financial Services*, Vol. 2 No.2.

¹⁸ Dini Arwati (2010), “Peran Strategis Ekonomi Berbasis Syariah dalam Pemberdayaan Ekonomi Sektor Usaha Mikro, Kecil dan Menengah (UMKM)”, *Jurnal Ekonomi Insentif KopWil 4*, Vol. 4 No. 1. Juli 2010.

Untuk menetapkan perkongsian untung dan rugi dalam pembiayaan syariah ini tentunya diperlukan perangkat yang berkesesuaian dengan perbankan Islam. Informasi ini biasanya disebut dengan laporan kewangan. Dalam hubungan perbankan syariah mahupun non syariah dengan Industri Kecil dan Sederhana, maka dari pihak Industri Kecil dan Sederhana harus menyediakan laporan kewangan yang dapat dipertanggungjawabkan. Dalam pembinaan yang lebih khusus untuk Industri Kecil dan Sederhana, boleh jadi akuntansi Syariah dan akuntansi Industri Kecil dan Sederhana merupakan rakan yang baik dalam pembangunan ekonomi kaum dhuafa dan Industri Kecil dan Sederhana. Dengan kata lain sebetulnya ekonomi syariah adalah sangat strategis untuk pemberdayaan nyata kepada kaum pelaku ekonomi berbasis Industri Kecil dan Sederhana.

Irsyad Lubis¹⁹ dalam penelitiannya yang bertajuk “Eksistensi Institusi Kewangan Konvensional dan Islam sebagai Sumber Kewangan dan Kredit Bagi Usahawan Kecil Dan Sederhana Bumiputera di Negeri Kelantan – Malaysia”, Kajian ini telah mengenal pasti bahawa masalah yang dihadapi oleh institusi kewangan Islam di Negeri Kelantan ini berpunca kepada dua penyebab utama iaitu harga perkhidmatan yang dianggap usahawan IKS Bumiputera sebagai terlalu tinggi dan sistem kerja yang kurang professional berbanding institusi kewangan konvensional. Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati bahawa usahawan IKS tidak sepenuhnya berpaut hati dengan institusi kewangan konvensional dan mereka akan beralih kepada institusi kewangan Islam jika kedua-dua penyebab di atas dapat diperbaiki. Dengan demikian cara yang paling mudah dan cepat untuk menyelesaikan masalah yang dialami oleh kedua-dua pihak ini adalah institusi kewangan Islam menurunkan harga perkhidmatannya dan

¹⁹ Irsyad Lubis (2007), “*Eksistensi Institusi Kewangan Konvensional dan Islam sebagai Sumber Kewangan dan Kredit Bagi Usahawan Kecil Dan Sederhana Bumiputera di Negeri Kelantan – Malaysia*”, Disertasi Sarjana Ekonomi, Jabatan Ekonomi dan Pembangunan, Universiti Sumatera Utara, Indonesia.

berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan mereka. Dengan demikian masalah kedua belah pihak akan selesai.

Taufik R. Syam²⁰ “Mudharabah dalam Perspektif Fiqh dan Praktek Perbankan Syariah”, dalam kajiannya membahas sistem mudharabah disamping menggunakan sistem perkongsian untung dan rugi, lebih dari itu dapat memberikan rasa keadilan bagi para pelanggan terutama pada usahawan industri kecil dan sederhana sehingga para usahawan tersebut dapat memperoleh bahagiannya secara wajar. Pembiayaan mudharabah ini tentunya berasal dari masyarakat amnya, masyarakat muslim Indonesia mempunyai pemikiran berbeza dalam memanfaatkan perbankan Islam ini. Ketika pelanggan memerlukan pinjaman dari Bank untuk usaha, selalunya meminjam ke Bank Islam namun ketika menyimpan investasinya lebih memilih menyimpan di Bank Konvensional. Hal inilah yang membuat perbankan Islam sedikit lamban dalam mengumpulkan dana.

Abdul Halim El-Muhammady²¹ dalam bukunya *Undang-Undang Muamalat dan Aplikasinya Kepada Produk Perbankan Syariah*, menjelaskan tentang produk perbankan yang bebas bunga dalam Islam. Di antara pembahasannya adalah produk perbankan Islam seperti *al-muḍārabah*, *al-musyārahah*, *al-murābahah*, *al-wāḍiah*, *al-muḍārabah*, *al-istiṣnā*, *bay' al-sālam*, dan *al-ijārah* sebagai dasar produk-produk perbankan Islam yang berlandaskan syariah dan teori kontrak yang terdapat dalam kitab fiqh dengan kontrak komersil yang terdapat dalam institusi perbankan dan kewangan Islam masa kini.

²⁰ Taufik R. Syam, “Mudharabah dalam Perspektif Fiqh dan Praktek Perbankan Syariah”, dalam website <http://badilag.mahkamahagung.go.id/artikel/6941-mudharabah-dalam-perspektif-fiqh-dan-praktek-perbankan-syariah-oleh-taufik-r-syam-shi-msi-cakim-pa-ciamis-131.html>, pada 13 Januari 2011.

²¹ Abdul Halim El-Muhammady (2008) *Undang-Undang Muamalat dan Aplikasinya kepada Produk-Produk Perbankan Islam*. Edisi Kelima. Malaysia: dasar cetak (M) Sdn. Bhd. Shah Alam, Selangor.

Yusof Ramli²² dalam bukunya *Muḍārabah dalam Institusi Kewangan Islam* menjelaskan tentang *muḍārabah* sebagai satu alat dalam menggerakkan ekonomi masyarakat didapati masih sesuai untuk diguna pakai dalam pengurusan kewangan moden. Dalam institusi kewangan di Malaysia, rata-rata institusi kewangan yang melaksanakan sistem kewangan secara Islam menggunakan kaedah *muḍārabah* dalam hubungan mereka dengan pelanggan ialah dalam perkara mendapatkan deposit. Pendekatan yang diambil oleh institusi kewangan ini adalah untuk mengelak risiko kerugian terhadap akibat tiada kesungguhan, pecah amanah, cuai atau kekurangan kesepakatan di pihak pelanggan. Sedangkan institusi kewangan terutamanya bank memerlukan keuntungan yang terjamin untuk mengagihkan keuntungan itu kepada pelanggan secara berterusan.

Yusof Ramli²³ dalam bukunya *Muḍārabah dalam Fiqh Islam* menjelaskan *muḍārabah* adalah salah satu instrument kewangan yang menjadi pilihan dalam usaha untuk mengguna kembalikan kaedah pengurusan kewangan secara Islam. Sekalipun *muḍārabah* tidak menjadi suatu aktiviti perniagaan yang disarankan secara langsung dalam Al-Qur'an, namun aktiviti perniagaan yang menggunakan kontrak jenis ini yang telah dikesan berlaku sejak zaman sebelum kebangkitan tamadun Islam bagi didapati sesuai dengan prinsip keadilan. Islam menerima kaedah perniagaan secara *muḍārabah* kerana ia diperakui oleh Rasulullah SAW dan menjadi satu keperluan dalam usaha manusia berkerjasama. Khasnya antara pemilik modal dan pekerja dalam mengisi keperluan masing-masing. Ia lebih bersifat tolong-menolong antara sesama manusia di mana pihak yang memiliki modal yang tidak berupaya atau tidak berkesempatan memperniagakan modal miliknya mendapatkan bantuan kepakaran dalam bidang perniagaan daripada pihak yang berupaya menyumbangkan tenaga serta kemahirannya

²² Yusof Ramli (2008) *Muḍārabah dalam Institusi Kewangan Islam*, Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.

²³ Yusof Ramli (2008) *Muḍārabah dalam Fiqh Islam*, Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.

yang dapat mengurusniagakan modal berkenaan. Kedua belah pihak akan mendapat manfaat daripada kerjasama tersebut.

Muhammad Abdurahman Sadique²⁴ dalam bukunya *Essentials of Mushārahah and Muḍārahah Islamic Texts on Theory of Partnership* menjelaskan perbandingan mengenai usaha bersama dan perkongsian seperti yang terdapat dalam undang-undang Islam. Berkaitan dengan *shirkah al-milk* (kepemilikan bersama) *shirkah al-'aqd* (kontrak perkongsian) dan pelbagai jenis, yang *muḍārahah* (pengurusan dana) dan syarat-syarat yang berkaitan dan peraturan-peraturan penting, bersama-sama dengan penjelasan seperti yang dijelaskan oleh ulama Islam.

1.11. Sistematika Penulisan

Berdasarkan pada permasalahan diatas, pengkaji akan menghuraikan kajian dalam pembahasan-pembahasan sebagai berikut:

Awalan, bahagian ini merupakan permulaan yang mengandungi dedikasi, abstrak, penghargaan, isi kandungan, senarai ilustrasi berkaitan (jadual, carta), panduan transliterasi, senarai kependekan, dan senarai lampiran.

Bab I pendahuluan, bahagian ini merupakan pengenalan dan kerangka secara keseluruhan kepada kajian yang dilakukan. Ia mengandungi pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian: kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data serta sistematika kerangka pembahasan kajian.

Bab II merupakan bahagian teori dengan mengemukakan konsep *muḍārahah* menurut perspektif ekonomi Islam. Sub bab yang memuat definisi *muḍārahah*, prinsip-prinsip asas *muḍārahah*, dalil pengharaman riba menurut al-Quran dan as-Sunnah, jenis-jenis *muḍārahah*, illah pengharaman riba, perbezaan antara riba dan *muḍārahah*,

²⁴ Muhammad Abdurahman Sadique (2009), *Essentials of Mushārahah and Muḍārahah Islamic Texts on Theory of Partnership*, Edisi pertama, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.

faedah, bunga dan keuntungan serta contoh-contoh riba semasa yang berkaitan. Rumusan teori yang diambil daripada hukum Islam mengenai akad akad pembiayaan *muḍārabah* akan dijadikan landasan teori bagi pemberlakuan akad pembiayaan *muḍārabah* yang mengikut prinsip syariah.

Bab III merupakan tinjauan kajian mengenai sejarah bank Islam dan sejarah perkembangan Bank Syariah Mandiri dan bagaimana pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam pembiayaan yang diberikan kepada pelanggan industri kecil dan sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta. Dalam bab ini juga menjelaskan mengenai beberapa maklumat penting mengenai aplikasi undang-undang syariah mengenai akad *muḍārabah*, jangka waktu yang ditawarkan, dan keuntungan-keuntungan yang diperolehi dari akad *muḍārabah* yang ditawarkan Bank Syariah Mandiri.

Bab IV merupakan bahagian inti dari permasalahan yang dikemukakan dengan analisis aplikasi pelaksanaan akad *muḍārabah* di Bank Syariah Mandiri Jakarta. Analisis ini akan membincangkan hubung kait antara akad *muḍārabah* dalam pembiayaan kepada pelanggan industri kecil dan sederhana. Penentuan nisbah perkongsian untung dan mekanisme pengiraan penyaluran dana *muḍārabah* kepada pelanggan akan dibincangkan dalam bab ini. Segala maklumat yang diperolehi akan dianalisa dengan menggunakan beberapa metod yang telah ditetapkan di awal kajian.

Bab V merupakan bahagian inti terakhir penutup kepada kajian, penulis akan membuat rumusan berdasarkan kepada dapatan kajian. Selain itu, penulis akan turut mengutarakan beberapa cadangan atau saranan yang dirasakan perlu dan penting untuk tindakan susulan berkaitan masalah akad *muḍārabah* di Bank Syariah Mandiri.

BAB II

TEORI *AL-MUḌĀRABAH* DALAM EKONOMI ISLAM

2.1. Pengenalan

Pada zaman pra Islam, perniagaan adalah salah satu aktiviti seharian masyarakat Arab jahiliyah kerana mereka suka berniaga. Rasulullah s.a.w sendiri sebelum diangkat menjadi Rasul Allah telah pun terlibat dalam amalan perniagaan yang berasaskan *al-muḌārabah* dengan seorang hartawan wanita Arab iaitu Siti Khadijah ra.h binti al-Khawaylid r.a sebagai pemodal dan Rasulullah s.a.w sebagai pengusaha pada masa itu dengan membawa barang dagangan ke Syam. Perniagaan Rasulullah s.a.w tersebut memperolehi keuntungan yang banyak. Bentuk perniagaan ini kemudian diguna pakai Islam sebagai prinsip dalam Fiqh Muamalah Islam.

Prinsip *muḌārabah* yang diamalkan pada zaman awal Islam dan era Rasulullah s.a.w berlaku dalam bentuk sederhana. Akad ini biasanya melibatkan seorang pemodal (*rabb al-māl*) dan seorang pengusaha (*al-muḌārib*) sahaja. Aliran *muḌārabah* berlaku antara dua pihak sahaja secara langsung, yakni *sāhib al-māl* berhubungan terus dengan *muḌārib*. Aliran ini adalah aliran standar yang boleh dijumpai dimana-mana kitab klasik fiqh Islam. Dan inilah sesungguhnya praktik *muḌārabah* yang dilakukan oleh Nabi dan para sahabat serta umat muslim sesudahnya. Prinsip *muḌārabah* ini telah pun diamalkan dalam perkhidmatan bank Islam masa moden sekarang.

Selain itu, bab ini akan menghuraikan tentang prinsip *muḌārabah* dalam Ekonomi Islam, fiqh klasik, perundangan Islam semasa berkenaan dengan amalan prinsip *muḌārabah* yang diguna pakai oleh perbankan Islam sekarang dan kesimpulan.

2.2. Pengertian Al-Muḍārabah

Dalam kitab-kitab Fiqh Klasik perkataan yang memberi makna yang sama dengan *muḍārabah* ialah *al-muqāradah* yang berasal dari kata *qārada* yang bererti terputus.²⁵ Kata *muḍārabah* berasal dari kata Arab yaitu “*daraba*” yang bererti bermusafir mengelilingi bumi atau menjelajah di atas bumi mencari rezeki yang dikurniakan Allah s.w.t dan ianya mengandungi makna yang sama dengan *al-qirād*²⁶ dan memukul bermaksud memukulkan kaki di atas bumi sebagaimana proses seorang pedagang pada masa dahulu hanya berjalan kaki dalam melakukan perniagannya kerana tidak mempunyai kenderaan sepertimana sekarang ini. Ini adalah kerana operasi awal setiap perniagaan itu memerlukan kepada perjalanan sebagaimana dijelaskan dalam al-Qur’an yang berbunyi :

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يُخَفِّتْكُمْ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ الْكَافِرِينَ

كَانُوا لَكُمْ عَدُوًّا مُبِينًا (١٠١)

“Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa..... “ (Surah an-Nisa (4) : 101).²⁷

Muḍārabah menurut istilah ialah suatu akad antara dua orang atau lebih, satu pihak disebut pemodal (*rabb al-māl*) dan pihak kedua disebut pengusaha (*al-muḍārib*) untuk melakukan aktiviti perniagaan atau usaha pelaburan dan *al-muḍārib* bersedia, masa untuk mengurus usaha yang akan dilakukan baik dalam keadaan yang penuh dengan risiko. Selain itu, yang menjadi asas dalam *muḍārabah* adalah aktiviti pelaburan

²⁵ Abū al-Fadl Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukarram al-Anṣarī Ibn Manẓūr (1994), *Lisan al-‘Arab*, j. 1. Mesir: Dār al-Ṣādir, hh, 544-545; Edward William Lane (1956), *An Arabic-English Lexicon*, Vol. 5, NewYork: Frederick Ungar Publishing Co, hh. 1777-1778; F. Streingass (t.t), *A Learner English-Arabic Dictionary*. Beirut: Riad Solh Square, h. 32; Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn ‘Alī Yūsuf al-Fīrūzābāzī al-Syīrāzī (t.t), *al-Muḥadhdhab*, j. 1. Mesir: Syarikah Maktabah Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥālābī wa Awlādih, h. 504; Syam al-Dīn Muḥammad Ibn Abū ‘Abbās Aḥmad Ibn Syihāb al-Dīn al-Ramlī (1938), *Nihāyah al-Muḥtāj*, j. 1. Mesir: Syarikah wa Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥālābī wa Awlādih, h. 217.

²⁶ Ibn Manẓūr (1994), *op.cit.*, j. 2. Mesir: Dār al-Ṣādir, h. 544; ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī (1986), *Fiqh ‘AlāMadhāhib al-‘Arba‘ah*, j. 3. Mesir: Dār al-Irsyād wa li al-Tiba‘ah wa Nasyr, h. 30; al-Sarkhasī,(t.t), *op.cit.*, j. 11, h. 22 ; Afzal al-Rahman (1976), *Economic Doctrines of Islam Banking and Insurance*, vol. 4. London: The Muslim School Trust, h. 306; Lihat Ibn Qūdar (t.t), *op.cit.*, j. 8, h. 445.

²⁷ Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur’an dalam kajian ini berdasarkan al-Qur’an al-Karim bi Rasm ‘Uthmani dan Terjemahnya diterbitkan di Kuala Lumpur oleh Pustaka Darul Iman dengan kelulusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan KDN.

untuk memperoleh keuntungan dan kedua belah pihak sama-sama memperoleh bagian dari keuntungan tersebut sesuai dengan kadar peratusan yang telah disetujui pada masa akad dimeterai. Jika pelaburan tersebut tidak memperoleh keuntungan melainkan kerugian ianya akan ditanggung oleh pemodal sahaja,²⁸ Sementara *al-muḍārib* hanya menanggung kerugian dari sudut kerugian masa, tenaga, dan fikiran dalam melakukan usaha-usaha pelaburan. Jika kerugian berlaku disebabkan oleh kelalaian dan kecurangan pihak pengusaha (*al-muḍārib*), maka *al-muḍārib* wajib bertanggungjawab atas kerugian tersebut.²⁹

Pengertian lain dari kata *muḍārabah* yang bersinonim dengan *al-muqāradah* yang bererti suatu akad perkongsian antara dua belah pihak atau lebih, satu pihak sebagai pemodal (*ṣāhib al-māl*) menyediakan modal 100% sedangkan pihak lainnya sebagai pengusaha (*al-muḍārib*) hanya sebagai pengelola modal tersebut untuk diusahakan dan keuntungan dari usaha tersebut dikongsi sama antara kedua belah pihak berakad dengan nisbah atau kadar peratusan yang disetujui pada awal dimeterai.³⁰

Penduduk Hijaz menyebut *muḍārabah* dengan *al-qirād* dan *al-muqāradah* yang diambil dari kata *al-qārd* yang bermakna al-qat bererti terputus ataupun istilah *qirad* diambil dari pada *muqāradah* yang bermakna *al-musāwah* (persamaan), sebab dua orang yang berakad mendapat bahagian dari pada keuntungan. Manakala penduduk Iraq lebih gemar menyebutnya dengan istilah *muḍārabah* sebab pengusaha (*al-muḍārib*) perlu berjalan (*musafir*) dan perjalanan itu diambil dari kata *dārba fi al-ārd*.³¹ Istilah ini

²⁸ Syaikh Muhammad al-Syārbīnī al-Khaṭīb (t.t), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 2. Lebanon: Maktabah al-Islamiyyah, h. 310; Syams al-Dīn al-Sarakhsī (t.t), *al-Mabsūt*, j. 11, Beirut: Dār al-Maʿrifah., h. 18; Muhammad Abu Suʿad (1980), “Money Interest and Qirad, dalam Khurshid Ahmad (ed.) *Studies In Islamic Economics*. Leicester, UK: Islamic Foundation Jeddah: International Centre for Research In Islamic Economics King Abdul Aziz University, h. 66; ‘Abd al-Raḥmān al-Jazīrī (t.t), *op.cit.*, j. 3, h. 34.

²⁹ Syams al-Dīn Abū al-Farj ‘Abd al-Raḥmān Ibn Abū ‘Umar Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Qudāmah al-Maqdisi (t.t), *al-Syarḥ al-Kabīr*, j. 5. Mesir: Dār al-Kitāb al-‘Arabīyyah, h. 165; Muhammad Syafī ‘Antonio (2000), *op.cit.*, h. 95.

³⁰ Wahbah al-Zūhayli (1996), *op.cit.*, h. 836. Dan lihat Muhammad Muslehuddin (1996), “*Urusan Bank dan Hukum Islam*”, Izuddin ibn Mahmud, (Terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka., h. 66.

³¹ Muhammad Syarbīnī al-Khatīb (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 309; al-Rakībī (t.t), *op.cit.*, j. 1. Mesir: Syirkah Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣhafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 400; al-Sarakhsī (t.t), *op.cit.*, j, 11, h. 18; al-Imām Mālik Ibn Anas (t.t), *op.cit.*, h. 687.

telah digunapakai oleh Ulama Hānafi, Hānbali dan Zaydi. Manakala ulama mazhab Māliki dan Syafi'i lebih gemar menggunakan istilah *qirād* bererti terputus.³² Maksud terputus ini disebabkan pemberian hak atas modal oleh pemodal kepada usahawan modal (*al-muḍārib*) untuk dilaburkan sehingga pemilik modal telah kehilangan hak menggunakan harta (modal) dan harta tersebut telah diserahkan kepada *al-muḍārib* untuk dilaburkan atau diniagakan.³³ Selain itu, ada juga yang mengertikan prinsip ini dengan erti kongsi sama ekuiti dan kongsi sama untung.³⁴

Prinsip *muḍārabah* menurut konteks moden dalam institusi perbankan Islam sekarang ini diertikan sebagai berikut, pihak pengusaha (*al-muḍārib*) menggunakan sumber dana simpanan pendeposit yang ada di bank dan bank bertindak sebagai perantara pengusaha untuk membuat pelaburan atau melantik pada pihak ketiga bagi menjalankan kerja-kerja pelaburan demi faedah bersama antara pihak ketiga dan keuntungan dari pelaburan itu akan dikongsi sama antara pihak yang berakad mengikut persetujuan bersama, jika kerugian berlaku ianya akan ditanggung oleh pihak pemodal dan amalan seperti ini disebut dengan prinsip *muḍārabah musytarikah*.³⁵ Amalan prinsip *muḍārabah muşyārah* mengandungi tiga prinsip asas dalam akad *muḍārabah* iaitu :

1. Adanya persetujuan antara pemodal dengan pelabur (pengusaha).
2. Adanya kebebasan pelabur menggunakan modal dalam perniagaan.
3. Adanya pembahagian keuntungan dari kadar peratusan yang telah disepakati pada awal akad dibuat.³⁶

³² al-Ramli (1983), *Nihāyah al- Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minhāj*, j. 1. Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba‘ah Muşṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h. 217.

³³ Sayyid Aḥmad al-Dardīr (t.t), *Syarḥ al-Kabīr Li Abū al-Barakāt*, j. 3. Mesir: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah, h. 517; al-Kāşānī (t.t), *op.cit.*, h. 3587-3589 dan Lihat Juga Umar Chapra (1990), *Towards a Just Monetary System*. Leicester U.K: The Islamic Foundation, h. 37.

³⁴ al-Ramli (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 217; Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Bank Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., h. 70.

³⁵ Ab. Mu‘min Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Kekemajuan Islam Malaysia, h. 405.

³⁶ Sobri Salomon (1984), *Bank Islam*. Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia, h. 92.

2.3. Pensyariatan Akad *Muḍārabah*

Semua ulama mazhab fiqh dalam perundang Islam mengiktiraf keabsahan akad *al-muḍārabah* dan pensyariatan ini tidak diragui lagi kerana dalil pensyariatan tersebut terdapat dalam al-Qur'an, al-hadith, Ijma dan Qiyas.³⁷

2.3.1. Dalil al-Qur'an

Dalam al-Qur'an secara umum dasar pensyariatan prinsip *muḍārabah* lebih mencerminkan anjuran untuk melakukan suatu usaha dalam mencari rezeki yang dikaruniakan oleh Allah s.w.t melalui perniagaan, pertanian, perikanan dan lain lainnya. Kata *muḍārabah* berasal dari kata *al-dhārb fi al-ārdhi'* iaitu usaha dalam perniagaan. Sebagaimana firman Allah s.w.t di bawah ini:

وَأَخْرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ (٢٠)

“Dan yang lainnya orang-orang bermusafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah.” (Surah al-Muzammil (73) : 20).³⁸

Dan yang menjadi argumentasi dari surah al-Muzammil ayat 20 ini adalah adanya kata *yudribuna* yang sama dengan akar kata *muḍārabah* yang bererti melakukan usaha yang menggunakan perjalanan dan menghabiskan waktu, tenaga dan fikiran. Sebagaimana firman Allah s.w.t di bawah ini:

﴿فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ أَتَفْلِحُونَ﴾

“Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah.” (Surah al-Jum‘ah (62) : 10).³⁹

³⁷ al-Ramli (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 3587-3588; Afzal al-Rahman (1979), *op.cit.*, h. 308, dan lihat juga Ab. Mu‘min Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 393.

³⁸ Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an al-Karim bi Rasm ‘Uthmani dan Terjemahnya diterbitkan di Kuala Lumpur oleh Pustaka Darul Iman dengan kelulusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan KDN.

³⁹ *Ibid.*

Manakala dalam ayat yang lain, Allah s.w.t turut membenarkan perniagaan ketika mengerjakan ibadah haji sebagai mana disebutkan di bawah ini :

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَاذْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَاذْكُرُوهُ كَمَا هَدَاكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لَمَنِ الضَّالِّينَ (١٩٨)

“Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan haji).” (Surah al-Baqarah (2) : 198).⁴⁰

Ayat-ayat di atas mendorong kaum muslimin melakukan perjalanan dalam aktiviti perniagaan kerana pada masa dahulu tidak ada kenderaan sebagaimana pada masa sekarang.

2.3.2 Dalil al-Hadith

Ada beberapa hadith yang menyentuh tentang masalah *muḍārabah* seperti al-hadith dari Ibn ‘Abbās yang diriwayatkan oleh al-Tabrāni,⁴¹ sebagai berikut :

كان العباس بن عبد المطلب إذا دفع المال مضاربة اشترط على صاحبه أن لا يسلك به بحرا ولا ينزل به واديا ولا يشتري به ذات كبد رطبة فإن فعل ذلك فهو ضمن فبلغ شرطه رسول الله صلى الله عليه وسلم فأجاره شرطه

“Diriwayatkan dari Ibn ‘Abbas bahawa Sayyidina ‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭṭalib jika memberikan dana (modal) secara *muḍārabah* ia mensyaratkan agar dananya tidak dibawa mengarungi lautan, menuruni lembah yang berbahaya, atau membeli ternakan. Jika menyalahi peraturan tersebut, yang bersangkutan bertanggungjawab atas dana tersebut. Disampaikan syarat tersebut kepada Rasulullah s.a.w dan Rasulullah s.a.w membolehkannya”

Al-Hadith dari Ṣālih Ibn Suhayb r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda) maksudnya :

ثلاث فيهن البركة البيع إلى أجل والمقارضة وإخلاق البر بالشعير للبيت لا للبيع

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ *Ibid.*

“Dari Ṣālih Ibn Suhayb r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Tiga hal yang di dalamnya terdapat keberkatan: jual beli secara tangguh, *muqāradah* (*muḍārabah*, dan mencampur gandum dengan tepung untuk keperluan rumah tangga bukan untuk dijual”.

(Takhrij hadith lengkap, Ibn Majah, Sunan Ibn Majah).⁴²

2.3.3. Dalil Qiyas

Prinsip bermuamalat yang berasaskan *muḍārabah* boleh diqiyaskan dengan *al-musāqah*,⁴³. Hal ini untuk memenuhi keperluan manusia dalam menjalani hidup sehariannya, kerana umat manusia ada yang punya harta tetapi tak mempunyai keahlian untuk berniaga. Maka itu prinsip *muḍārabah* diharuskan untuk memenuhi keperluan umat manusia dan sesungguhnya Allah tidak mensyariatkan suatu akad kecuali untuk kemaslahatan hamba dan menolak sebarang kesukaran yang dihadapi⁴⁴.

Hikmah dari pensyariatan prinsip *al-muḍārabah* adalah jelas kerana ia merupakan satu keperluan penting demi menjaga kemaslahatan bermuamalat sesama manusia dan faedah prinsip ini antaranya sebagai berikut:

1. Pemodal yang mempunyai wang dan mempunyai kemahiran dalam perniagaan boleh mengembangkan wangnya dengan menggunakan prinsip ini;
2. Pengusaha yang mempunyai kemahiran dalam perniagaan tetapi tidak mempunyai modal berpeluang menjalankan perniagaan dengan modal pemodal dengan prinsip *al-muḍārabah*; dan

⁴² Abū‘Abd Allāh Ibn Muḥammad Ibn Yazīd Ibn Mājah (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, j. 2. Kaherah: Maṭba‘ah Dār al-Ḥya’ al-Kutub al-Arabīyah, h. 768. Ḥadīth. No. 2289; al-Syawkānī (t.t). *Nayl al-Awtār*, j. 5. Kaherah: Syarikat Maktabah wa Maṭba‘ah Muṣafā al-Bābī āl- Ḥalabī wa Awlādih, h. 301 : Lihat juga Muhammad ibn Ismā‘il al-Ṣanānī (t.t), *Subul al-Salām Sayḥ Bulugh al-Maram*, j. 3. Beirut: Dār al-Maktabah al-Ḥāyah, h. 96.

⁴³ *al-Musāqah* adalah bentuk yang lebih sederhana dari *al-muzāra‘ah* dimana si peladang hanya bertanggungjawab atas penyiraman dan pemeliharaan ladang sedangkan benih dari pemilik lahan, sebagai imbalan atas upah bagi peladang berhak atas nisbah peratusan tertentu dari hasil penuaian atau panen; Ahmad al Syarbasyī (1987), *al-Mu‘jam al-Iqtisād al-Islāmī*. Beirut: Dār al-‘Ālam al Kutūb, h. 124; lihat juga Muhammad Syafī’I Antonio (2001), *op. cit.*, h. 100

⁴⁴ al-Kāsānī (t.t), *op. cit.*, h. 3588; Syam al-Dīn al-Sarkhasī (t.t) *op. cit.*, 11, h. 18; Muhammad Syarbini Khatib (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 309; al-Syirāzī (t.t), *op. cit.*, h. 384

3. Kesan dari pada penggabungan pemodal dengan pengusaha akan menghasilkan keuntungan dan peningkatan perniagaan akan membaawa kepada kemakmuran umat Islam.⁴⁵

2.4. Hukum *Muḍārabah*

Hukum *muḍārabah* adalah boleh sesuai ijma' (kesepakatan) ulama, Rasulullah s.a.w pernah melakukan transaksi *muḍārabah* dengan modal dari Khadijah ra.h. Ia pergi ke Syam dengan membawa modal tersebut diperdagangkan. Peristiwanya terjadi masa sebelum kenabian.

Muḍārabah sudah ada sejak zaman jahiliyah dan pada masa Islam tetap dibenarkan sebagai praktek. Ibnu hajar menyebutkan, *muḍārabah* telah berlaku pada masa Rasulullah s.a.w yang diketahui dan ditetapkannya. Jika tidak, tentu Rasulullah s.a.w tidak membiarkannya menjadi praktek dalam masyarakat.

Pada sebuah riwayat bahawa Ubayd Allāh, dua putra Umar bin Khaṭṭāb r.a, bepergian ke Irak dalam rombongan pasukan. Ketika kembali, keduanya singgah mengunjungi gubernor Irak, iaitu Abū Muṣa al-Asy'āri di kota Basrah. Ia menerima kedatangan mereka dengan senang hati dan berkata, "Sekiranya aku dapat memberikan kalian suatu pekerjaan yang bermanfaat." Ia melanjutkan, "Sebetulnya begini, ini adalah sebahagian dari harta Allah yang akan aku kirimkan kepada Amirul Mu'minin. Aku pinjamkan kepada kalian untuk dipakai membeli barang-barang yang ada di Irak, kemudian kalian jual di Madinah. Kalian kembalikan modal utama kepada Amirul Mu'minin, dengan demikian kalian mendapatkan keuntungan." Keduanya lalu berkata, "Kami senang melakukannya." Selanjutnya Abu Musa melakukan hal tersebut dan

⁴⁵ Akmal al-Din Muhammad Ibn Mahmud al-Babarti (t.t), Syarh al-'Inayah, j. 8, Mesir: Syarikah Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awlādih, h. 446; Mustafa HJ. Daud (1994), *Perniagaan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distribution Sdn Bhd, h. 45

menulis surat kepada Umar untuk mengambil harta dari keduanya.⁴⁶ Setelah tiba, mereka menjual barang yang dibelinya di Irak dan mendapatkan keuntungan. Umar lalu berkata, “Apakah semua pasukan semua pasukan mendapatkan pinjaman seperti kalian?” Mereka menjawab, “Tidak.” Umar kemudian berkata, “Dua anak Amirul Mu’minin, kerananya merreka meminjamkan. Serahkan harta dan keuntungannya.

Abdullāh diam sahaja, tetapi Ubayd Allāh menjawab, “Wahai Amirul Mu’minin, kalau harta itu rugi (habis) kami yang menjaminnya.” Umar terus berkata, “Serahkan.” Ubayd Allāh diam sahaja dan Ubayd Allāh tetap mendebatnya. Salah seorang yang hadir di Majelis Umar berkata, “Wahai Amirul Mu’minin, bagaimana sekiranya harta itu dianggap qirād?” Umar menyetujui pendapat tersebut dan mengambil modal bersamaan dengan separuh keuntungan.⁴⁷

2.5. Sejarah Amalan Akad *Muḍārabah*

Pelaksanaan prinsip *al-muḍārabah* sudah lama diamalkan sejak zaman jahiliyyah. Apabila Islam datang pada tahun 614 M, amalan urusanniaga ini tidak dilarang oleh Nabi Muhammad s.a.w, malah ianya diiktiraf oleh Islam kerana banyak faedah yang diperolehi dari bermuamalat dengan prinsip *al-muḍārabah*.⁴⁸ Adapun contoh pelaksanaan prinsip *al-muḍārabah* sebelum kedatangan Islam seperti yang dilakukan oleh Siti Khādirah binti al-Khuwāyid ra.h, ia merupakan seorang perempuan yang kaya pada zaman itu, telah memberikan kekayaannya kepada orang lain untuk diurusniagakan. Apabila urusanniaga itu memperoleh keuntungan, maka ianya berkongsi sama keuntungan dengan orang yang mengurusniaga dengannya. Begitu juga dengan baginda Nabi Muhammad s.a.w sebelum beliau diangkat menjadi seorang Rasulullah s.a.w pada usia 40 tahun. Baginda telah terlibat secara langsung dengan prinsip perniagaan berasaskan *muḍārabah* dengan modal kekayaan Siti Khādirah ra.h dalam

⁴⁶ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3588 ; al-Syīrāzī, *op.cit.*, h. 504.

⁴⁷ al-Sarakhasi (1939), *op.cit.*, hh. 18-19.

⁴⁸ al-Bābārti (t.t), *op. cit.*, h. 446; ‘Abd al-Raḥman al-Jazīrī (1996), *op. cit.*, h. 43

perdagangan ke Negeri Syam (Syiria). Perniagaan itu telah memperolehi keuntungan dan Baginda s.a.w telah mendapat bahagian dari keuntungan yang diperolehi dari urusan niaga tersebut.⁴⁹ Setelah Islam tersebar keseluruh semenanjung Arab, amalan prinsip *al-muḍārabah* terus digunapakai oleh peniaga-peniaga tanah Arab, sebagaimana kisah kedua orang anak Sayyidina ‘Umar bin Khaṭṭab r.a.⁵⁰ Pada zaman sahabat turut menjadi bukti pemakaian prinsip *al-muḍārabah* masih terus diamalkan oleh orang Islam.⁵¹ Manakala zaman ekonomi moden prinsip *al-muḍārabah* masih cukup sesuai diamalkan dalam Institusi kewangan Islam seperti diamalkan Mit Ghamr Local Saving Bank pertama di dunia pada tanggal 25 Agustus 1963 di Mesir, dan diikuti dengan penubuhan Nasser Social Bank tahun 1972, Faisal Islamic Bank tahun 1977 dan International Bank for Investment and Development pada tahun 1980.⁵²

2.6. Rukun *Muḍārabah*

Adapun rukun *al-muḍārabah* menurut kalangan mazhab Hānafi ialah *ijāb* dan *qābul*. Lafaz yang dikatakan oleh pemodal ketika menyerahkan modalnya kepada pengusaha *ijāb* dan *qābul* ialah lafaz penerimaan yang dikatakan oleh pengusaha setelah menerima modal dari pemodal, seperti lafaz tawarann pemilik harta melafazkan, “Ambillah harta ini atas dasar *al-muḍārabah* atau *qirād* dengan keuntungan yang diperoleh dibahagi antara kita, sama ada separuh atau satu per empat atau satu per tiga atau dalam bentuk lain, lafaz *qābul* (penerimaan) oleh *muḍārib* seperti “aku bersetuju atau aku terima” atau dengan ucapan-ucapan lainnya yang bermakna serupa, apabila tawaran dan penerimaan telah ada, maka akad itupun sudah terbentuk atau sah.⁵³ Manakala di sisi Mazhab Syafi’ī pula ada enam rukun *al-muḍārabah* iaitu dua orang

⁴⁹ Afza al-Rahman (1979), *op. cit.*, h. 307.

⁵⁰ al-Kāsānī (t.t), *op. cit.*, j. 9, h. 3588; Lihat juga Muhammad Naim bin Idris (2000), *op. cit.*, h. 50.

⁵¹ al-jazīrī (1986), *op. cit.*, h. 43; al-Kāsānī (t.t), *op. cit.*, h. 3587.

⁵² Ahmad Abd al-Aziz al-negar (1984), *100 Question and Answers Concerning Islamic Bank*. Muhammad Dziauddin Hj Ahmad, (terj.). Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia, h. 39; Sudin Harun (1996), *op. cit.*, h. 12.

⁵³ Ibn Qūdrī (t.t), *op. cit.*, j. 8, h. 445; al-Kāsānī (t.t), *op. cit.*, h. 3588; al-Ramlī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 226.

yang berakad (pemodal dan pengusaha), adanya modal, usaha, keuntungan dan lafaz akad.⁵⁴ Sementara menurut kalangan fuqaha' ada tiga perkara yang menjadi rukun *al-muḍārabah* iaitu:

1. Adanya pemodal (*ṣāhib al-māl*) dan pengusaha (*al-muḍārib*);
2. Adanya perkara yang diakadkan yang mengandungi (modal usaha, jenis usaha perniagaan dan menetapkan peratusan bahagian keuntungan yang diperolehi); dan
3. Adanya lafaz *ijāb* dan *qābul* oleh kedua belah pihak yang berakad.⁵⁵

2.7. Syarat Pemodal dan Pengusaha dalam Akad *Muḍārabah*

Pemodal dan pengusaha hendaklah orang yang layak menjadi wakil dan mampu untuk uruskan harta.⁵⁶ al-Syirāzi dari fuqaha' mazhab Syafi'i berpendapat bahawa kanak-kanak tidak berkeahlian untuk melantik wakil, maka tidak sah baginya membuat akad *muḍārabah*.⁵⁷ Al-Buhūti fuqaha' dari kalangan mazhab Hanbali berpendapat tidak sah bagi kanak-kanak yang mumayyiz yang belum baligh membuat akad kehartaan sekalipun dengan izin walinya.⁵⁸ berbeza dengan pendapat al-Kāsāni dari kalangan Hānafi dan Ibn Rusyd dari pada kalangan mazhab Maliki yang berpendapat bahawa kanak-kanak mumayyiz yang diberi izin berniaga oleh walinya, sah baginya melakukan akad *al-muḍārabah* dengan hartanya.⁵⁹ Selain itu, akad *al-muḍārabah* tidak hanya disyaratkan bagi orang muslim sahaja tetapi sebaliknya dibenarkan membuat perjanjian *muḍārabah* dengan orang bukan muslim seperti (*kafir dhimmi*) atau orang kafir yang

⁵⁴ al-Dīn Muhammad Khujah (1993), *Nazarīyah al-'Aqd fi al-Fiqh al-Islām*. Jeddah: Dallah al-Barakah, h. 23; al-Ramlī (1938), *op. cit.*, j. 1, h. 219; al-Kāsāni (t.t), *op. cit.*, h. 3588; al-Tanūkhī (t.t), *al-Mudawwana al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Ṣadir, hh. 90-91; al-Sarakhasī (t.t), *op. cit.*, h. 33; al-Māwardī (t.t), *op. cit.*, h. 158 dan lihat Ibn Qudāmah (t.t), *op. cit.*, h. 35.

⁵⁵ al-Nāwawī (t.t), *op. cit.*, h. 140; Wahbah al-Zuhaylī (1989), *op. cit.*, h. 839; al-Ramlī (t.t), *ibid*; Lihat juga Muhammad Naim bin Idris (2000), *op. cit.*, h. 51

⁵⁶ al-Ramlī (t.t), *op. cit.*, h.226; al-Dusuqī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 517.

⁵⁷ al-Syirāzī (t.t), *op. cit.*, h. 459.

⁵⁸ al-Buhuti (t.t), *op. cit.*, h. 450.

⁵⁹ al-Kāsāni (t.t), *op. cit.*, h. 3347

tinggal di Negara Islam.⁶⁰ Pengusaha disyaratkan mendapat kebenaran dari pemodal terlebih dahulu sekiranya hendak menyerahkan modal kepada pihak ketiga yang diusahakan bagi mendapatkan keuntungan, atau ingin mengambil modal dari pemodal lainnya dengan maksud untuk membesarkan modal.⁶¹

2.8. Syarat-syarat Modal dalam Akad *Muḍārabah*

1. Modal hendaklah terdiri daripada wang tunai.⁶² Seperti emas, perak yang bercetak dan tidak berbentuk barang komoditi kerana harga barang selalu mengalami perubahan yang akan menyebabkan kesukaran menentukan keuntungan yang diperolehi dari pelaburan dan mungkin juga boleh berlaku disebabkan oleh peredaran masa dan tempat, oleh itu modal dalam akad *muḍārabah* hendaklah dalam bentuk wang tunai;⁶³
2. Modal yang dikeluarkan hendaklah diketahui kadar dan jenisnya.⁶⁴ Ini adalah kerana jika modal tidak diketahui keadannya maka dengan sendirinya perjanjian *muḍārabah* tidak sah. Sebarang kejahilan terhadap modal membawa kepada kejahilan tentang keuntungan yang akan diperolehi yang seterusnya akan merosakan perjanjian *muḍārabah*;⁶⁵
3. Modal yang dikeluarkan hendaklah sedia ada wujud ketika akad dibuat, bukan dalam bentuk hutang.⁶⁶ hal ini telah disepakati di kalangan ulama.⁶⁷ namun,

⁶⁰ al- Kāsānī (t.t), *ibid.*, h. 3593; al- Syīrāzī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 505; al-Dusuqī (t.t), *op. cit.*, j. 3, h. 517; al-Ramlī (t.t), *op. cit.*, j. 1, h. 219; Wahbah al- Zuḥayli (1989), *ibid.*, h. 84

⁶¹ Abū Muḥammad ‘Abd Allāh Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Qudāmah (t.t), *al-Mughūi*. Mesir; Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 161-163; al-Syīrāzī (t.t), *op. cit.*, h. 507; al-Dardīr (t.t), *op. cit.*, h. 533; al-Ramlī (t.t), *op. cit.*, h. 507; dan lihat juga Ab, Mu’min Ab. Ghani (1999), *op. cit.*, h. 397; Lihat juga Muhammad Naim bin Idris (2000), *op. cit.*, h. 51.

⁶² al-Syīrāzī (t.t), *ibid.*, h. 505; al-Kāsānī (t.t), *op. cit.*, h. 3594; al-Ramlī (t.t), *op. cit.*, j. 5, hh. 219-220; ibn Qudāmah (t.t), *op. cit.* j. 5, h. 291.

⁶³ Muhammad Syarbīnī al-khaṭīb (t.t) *op.cit.*, h. 310; al-Syīrāzī (t.t), Wahbah al-Zuḥayli (1989), *op.cit.*, h. 843.

⁶⁴ Syam al-Dīn Muḥammad al- Syarbīnī al-khaṭīb (t.t) *op.cit.*, h. 310 dan lihat juga al-Syīrāzī(t.t), *op.cit.*, h.505; al-Kāsānī (t.t) *op.cit.*, h. 3595

⁶⁵ Ibn. Qudāmah (t.t), *op.cit.*, h. 141 ; al-Kāsānī(t.t), *op.cit.*, h. 3595; al-Dusuqī (t.t), *op.cit.*, h. 518; Wahbah al-Zuḥayli (1989),*op.cit.*,h.844.

⁶⁶ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3595; ibn al-Qudāmah (t.t), *op.cit.*, h. 292

⁶⁷ al- Syarbīnī al-khaṭīb (t.t), *op.cit.*, h. 310

ulama berbeda pendapat mengenai persoalan hutang pemodal terhadap pengusaha dan juga hutang pihak lain yang hendak dijadikan modal *muḍārabah*. Jumhur ulama dan Ibn Qudāmah dari kalangan Mazhab Hānbali melarang *muḍārabah* dengan pemodal yang berada dalam tanggungan *muḍārib* dalam bentuk hutang.⁶⁸ tetapi pendapat lain membolehkan kerana pihak pengusaha telah mendapat kebenaran dari pemodal;⁶⁹ dan

4. Modal tersebut hendaklah diserahkan kepada pengusaha supaya urusan pelaburan dapat dilakukan.⁷⁰ Maka tidak sah akad *muḍārabah* jika modal tidak diserahkan kepada pengusaha menurut jumhur,⁷¹ sedangkan menurut pendapat mazhab Hānbali tidak disyaratkan penyerahan modal oleh pemodal, bahkan membenarkan pengusaha menguruskan modal tersebut walaupun masih di tangan pemodal.⁷²

2.8.1. Penerima Modal adalah Penerima Amanah

Apabila akad *muḍārabah* telah dilakukan dan pihak pekerja telah menerima harta (modal), maka modal tersebut merupakan amanah bagi pihak pekerja dan tidak bertanggungjawab (apabila mengalami kerugian), kecuali dengan sengaja. Apabila harta tersebut hilang (rugi) tanpa sengaja maka ia tidak wajib menggantinya. Namun, ia harus bersumpah jika dituduh menghilangkan atau menghabiskan harta tersebut (secara sengaja), kerana dasar awal pihak pekerja tidak melakukan khianat atas amanahnya.

⁶⁸ al-Syīrāzī dari kalangan mazhab Syāfi'i berpendapat, bahwa modal *al-muḍārabah* yang berbentuk hutang masih pada *muḍārib* tidak sah, maka bermuḍārabah dengan harta hutang yang masih ditangan *muḍārib* juga tidak sah. al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 510; ibn al-Qudāmah (t.t), *op.cit.*, hh. 292-293

⁶⁹ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3596; Āḥmad Ibn Yahyā ibn al-murtaḍā (1948), *Kitāb al-Baḥ al-Zakhkhan al-jāmi' li Madhāb 'ulamā al-amṣār*, j. 4. Kāherah: Maktabah al-Khauj, h.82

⁷⁰ Burḥān al-Dīn 'Alī Ibn Abū Bakr al-Marghinānī (t.t), *al-Hidāyah*, j. 8, Mesir: Syarikah Maktabah Maṭba'ah Muṣṭafā al -Bābī al-Ḥalbi wa Awlādih, h.452; al-Ramlī (t.t), *op.cit.*, h. 221; al-Dusuqī (t.t), *op.cit.*, j.3,h. 51; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3599

⁷¹ Al-Sarakhasī (t.t), *op.cit.*, h. 27; Muhammad Syarbīnī al-Khaṭīb (t.t), *op.cit.*, h. 313; Wahbah al-Zuḥaylī (1989), *op.cit.*, h. 845

⁷² Maṣṣūr Ibn Yusuf Ibn Idris al-Bahtutī (1970), al-Rawḍ al-Marbi Syaikh Zar al-Mustaḥḥiq, j.3. Riyad : Maktabah al-Riyad al-Ḥadīthah, h. 553; lihat juga Muhammad Naim Bin Idris (2000), *op.cit.*, hh. 52 - 53

2.8.2. Penerima Modal Melaburkan Modal Pada Pihak Ketiga

Pihak pekerja tidak diperbolehkan Melaburkan lagi modal (kepada pihak ketiga), dan dianggap sebagai pelanggaran atas akad. Pengarang kitab *Bidāyāthul al-Mujtāhid* berpendapat, “Majoriti ahli fiqih sepakat bahawa apabila penerima modal menyerahkan modal *muḍārabah* kepada pihak ketiga untuk dikelola, maka harus mempertanggungjawabkan harta tersebut jika mengalami kerugian. Jika ada laba, ketentuan perkongsian untung dan rugi menurut persyaratan pihak pemilik modal. Dan pihak ketiga wajib menyerahkan harta yang ada kepada pemilik modal awal. Dalam hal ini, yang terjadi adalah pelaburan langsung (*direct financing*) antara *ṣāhib al-māl* (sebagai unit kekurangan) dan *muḍārib* (sebagai unit kekurangan). Dalam hal semacam ini, peran bank sebagai institusi perantara (*intermediary*) tiada.

Muḍārabah klasik seperti ini memiliki ciri-ciri khas, yakni bahawa biasanya hubungkait antara *ṣāhib al-māl* dan *muḍārib* merupakan hubungan personal dan langsung serta didasari oleh rasa saling percaya (*amanah*). *Ṣāhib al-māl* hanya mau membahagi modalnya kepada orang yang ia kenal dengan baik-baik kemahiran maupun karakternya. Modus *muḍārabah* semacam itu sudah tidak efisien lagi dan kecil kemungkinannya untuk dapat diguna pakai oleh bank, kerana beberapa hal: (1) sistem kerja pada bank adalah pelaburan berkumpulan, di mana mereka tidak saling mengenalsatu sama lain. Jadi kecil sekali kemungkinannya terjadi hubungan yang langsung dan personal. (2) banyak pelaburan sekarang ini memerlukan dana dalam jumlah besar, sehingga diperlukan puluhan bahkan ratus ribuan *ṣāhib al-māl* untuk sama-sama menjadi penyumbang dana untuk satu projek tertentu. (3) lemahnya disiplin terhadap ajaran Islam menyebabkan sulitnya bank memperoleh jaminan keselamatan atas modal yang disalurkanannya.

Untuk mengatasi hal tersebut, khususnya masalah pertama dan kedua, maka ulama semasa seperti contoh melakukan inovasi baru atas aliran *muḍārabah*,

yakni *muḍārabah* yang melibatkan tiga pihak. Tambahan satu pihak ini dilakonkan oleh bank syariah sebagai institusi perantara yang mempertemukan *sāhib al māl* dengan *muḍārib*. Jadi, terjadi evolusi dari konsep pelaburan langsung menjadi pelaburan tidak langsung.

2.8.3. Nafkah Bagi Penerima Modal

Tentang nafkah bagi penerima modal *muḍārabah* diambil dari hartanya sendiri apabila ia muqim (tidak melakukan perjalanan), demikian juga bila ia bepergian untuk kepentingan *muḍārabah*. Kerana nafkah kemungkinan merupakan bahagian dari keuntungan, bererti pihak pekerja mengambil keuntungan, sedangkan pihak pemilik modal tidak mendapat bahagian dari keuntungan tersebut. Padahal pemilik modal mempunyai hak keatas keuntungan yang merupakan syarat akad *muḍārabah*.

Namun, apabila pemilik modal mengizinkan pihak pekerja dibolehkan mengambil nafkah dari modal *muḍārabah* apabila modal tersebut banyak, sehingga ada ruang untuk nafkah

2.8.4. Pembatalan Akad *Muḍārabah*

Akad *muḍārabah* menjadi batal kerana hal berikut :

1. Syarat sah *muḍārabah* tidak lengkap. Apabila salah satu syarat *muḍārabah* tidak terpenuhi, sedangkan pihak pekerja sudah menerima modal dan telah diniagakan, maka pihak usahawan berhak mendapatkan upah, kerana segala tindakan yang dilakukannya berdasarkan izin dari pemilik modal dan ia telah melakukan tugas yang layak mendapatkan upah.

Jika mendapat keuntungan, maka keuntungan tersebut untuk pemilik modal, maka keuntungan tersebut untuk pemilik modal dan juga kerugian menjadi tanggungjawabnya. Kerana pelaksanaan tidak lebih hanya sebagai pekerja sewaan yang tidak wajib mempertanggungjawabkannya, kecuali ia melakukan dengan sengaja.

2. Pihak pekerja melalaikan atau tidak peduli dalam berniaga dan menjaga modal, atau melakukan tindakan yang menyalahi tujuan akad *muḍārabah*. Pada kondisi tersebut, akad *muḍārabah* menjadi batal dan pihak pekerja bertanggungjawab atas kerugian modal kerana ia merupakan penyebab kerugian.
3. Pihak pekerja atau pemilik modal meninggal dunia.
4. Fasakh, Larangan mengurus Harta *Muḍārabah*.
5. Salah seorang yang berakad gila.
6. Berlakunya Kerusakan Harta *Muḍārabah* di Tangan Pengusaha.

2.8.5. Sikap Penerima Modal Selepas Kematian Pelabur (Pemilik Modal)

Sekiranya pemilik modal meninggal dunia, maka akad *muḍārabah* menjadi batal, dan pihak usahawan penerima modal tidak berhak untuk melanjutkan *muḍārabah*. Jika ia tetap melanjutkan tanpa izin ahli waris, tindakannya dianggap *ghāsāh* (menggunakan tanpa izin) dan dia bertanggungjawab atas harta modal tersebut (apabila mengalami kerugian).

Namun, apabila usahawanan modal tersebut mendapat keuntungan, maka keuntungannya dibahagi dua. Ibnu Taimiyah mengatakan, “Kaedah tersebut sesuai dengan apa yang dilakukan Umar bin Khaṭṭab r.a dalam menetapkan kes harta *bāitūl māl* dan kedua putranya yang memperdagangkannya sebelum mendapat izin, lalu Umar menjadikannya sbagai *muḍārabah*.”

Jika akad *muḍārabah* telah batal dan modal masih dalam bentuk *‘urūdh* (barang dagangan), maka pemilik modal (ahli warisnya) dan pihak pekerja menjual atau membahagi barang dagangan tersebut, kerana kedua belah pihak memiliki hak, dan apabila pihak pekerja setuju dengan penjualan barang tersebut dan pemilik tidak setuju, maka pemilik modal dipaksa untuk menjualnya, kerana pihak pekerja mempunyai hak bagi atas laba dan ia tidak mendapat bahagiannya kecuali dengan cara menjualnya.

2.8.6. Kehadiran Pemilik Modal Pada Saat Perkongsian Untung dan Rugi

Ibnu Rusyd berkata, “Para ulama sepakat bahawa pihak pekerja tidak dibolehkan melakukan perkongsian untung dan rugi tanpa kehadiran pemilik modal. Kehadiran pemilik modal merupakan syarat dalam perkongsian untung dan rugi. Pembahagian tersebut tidak cukup hanya dengan mengajukan bukti (tanpa transaksi) atau sejenisnya.”⁷³

2.9. Syarat Keuntungan dalam Akad *Muḍārabah*

1. Kadar keuntungan hendaklah diketahui oleh kedua-dua pihak. Ini adalah kerana tujuan akad *muḍārabah* adalah untuk mendapatkan keuntungan dan kejahilan mengenai keuntungan akan merosak akad.⁷⁴
2. Kadar keuntungan hendaklah luas iaitu tidak tetap, kadar ini membawa maksud sama ada ia ditentukan dengan nisbah seperti 30% dari keuntungan yang diperolehi bagi *al-muḍārib* dan 70% bagi sahib al-mal atau bentuk peratusan lainnya. Tidak boleh dengan meletakkan syarat 100 dinar dari keuntungan bagi *ṣāhib al-māl* atau kurang ataupun lebih dari itu.⁷⁵

2.10. Hak Pengusaha dalam Akad *Muḍārabah*

Adapun yang menjadi hak-hak pengusaha dalam akad *muḍārabah* sebagai berikut ini :

- a) Hal mendapatkan wang belanja. Para ulama fiqh, telah berbeza pendapat berkaitan wajibnya pengusaha mendapatkan wang belanja sebagai berikut :

⁷³ Ibn Rusyd (1981), *Bidāyatu al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 2. Kahera; Syarikah Makṭabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, h.234.

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ al-Sarakhasī (t.t), *op.ci.t.*, h. 27; Wahbah al-Zuḥaylī (1989) *op.ci.t.*, h. 850; Lihat juga Muhammad Naim Bin Idris (2000) *op.ci.t.*, h. 55.

1. Pendapat Ibrāhim al-Nakha'ī dan Ḥasan al-Bāsrī, al-Awza'ī dan al-Thawrī berpendapat, pengusaha berhak mendapatkan wang belanja dari harta *mudārabah* sama ada menetap dalam amalan perniagaan *mudārabah* mahupun bermusafir.⁷⁶
2. Al-Imām al-Syafi'ī, berpendapat tiada wang belanja untuk pengusaha dari wang modal, sama ada menetap atau musafir kecuali ia mendapatkan kebenaran dari pemilik modal terlebih dahulu. Ini kerana apa yang diberikan kepada pengusaha adalah sebahagian daripada keuntungan dan pengusaha tidak berhak ke atas sesuatu lainnya.⁷⁷
3. Menurut pendapat jumhur terdiri pada al-Imām Abū Ḥānifah, al-Imām Mālik dan golongan Zaidiyyah berpendapat pihak pengusaha berhak mendapatkan wang belanja dari wang modal ketika bermusafir mengikut apa yang diperlukan seperti makan, minum, dan pakaian.⁷⁸
4. Ulama Hānbali mengharuskan pihak pengusaha untuk mendapatkan wang belanja ketika menetap dan bermusafir dan penggunaan hanya kepada keperluan lazim dalam perniagaan dan tidak pembaziran.⁷⁹
5. Manakala menurut Mazhab Hānafi, pembelanjaan yang mesti diberikan kepada *mudārib* ialah diambil dari harta *mudārabah* seperti untuk keperluan makan, minum, pakaian, sewa bilik, sewa pengangkutan atau keperluan yang biasa dalam perjalanan⁸⁰ dan keperluan dalam membeli ubat-ubatan itu untuk kebaikan dirinya sehingga ia boleh melakukan perniagaan.⁸¹

⁷⁶ Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 164; Ibn Rusyd (1981), *op.cit.*, h. 234.

⁷⁷ Al-Ramlī (t.t), *op.cit.*, j. I, h. 233; al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, j. I, h. 508; al-Sarakhasī (t.t), *op.cit.*, h. 63; al-Syarbīnī al-Khaṭīb (1958), *op.cit.*, h. 317.

⁷⁸ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3647; al-Dusuqī (t.t), *op.cit.*, h. 53; al-Marghanānī (t.t), *op.cit.*, h. 575; al-Sarakhasī (1958), *ibid.*, h. 323; Muhammad Naim Bin Idris (2000), *op.cit.*, h. 56.

⁷⁹ Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, hh. 164 -165

⁸⁰ Abd Allāh Muḥammad Ibn al-Ḥasan al-Syaybānī (1990) al-Jāmi' al-Saghīr. Karachi : Idarāh al-Qur'ān wa al-Ulūm al-Islamiyyah, h. 432; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3647-3649.

⁸¹ Terdapat perbezaan diantara Ulama Mazhab Ḥanafī dalam masalah perbelanjaan untuk ubat-ubatan, al-Kāsānī berpendapat pembiayaan tersebut diambil dari harta *al-mudārabah*, namun yang lain berpendapat

b) Hak Mendapatkan Keuntungan

Pihak pengusaha berhak mendapatkan bahagian keuntungan dalam akad *muḍārabah* jika perniagaan memperoleh keuntungan. Sebaliknya jika perniagaan mengalami kerugian, maka pengusaha tidak berhak mendapatkan apa-apa upah kerana seolah-olah ia bekerja untuk dirinya sendiri.⁸² Jika perniagaan itu mendapatkan keuntungan, kedua-dua pihak (pemodal dan pengusaha) mendapat bahagian sesuai dengan perjanjian yang telah disetujui pada waktu akad. Persetujuan ini hendaklah dibuat dengan secara jelas ketika akad *muḍārabah* ditandatangani. Pembahagian keuntungan tidak boleh dilakukan jika semua modal belum dikembalikan semula.⁸³

2.11. Hak Pemodal dalam Akad *Muḍārabah*

Dalam akad *muḍārabah*, pemodal juga mempunyai hak untuk memperolehi bahagian keuntungan dari usaha yang dijalankan oleh *al-muḍārib*. Jika keuntungan tidak diperolehi, pemodal tidak mengambil apa-apa dari *al-muḍārib*.⁸⁴

2.12. Jenis-jenis Akad *Muḍārabah*

Akad *muḍārabah* ditinjau dari kuasa pelaksanaan yang diberikan oleh pemodal kepada pengusaha terbagi kepada dua jenis iaitu *muḍārabah al-mutlāqah* dan *muḍārabah al-muqāyyadah*⁸⁵ sebagaimana dihuraikan di bawah ini:

ianya diambil dari wang peribadi pengusaha al- Kāsānī (t.t) *op.cit.*, h. 3649, Muhammad Naim Bin Idris (2000), *op.cit.*, h. 56.

⁸² al-Qūdri (t.t), *op.cit.*, h. 44; Wahbah al-Zuḥayli (1989), *op.cit.*, h.867.

⁸³ Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, h. 169; Ibn Qudāmah al-Muqḍīsī (t.t), *Syarḥ al-Kabīr*, j. 5, Mesir. Dār al-Kitāb al-‘Arabī, h. 166; al-Ramlī (t.t), *op.cit.*, h.236; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3652, al-Marghīnānī (t.t), *op.cit.*, h. 471 dan lihat juga Muhammad Umar Chapra (1996), *op.cit.*, h.264.

⁸⁴ Al-Ramlī (t.t), *op.cit.*, h. 223 ; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, hh. 3602-3603; Muhammad Naim Bin Idris (2000), *op.cit.*, h. 56.

⁸⁵ al-Syarbīnī al-Khaṭīb (t.t), *op.cit.*, h. 310; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h.3605.

2.12.1. Akad *Muḍarabah al-Mutlāqah*

Dalam pelaksanaan akad *muḍarabah al-mutlaqah* pemilik modal menyerahkan modalnya kepada orang lain (pengusaha) tanpa batas,⁸⁶ dan mengatakan, “Aku serahkan harta ini kepada kamu sebagai *muḍarabah* dengan keuntungan dibahagiakan antara kita satu per dua (1/2) atau satu per tiga (1/3) dan seumpamanya.” Dalam akad *muḍarabah* pengusaha mempunyai kuasa penuh untuk melakukan usaha perniagaan tanpa sebarang hubungan seperti: jenis usaha perniagaan *al-muḍārib*, faktor masa, tempat usaha perniagaan akan dilakukan dan pengusaha juga mempunyai hak sebagai berikut:

1. *Al-muḍārib* boleh mengurus harta *muḍarabah* mengikut dua jenis perniagaan yang dipandang baik, pada mana-mana tempat, dengan mana-mana pihak sebab akad ini bersifat akad *muḍarabah al-mutlāqah*. *Al-muḍārib* boleh membeli barangan perniagaan dan juga boleh menjualnya sebab maksud *muḍarabah* ialah untuk memperoleh keuntungan. Abū Ḥānifah ra.h, berpendapat bahawa *muḍārib* boleh menjual barang perniagaan secara tunai, secara hutang sebagaimana biasa disanggupi oleh orang ramai.⁸⁷
2. *Al-Muḍārib* boleh menyerahkan harta *muḍarabah* kepada orang lain untuk diniagakan dan *al-Muḍārib* mempunyai kuasa untuk membayar upah,⁸⁸
3. *Al-Muḍārib* boleh melakukan urusaniaga sama ada secara tunai mahupun bertanggung asalakan tempoh penangguhannya itu mengikut kebiasaan semasa;⁸⁹

⁸⁶ al-Syarbīnī al- Khaṭīb (t.t), *ibid.*, h. 310; Wahbah al-Zuḥayli (1981), *op.cit.*, h. 855 dan lihat juga Muhammad Syafi’i Antonio (2000), *op.cit.*, h.97.

⁸⁷ al- Kāsānī(t.t), *op.cit.*, h. 3605.

⁸⁸ *Ibid.*, h. 360.

⁸⁹ *Ibid.*, h. 3607.

4. *Al-Muḍārib* bebas melakukan jual beli untuk mendapatkan keuntungan dan jika memperoleh kerugian, maka kerugian itu ditanggung oleh pemodal dan *al-muḍārib* telah mengorbankan tenaga dan fikiran dalam pengurusan harta *muḍārabah* tersebut; dan
5. Menurut pendapat yang terkenal di kalangan ulama Mazhab Hānafi, *al-muḍārib* boleh membawa harta *muḍārabah* dalam perjalanan dari satu tempat ke tempat lainnya (bermusafir).⁹⁰ demikian juga pendapat ulama Mazhab Maliki dan salah satu dari pendapat dalam Mazhab Hanbali.⁹¹ sebab maksud dari akad *muḍārabah* ialah mengembangkan harta sedangkan akadnya bersifat mutlak, sebab kalimah *al-muḍārabah* itu diambil dari kata *al-dārbuḥī al-ārḍi* yang bermaksud berjalan di permukaan bumi.⁹²

Dalam akad *muḍārabah al-mutlāqah* juga terdapat larangan kepada *muḍārib* melakukan beberapa perkara kecuali perkara-perkara berikut :⁹³

- i. *Al-Muḍārib* tidak boleh mengambil hutang bagi harta *muḍārabah* kecuali setelah mendapat izin yang jelas dari pemodal.⁹⁴
- ii. *Al-Muḍārib* tidak boleh membeli sesuatu barang untuk *muḍārabah* dengan harga yang lebih banyak dari harta *muḍārabah*, baik itu secara tunai mahupun secara hutang.⁹⁵ pengusaha juga tidak berhak memberi modal *muḍārabah* kepada orang lain secara mutlak;
- iii. *Al-Muḍārib* tidak boleh mengambil harta dengan cara *qirād* untuk diserahkan kepada penghutang di tempat lain atau negeri lain yang tidak diingini;⁹⁶ dan

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ *Ibid.*, h. 3608.

⁹² Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, h. 151; Ibn Qudāmah al-Muqḍīsī (t.t), *op.cit.*, h. 146.

⁹³ Muhammad Syarbīnī al-Khaṭīb (t.t), *op.cit.*, h. 315; Mustafa Hj. Daud. (1994), *op.cit.*, hh. 46-47.

⁹⁴ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3612; lihat juga al-Sarakhasī (t.t), *op.cit.*, h.178.

⁹⁵ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3612.

⁹⁶ *Ibid.*, h. 3608.

iv. *Al-Muḍārib* tidak boleh melakukan akad *muḍārabah* dengan orang lain tanpa kebenaran pemilik modal,⁹⁷ sebab perbuatan ini ialah menceroboh. Menurut ulama mazhab Maliki, *al-muḍārib* mengganggu kerugian, jika terjadi kerugian.⁹⁸ Sedangkan menurut ulama mazhab Syafi'i, *al-muḍārib* tidak boleh melakukan akad *muḍārabah* dengan orang lain, tetapi sekiranya *al-muḍārib* masih melakukan akad *muḍārabah* tanpa kebenaran pemilik modal, maka akad *muḍārabah* dengan pihak pertama tetap sah. *Al-Muḍārib* yang kedua berhak mendapatkan upah yang berpatutan dari *muḍārib* yang pertama jika *al-muḍārib* kedua itu telah melakukan kerja-kerja *al-muḍārabah*.⁹⁹

2.12.2. Akad *Muḍārabah al-Muqayyadah*

Akad *muḍārabah al-muqayyadah* adalah merupakan suatu akad pemodal dibenarkan untuk meletakkan syarat-syarat tentang beberapa perkara seperti pemilik modal menghadkan perniagaan (pengurusan) *al-muḍārib* itu dalam sebuah negeri (tempat) yang tertentu sahaja atau penentuan pada barang perniagaan tertentu sahaja. Maka *al-muḍārib* tidak boleh melakukan hal lain dari batas-batas yang telah diberikan oleh pemodal dan syarat itu bermaksud untuk suatu faedah mengawal segala bentuk aktiviti pengusaha ketika menguruskan modal tersebut. Risiko pembiayaan perkongsian untung dan rugi pada umumnya sama dengan risiko kredit biasa, ditambah: (1) Penyembunyian keuntungan oleh nasabah yang tidak jujur. (2) Ketidakmampuan pelanggan mengelola keuangan dan kelemahan sistem maklumat kewangan. (3) Kelalaian dalam membayar perkongsian untung dan rugi (disiplin yang rendah). (4) Sistem kawalan perkembangan usaha lemah. Hukum *muḍārabah al-muqayyadah* sama

⁹⁷ al-Syarbīnī al-Khaṭīb (t.t), *op.cit.*, h. 316; Wahbah al-Zuḥayli (1989), *op.cit.*, hh. 857-858.

⁹⁸ al-Kāsānī(t.t), *op.cit.*, h. 3628; Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, h. 152.

⁹⁹ Al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h. 526.

dengan dengan hukum *muḍārabah al-muṭlāqah*.¹⁰⁰ Sebagai mana dihuraikan di atas seperti pemodal akan mengkhususkan pembelanjaan dalam urusan tertentu atau dengan barang-barang perniagaan tertentu sahaja.¹⁰¹ Adapun syarat-syaratnya sebagai berikut:

1. Penentuan tempat oleh pemilik modal, seperti pemodal menyerahkan hartanya kepada orang lain untuk diniagakan di tempat tertentu sahaja seperti di Kuala Lumpur. Maka *al-muḍārib* tidak boleh membawa harta *muḍārabah* keluar dari Kuala Lumpur. Jika *al-muḍārib* membawa harta *muḍārabah* keluar dari tempat yang disyaratkan pemilik modal maka dengan sendirinya *al-muḍārib* akan menanggung segala kerugian sekiranya berlaku, sebab hal itu tanpa kebenaran pemilik modal.¹⁰²
2. Mengkhususkan orang. Jika pemilik harta mengatakan kepada *al-muḍārib*, “hendaklah kamu memberikan si pulan dan menjual kepadanya. Maka pembatasan itu adalah sah menurut ulama Mazhab Hānafi dan Hānbali sebab ia menambah kepercayaan dalam perniagaan,¹⁰³ tetapi ulama mazhab Maliki dan Syafi’i bertentangan dengan pendapat ini, sebab pembatasan waktu yang diberikan kepada *al-muḍārib* itu menghalang dalam pencapaian maksud dari akad *muḍārabah* iaitu untuk memperolehi keuntungan, pembatasan jenis perniagaan dan tempat melakukan perniagaan;¹⁰⁴
3. Pengusaha tidak boleh menjalankan *muḍārabah* dengan pihak ketiga, kecuali dengan kebenaran pemodal;¹⁰⁵

¹⁰⁰ Al-Ramlī (t.t), *op.cit.*, h. 227; al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 507; al-Syarbīnī al-Khaṭīb (t.t), *op.cit.*, h. 314; Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, h. 152; Muhammad Naim bin Idris (2000), *op.cit.*, hh. 57-59

¹⁰¹ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3631; al-Sarakhasī (t.t), *op.cit.*, h. 99; dan lihat juga Muhammad Daud Bakar (1992), “Aspek-aspek perniagaan projek dalam amalan perbankan Islam, *Jurnal Syariah* Bil. 11. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 210

¹⁰² Wahbah al-Zuhayli (1986), *op.cit.*, h. 861.

¹⁰³ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3632; al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h. 526.

¹⁰⁴ al-Sarakhasī (t.t), *op.cit.*, h. 385; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3634.

¹⁰⁵ Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, h. 185; al-Kāsānī (t.t), *ibid.*, h. 3633.

4. Pengusaha boleh mengambil wang untuk semua pembiayaan dan untuk pembelanjaan semua projek di luar batas yang ditetapkan, jika projek itu gagal;¹⁰⁶
5. *Muḍārabah* itu akan batal jika tamat masa akadnya, menurut mazhab Hānbali, akad *muḍārabah* boleh dibatasi dengan waktu, dan apabila waktu akad telah tamat maka akad *muḍārabah* tersebut dengan sendirinya menjadi tamat atau batal;¹⁰⁷
6. Pemodal berhak memecat pengusaha dengan syarat di beritahu lebih awal;¹⁰⁸
7. Apabila terbubar akad *muḍārabah*, semua modal dan keuntungan akan menjadi milik pemodal, tetapi pengusaha berhak untuk mendapatkan upah yang berpatutan dengan kerja-kerja yang telah dilakukan;¹⁰⁹
8. Jika berlaku kerosakan pada harta *muḍārabah*, kos pembaikannya diambil dari keuntungan dan jika tidak mencukupi, diambil dari modal dan pengusaha tidak bertanggungjawab atas kerosakan tersebut kecuali ianya melakukan kecuaiian masa aktiviti pelaburan harta *muḍārabah* dengan sengaja;¹¹⁰ dan
9. Apabila terjadi kematian salah satu pihak dalam akad *muḍārabah* maka batal akad *muḍārabah*.¹¹¹

2.13. Pembahagian Keuntungan dalam *Muḍārabah*

Keuntungan dalam akad *muḍārabah* ialah apa yang akan bertambah daripada modal, keuntungan ini hanya akan dilihat setelah menjaga modal awal dan menolak

¹⁰⁶ Ibn Qudāmah (t.t), *ibid*, h. 163.

¹⁰⁷ Mustafah Hj. Daud (1994), *op.cit.*, h. 47.

¹⁰⁸ Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, h. 185.

¹⁰⁹ al-Kāsānī(t.t), *op.cit.*, h. 3662; al-Qudri (t.t), *op.cit.*, h. 468.

¹¹⁰ Ibn Qudamah (t.t), *op.cit.*, h. 188

¹¹¹ *Ibid.*, h. 189.

semua pembelanjaan akad *muḍārabah*.¹¹² Dalam akad *muḍārabah*, keuntungan bersih mestilah dibahagikan antara pemodal dan pengusaha mengikut bahagian yang adil seperti dinyatakan dengan jelas dalam persetujuan akad *muḍārabah*. Pembahagian keuntungan tidak boleh dilakukan kecuali semua kerugian telah ditampung dan modal telah dapat dikumpulkan semula secara utuh.¹¹³ Sebarang pembahagian keuntungan sebelum perjanjian *muḍārabah* disetujui adalah dianggap sebagai bayaran pendahuluan. Bagi kes *muḍārabah* yang berterusan, dibenarkan membuat persetujuan untuk satu tempoh perakaunan bagi pembahagian keuntungan.¹¹⁴

Perkongsian untung mesti ditentukan dengan kadar peratusan tertentu seperti 70% bagi perkongsian untung ini tidak dibenarkan dalam bentuk jumlah seperti RM1000 atau RM2000 dari keuntungan untuk pemodal, kerana bentuk ini membawa kepada ketidakadilan bagi salah satu pihak. Ia juga akan membawa kepada timbulnya perselisihan dalam menentukan kadar keuntungan masing-masing.¹¹⁵ Selain itu, jika berlaku akad *muḍārabah* semua keuntungan yang diperolehi hanya dimiliki oleh salah satu pihak sahaja maka dengan sendirinya akad-akad *muḍārabah* akan batal.¹¹⁶

2.14. Liabiliti Terhadap Kerugian dalam *Muḍārabah*

Dalam kes kerugian, hanya pemodal atau pelabur yang akan menanggung beban kerugian sebagai pihak yang menyediakan pembiayaan kewangan. Pihak pengusaha hanya akan mengalami kerugian dari segi tenaga, masa, dan perkhidmatan dan

¹¹² al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 506; dan lihat juga Mustafa Hj. Daud (1994), *op.cit.*, hh. 47-48. Muhammad Naim Bin Idris (2000), *op.cit.*, hh. 59-61

¹¹³ al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h. 529; al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 508; al-Marghinānī (t.t), *op.cit.*, h. 471; dan lihat juga Muhammad Kamal Attiyah (1992), *Perakaunan Syarikat dan Bank Menurut Sistem Islam*, (Terj), Muhammad Ghazali ‘Abd. Wahid. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Pustaka., h. 223; Muhammad Naim Bin Idris (2000), *ibid.*

¹¹⁴ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3652; al-Ramlī (t.t), *op.cit.*, h. 236; Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, h. 169.

¹¹⁵ Muhammad Umar Chapra (1990), *op.cit.*, h. 264.

¹¹⁶ al-syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 505; al-Syarbīnī al-Khaṭīb (t.t), *op.cit.*, h. 313; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3602; al-Dusūqī (t.t), *op.cit.*, h. 517 dan lihat juga Muhammad Daud Bakar (1997), *op.cit.*, h. 210.

seumpamanya. Ini adalah asas utama dalam pelaburan Islam dalam hal risiko kewangan.¹¹⁷

Prinsip asas dalam amalan *muḍārabah* adalah pemodal bersedia mengambil risiko terhadap masa, tenaga dan usahanya.¹¹⁸ Perlu dijelaskan bahawa pemodal hanya akan menanggung kerugian sekiranya tidak berlaku kecuaiian pengusaha dan pengusaha mengalami kerugian masa, tenaga dan perkhidmatan, akan tetapi jika pemodal dapat membuktikan bahawa kerugian yang dialami dalam akad *muḍārabah* ini disebabkan oleh kecuaiian pengusaha, maka pemodal boleh membawa kes ini ke mahkamah, untuk memperoleh modal awal keseluruhan.¹¹⁹ Ketentuan Hukum

Pembiayaan *Muḍārabah* adalah sebagai berikut:

1. *Muḍārabah* boleh dibatasi pada periode tertentu.
2. Kontrak tidak boleh dikaitkan (*mu'allāq*) dengan sebuah kejadian pada masa hadapan yang belum tentu terjadi.
3. Pada dasarnya, dalam *muḍārabah* tidak ada ganti rugi, kerana pada dasarnya akad ini bersifat amanah (*yad al-amanah*), kecuali akibat dari kesalahan disengaja, kelalaian, atau pelanggaran kesepakatan.
4. Jika salah satu pihak tidak menunaikan kewajibannya atau jika terjadi perselisihan di antara kedua belah pihak, maka penyelesaiannya dilakukan melalui Badan Arbitrasi Syariah setelah tidak tercapai kesepakatan melalui musyawarah.

Penetapan kovenan (syarat) pada akad *muḍārabah* agar porsi modal dari pihak *muḍārib* lebih besar dan atau mengenakan jaminan. Dalam praktiknya, kovenan yang dapat diterapkan berupa:¹²⁰

¹¹⁷ al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, h. 506; al-Ramlī (t.t), *op.cit.*, h. 234

¹¹⁸ al-Qudri (t.t), *op.cit.*, h. 470-471; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, hh. 3602-3603; lihat Muhammad Daud Abu Bakar (1997), *ibid.*

¹¹⁹ M.Umar Chapra (1990), *op.cit.*, h. 265.

¹²⁰ Ibn Qudāmah al-Muqadīsī (t.t), *op.cit.*, h. 165; Lihat juga Muhammad Daud Abu Bakar (1997), *op.cit.*, h. 211; Muhammad Naim Bin Idris (2000), *op.cit.*, h. 63.

- 1) Penetapan nilai maksimal rasio utang terhadap modal. Bila porsi modal *muḍārib* dalam suatu usaha relatif tinggi, maka insentifnya untuk berlaku tidak jujur akan berkurang dengan signifikan, kerana ia juga akan menanggung kerugian atas tindakannya itu.
- 2) Penetapan agunan berupa kepemilikan tetap (*fixed asset*). Pengenaan jaminan juga akan mencegah *muḍārib* melakukan penyelewengan kerana jaminan yang sudah diberikannya itu menjadi harga dari penyelewengan perilakunya (*character risk*).
- 3) Penggunaan Pihak Penjamin. Sering kali bank sebagai pemilik dana tidak mengenal dekat karakter calon *muḍārib*. Menghadapi situasi ini, bank dapat saja meminta agar calon *muḍārib* menyediakan pihak penjamin yang mengenal dekat karakter calon *muḍārib*, dan bersedia menjadi penjamin atas *character risk* calon *muḍārib*.
- 4) Penggunaan Pihak Pengambil Alih Utang. Dalam beberapa kasus, pihak penjamin bersedia mengambil alih kewajiban calon *muḍārib* bila terjadi kerugian yang disebabkan *character risk* calon *muḍārib*.

Selain itu, sekiranya disetujui pada awal akad oleh pemodal bahawa keuntungan yang diperoleh pada akad *muḍārabah* diambil sepenuhnya oleh pengusaha, maka pengusaha wajib mengembalikan modal awal secara keseluruhan kepada pemodal. Maka akad seumpama ini lebih dikenal dengan kaedah pinjaman *al-qārd al-hāsan* atau pinjaman kebajikan.¹²¹

¹²¹ Ibn Qudāmah al-Muqdaisi (t.t), *op.cit.*, h. 165; Lihat juga Muhammad Daud Abu Bakar (1997), *op.cit.*, h. 211; Muhammad Naim Bin Idris (2000), *op.cit.*, h. 63.

2.15. Pelaksanaan Prinsip *Muḍārabah* Dalam Institusi Kewangan Moden

Sebagaimana yang diketahui sekarang ini, sistem kewangan Islam seperti institusi perbankan Islam, insurans Islam dan gadaian Islam beroperasi berasaskan prinsip Muamalah Islam. Jika diteliti secara terperinci pelaksanaan prinsip *muḍārabah* yang diamalkan oleh institusi-institusi kewangan Islam pada masa sekarang tidaklah sama dengan prinsip *muḍārabah* dalam kitab-kitab fiqh klasik. Prinsip *muḍārabah* yang diaplikasikan dalam institusi-institusi perbankan dan institsi kewangan Islam moden telah diubah suai menurut tuntutan semasa dan ia tidak bercanggah dengan syariat Islam. Antara pengubahsuaian itu termasuk apa yang dinamakan dengan prinsip *muḍārabah al-muntāhiyyah bi al-tāmlīk*.¹²²

Prinsip ini adalah sama dengan *al-muṣyārah al-muntāhiyyah bi al-tāmlīk*, cuma yang membezakannya adalah rakan kongsi dalam *muḍārabah* tidak berkongsi modal dalam syarikat, sebaliknya ia berkongsi dalam menjalankan kerja-kerja pengurusan dan pengendalian syarikat sahaja dan ia cuba mengambil alih syarikat sedikit demi sedikit melalui pembelian saham dari pada rakan kongsinya. Pelaksanaannya sama dengan apa yang berlaku dalam *al-muṣyārah al-muntāhiyyah bi al-tāmlīk*.¹²³

Selain itu, prinsip *muḍārabah* yang diamalkan dalam perbankan Islam moden sekarang disebut dengan prinsip *muḍārabah al-muṣytārikah*. Dalam prinsip ini para pendeposit menyimpan wangnya pada akaun simpanan yang berasaskan prinsip *muḍārabah* yang dihimpun menjadi satu oleh pihak bank Islam. Pihak bank bertindak sebagai perantara atau pengusaha untuk membuat pelaburan yang kemudiannya melantik pula pihak ketiga untuk menjalankan kerja-kerja pelaburan demi faedah bersama antara ketiga-tiga pihak. Keuntungan yang diperolehi dikongsi sama mengikut

¹²² Ab. Mu'min Ab. Ghani (1999), *op.cit.*, h. 407.

¹²³ *Ibid*

persetujuan peratusan yang disetujui dan jika mengalami kerugian maka kerugian ditanggung oleh pemodal.¹²⁴

Selain itu, prinsip *mudārabah al-muṣytārikah* ini melibatkan perhubungan tiga pihak iaitu pihak pertama yang terdiri dari pada sekumpulan pendeposit yang menyediakan dana kewangan dalam bentuk dana-dana individu atau berkumpulan untuk dilaburkan dalam prinsip *mudārabah*. Manakala pihak kedua disebut dengan rakan kongsi aktif yang secara langsung mengambil tanggungjawab membuat aktiviti pelaburan dan pihak ketiga bertindak sebagai perantara antara pihak pertama dengan pihak kedua yang merancang dalam meynyelaraskan pengumpulan wang dari pihak yang pertama dan menyalurkannya kepada pihak ketiga. Kepentingan pihak ketiga dalam *mudārabah* bentuk ini dapat dilihat peranannya yang bersifat berganda pada pandangan pelabur ia dilihat sebagai rakan kongsi aktif dan pada pandangan rakan kongsi aktif sebenarnya ia dilihat sebagai pemodal. Selain itu, pembahagian keuntungan dan kerugian dalam *mudārabah al-muṣytārikah* tidak ketara perbezaan dengan pelaksanaan pembahagian keuntungan dalam amalan mudarabah dalam kitab-kitab fiqh klasik. Oleh itu, prinsip *mudārabah al-muṣytārikah* bentuknya berterusan dan pembahagian keuntungan dibuat mengikut tempoh tertentu seperti pada akhir bulan atau tahun dan ia berlaku dalam amalam syarikat saham bersama.¹²⁵

2.16. Pengertian Industri Kecil dan Sederhana

Dalam Undang-undang No. 20 tahun 2008 yang dimaksud dengan usaha mikro dalam industri kecil dan sederhana ialah usaha ekonomi produktif yang tumbuh seorangan, yang dilakukan oleh orang perorangan atau institusi usaha yang bukan merupakan cawangan syarikat atau bukan cawangan syarikat yang dimiliki, dikuasai, atau menjadi bahagian baik langsung mahupun tidak langsung dari Usaha Sederhana

¹²⁴ *Ibid.* h. 408.

¹²⁵ Ab. Mu'min Ab. Ghani (2000), *ibid.*: Lihat juga Muhammad Naim bin Idris (2000), *op.cit.*, h. 67-68.

atau yang memenuhi kriteria Usaha Kecil. Industri sederhana adalah usaha ekonomi produktif yang tumbuh sendiri, yang dilakukan oleh orang perorangan atau institusi usaha yang bukan merupakan anak syarikat atau cabang syarikat yang dimiliki, dikuasai, atau menjadi bahagian baik langsung mahupun tidak langsung dengan Usaha Kecil dengan jumlah kekayaan bersih atau hasil penjualan tahunan sebagaimana diatur dalam Undang-Undang.

Tujuan industri kecil dan sederhana iaitu sebagai berikut :

1. Kekeluargaan;
2. Kebebasan dalam ekonomi;
3. Kebersamaan;
4. Efisiensi keadilan;
5. Berkelanjutan;
6. Memiliki pengetahuan alam sekitar;
7. Kemandirian;
8. Keseimbangan memajukan ekonomi; dan
9. Kesatuan ekonomi nasional.

Kriteria industri kecil adalah sebagai berikut :

- a. Memiliki kekayaan bersih sebesar Rp 50.000.000,00 tidak termasuk tanah dan bangunan tempat berniaga;
- b. Memiliki hasil penjualan tahunan paling banyak Rp 300.000.000,00.

Kriteria industri sederhana adalah sebagai berikut :

- a. Memiliki kekayaan bersih lebih dari Rp 500,000,000,00 sampai dengan paling banyak Rp 10,000,000,000,00 tidak termasuk tanah dan bangunan tempat berniaga;

- b. Memiliki hasil penjualan tahunan lebih dari Rp 2,500,000,000 sampai dengan paling banyak Rp 50,000,000,000,00¹²⁶

Menurut Bank Syariah Mandiri yang dimaksud dengan industri kecil dan sederhana adalah sebagai berikut:

Pembiayaan mikro atau industri kecil adalah pembiayaan bersifat produktif kepada pelanggan atau calon pelanggan perorangan atau badan usaha dengan batas sampai dengan Rp100 juta. Termasuk dalam bidang kecil adalah pembiayaan dengan tujuan multiguna kepada pelanggan perorangan dengan batasan modal sampai dengan Rp50 juta yang disalurkan melalui Kedai Mikro. Ada beberapa kriteria industri kecil dan sederhana yang ditetapkan oleh Bank Syariah Mandiri yaitu sebagai berikut:

- Multiguna yaitu Pembiayaan BSM yang ditujukan kepada seseorang dan badan usaha untuk memenuhi kebutuhan dengan batasan pembiayaan mulai dari Rp2.000.000,- (dua juta rupiah) s.d. Rp50,000,000,- (lima puluh juta rupiah). Dibahagi lagi menjadi beberapa kelompok sebagai berikut:¹²⁷

1. Pembiayaan Rp2 juta – Rp10 juta. Margin (berdasarkan jenis produk) setara 36% p.a dan dengan masa, masa maksimal 36 bulan.
2. Pembiayaan Rp11 juta – Rp50 juta. Margin (berdasarkan jenis produk) setara 32% p.a dan jangka waktu waktu maksimal 36 bulan.
3. Pembiayaan Rp51 – Rp100 juta. Margin (berdasarkan jenis produk) setara 28% p.a dan jangka waktu waktu maksimal 48 bulan.

¹²⁶ Undang-undang Republik Indonesia No. 20 Tahun 2008, Tentang Usaha Mikro, Kecil, dan Sederhana.

¹²⁷ Berdasarkan Buku Panduan Kredit Usaha Rakyat Dalam Pembiayaan Kepada Industri Kecil dan Sederhana di Bank Syariah Mandiri. www.syariahamandiri.co.id

2.17. Kesimpulan

Bab ini menjelaskan dua teori amalan akad *muḍārabah*. Teori berkenaan ialah teori akad *muḍārabah* dalam kitab-kitab fiqh klasik Islam dan teori *muḍārabah* moden. Teori akad *muḍārabah* dalam kitab fiqh klasik menjelaskan bahawa amalan akad *muḍārabah* melibatkan dua orang yang berakad atau lebih, satu pihak disebut dengan *ṣāhib al-māl* dan pihak lainnya disebut sebagai *al-muḍārib*. Selain itu, amalan akad *muḍārabah* yang dijelaskan dalam kitab-kitab fiqh klasik dalam bidang tertentu sahaja seperti bidang perniagaan.

Amalan akad *muḍārabah* moden pula, tidak hanya dilakukan pada bidang perniagaan sahaja tetapi sudah membabitkan institusi kewangan dalam usaha kegiatan ekonomi. Selain itu, akad *muḍārabah* moden tidak hanya melibatkan dua orang yang berakad atau lebih, tetapi ia melibatkan berbagai-bagai institusi kewangan seperti perbankan Islam, Insurans Islam dan Institusi lain-lainnya.

Bab ini juga menjelaskan mengenai definisi dan kriteria industri kecil dan sederhana yang telah ditetapkan dalam perundangan Republik Indonesia No. 20 tahun 2008 dan yang telah ditetapkan oleh Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia.

BAB III

SISTEM PERBANKAN ISLAM DAN SEJARAH PENUBUHAN BANK SYARIAH MANDIRI DI INDONESIA

3.1. Pengenalan

Sistem perbankan Islam (*Islamic Banking System*) atau *Interest Free Banking* ialah sistem perbankan Islam yang diamalkan berasaskan prinsip syariah Islam. Sistem perbankan Islam pada awalnya ditubuhkan sebagai suatu jawapan dari tuntutan umat Islam, ahli-ahli ekonomi Islam dan para pengamal perbankan seperti di Indonesia yang menginginkan agar tersedia perkhidmatan transaksi kewangan yang diamalkan sejalan dengan nilai-nilai moral dan prinsip syariah Islam. Asas utama penubuhan sistem perbankan Islam ialah perkhidmatan perbankan terhindar dari unsur *al-ribā*, perjudian (*al-māyṣir*) dan *gharar*.

3.2. Pengertian Bank Islam

Perkataan bank berasal dari pada perkataan hati yaitu *banco* dan *banque* dari bahasa Italy yang bererti kepingan papan tempat meletakkan buku atau sejenis meja. Konotasi kedua kata ini menjelaskan dua fungsi dasar yang ditunjukkan oleh bank perdagangan. Kemudian kata sejenis meja diperluas maknanya dengan kaunter tempat penukaran wang yang digunakan oleh pemberi pinjaman.¹²⁸ Perkataan perbankan adalah berasal dari perkataan bank yang didefinisikan sebagai institusi yang menawarkan perkhidmatan kewangan, pertukaran mata wang, pemberian pinjaman dan penerimaan bil pertukaran.¹²⁹

¹²⁸ *The New Encyclopedia Britanica* (1985), Vol. 1. Chicago, h. 872, Joni Tamkin bin Borhan (2001), “Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan Prinsip dan Amalannya”, *Jurnal Usuluddin*. Bill. 14, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 137; lihat. Zainal Arifin (2001), *Dasar-Dasar Manajemen Bank Syariah*. Jakarta: Alvabet, hh. 1-2.

¹²⁹ Lihat, *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (1994), h. 103.

Berdasarkan kepada pengertian di atas, bank Islam boleh diertikan suatu institusi perbankan yang ditubuhkan berasaskan syariah Islam yang menawarkan perkhidmatan bank seperti perkhidmatan akaun simpanan berasaskan *al-wādiyah*, akaun semasa berasaskan *al-mudārabah*, perkhidmatan pembiayaan ekuiti berasaskan *al-musyārakah*, perkhidmatan pembiayaan hutang berasaskan *al-murabāhah*, perkhidmatan pertukaran matawang, perkhidmatan pembayaran bil semasa, perkhidmatan kiriman wang dan perkhidmatan lainnya berdasarkan syariah Islam dengan maksud untuk merealisasikan keadilan dalam pengagihan pendapatan dan kekayaan bagi seluruh syarat amnya dan umat Islam khususnya.

3.3. Sejarah Penubuhan Bank Syariah Mandiri di Indonesia

Penubuhan dan perkembangan bank-bank Islam di Negara-negara Islam di Timur Tengah dan Negara Jiran Indonesia iaitu Malaysia, mempunyai pengaruh positif bagi sistem perbankan di Indonesia yang pada awalnya hanya terfokus pada amalan sistem perbankan konvensional sahaja. Para ulama dan ahli ekonomi Islam Indonesia mulai membincangkan sistem perekonomian Islam yang merupakan suatu sistem ekonomi alternatif yang pada akhirnya di Negara Indonesia Berjaya ditubuhkan institusi perbankan Islam yang diberi nama Bank Muamalat Indonesia (BMI) pada tahun 1992 yang beroperasi berasaskan prinsip muamalah Islam dan penubuhan Bank Syariah Mandiri pada tahun 1999, beroperasi berasaskan prinsip muamalah Islam.

Krisis kewangan yang melanda dunia terutamanya Negara ASEAN dan khususnya negara Indonesia yang bermula pada tahun 1997, bank-bank konvensional berasaskan faedah (bunga) mengalami kegoncangan bahkan tidak mampu beroperasi kerana kesan krisis kewangan yang dihadapi pada waktu itu. Antara bank-bank tersebut ialah PT. Bank Susila Bakti (BSB) yang dimiliki oleh Yayasan Kesejahteraan Pegawai

(YKP) yang merupakan anak syarikat PT. Bank Dagang Negara dan PT. Mahkota Prestasi.¹³⁰

Wujudnya Undang-Undang No. 10 tahun 1998, tentang perbankan pada bulan November 1998 yang memungkinkan perubahan sistem perbankan konvensional kepada sistem perbankan Islam atau pembukaan cawangan yang menawarkan perkhidmatan bank Islam. Dengan undang-undang ini, beberapa bank awam konvensional di Indonesia cuba untuk mengubah statusnya kepada perbankan Islam. Hal ini disebabkan krisis kewangan yang melanda rantau ASEAN pada tahun 1997-1999, membawa kesan yang buruk bagi pencapaian keuntungan bank-bank konvensional di Indonesia dan satu-satunya bank Islam yang beroperasi pada masa itu Bank Muamalat Indonesia terbukti tidak mengalami kesan yang ketara terhadap pencapaian kewangan bank. Ekoran daripada itu, beberapa bank konvensional cuba membuat perancangan strategi supaya boleh mampu memperolehi keuntungan dan bertahan daripada krisis kewangan pada masa hadapan. Bank konvensional yang pertama sekali memanfaatkan peluang konversi ke bank yang berlandaskan Syariah Islam ialah Bank Susila Bakti (BSB) yang majoriti sahamnya dimiliki oleh Bank Dagang Negara (BDN) sebelum dilabur kepada Bank Mandiri. Pada bulan November 1999 Bank Susila Bakti (BSB) diubah sepenuhnya kepada sistem perbankan Islam iaitu menjadi Bank Syariah Sakinah berasaskan Akta Notaris: Ny Meharani, M.S, SH. No. 29 pada 19 Mei 1999 yang akhirnya namanya diubah secara rasmi menjadi Bank Syariah Mandiri sebagai mana tercatat dalam Akta Notaris: Sujipto, SH., No. 23 pada 8 September 1999.¹³¹

Selain itu, Pada 25 Oktober 1999 melalui Surat Keputusan Gabenor Bank Indonesia No. 1/ 24/ Kep B.I / 1999 diperoleh pengukuhan tentang perubahan operasi usaha Bank Susila Bakti (BSB), menjadi bank yang beroperasi berasaskan prinsip

¹³⁰ Bank Syariah Mandiri (2010), [http://: www. syariahmandiri.com](http://www.syariahmandiri.com). Laporan Kewangan Tahunan 31 Disember.

¹³¹ Muhammad Syafi'i Antonio (2000), *op.cit.*, h. 2 ; Lihat juga Bank Syariah Mandiri (2003), <http://: www.banksyariahmandiri.co.id/menu/html.>, 18 Julai.

Syariah. Pada tarikh yang sama, Surat Keputusan Pengarah Gabenor Senior Bank Indonesia No. 1/1/ kep DGS/ 1999 juga diperolehi untuk mengubah nama Bank Syariah Sakinah menjadi PT. Bank Syariah Mandiri, yang merupakan kombinasi yang ideal usahanya dengan nilai-nilai rohani yang melandasi operasinya sebagai salah satu bank yang dimiliki oleh Bank Mandiri yang memiliki aset ratusan trillion dan jaringan kerja (networking) sangat luas di seluruh Indonesia. Bank Syariah Mandiri (BSM) memiliki beberapa keunggulan komperatif berbanding dengan bank sebelumnya seperti amalan perkhidmatan deposit dan pembiayaan berasaskan Islam. Demikian juga pengaruh perkembangan politik di Indonesia terutama di wilayah Aceh, yang menjadi rahmat di sebalik kesengsaraan atau petaka (*blessing in disguise*) bagi Bank Syariah Mandiri. Hal ini disebabkan seluruh cawangan Bank Mandiri konvensional di Aceh diubah operasinya secara syariah oleh Bank Syariah Mandiri. Kesan penukaran atau penghapusan Bank Mandiri Konvensional menjadi Bank Syariah Mandiri tersebut menyebabkan pemilikan saham Bank Syariah Mandiri bertambah menjadi Rp. 400 bilion pada akhir tahun 1999 berbanding dengan tahun sebelumnya sebesar Rp. 300 bilion.¹³²

Selain itu, diikuti dengan penubuhan cawangan Bank Syariah Mandiri dimerata tempat iaitu 8 buah pejabat cawangan wilayah propinsi (negeri) di seluruh Indonesia bertambah menjadi 20 buah pejabat cawangan. Salah satu cawangan ialah Bank Syariah Mandiri cawangan Jakarta lainnya.¹³³

¹³² Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op.cit.*, h . 27

¹³³ Bank Syariah Mandiri (2010), profil, [http:// www.syariahmandiri.co.id /menu/html](http://www.syariahmandiri.co.id/menu/html)”, 18 Disember.

3.4. Komposisi Pemilikan Saham Bank Syariah Mandiri Indonesia

PT Bank Mandiri (Persero) Tbk. memiliki 99,999999% saham Bank Syariah Mandiri, atau sebanyak 131.648.712 lembar saham. PT Mandiri Sekuritas. Memiliki 0,000001% saham Bank Syariah Mandiri, atau sebanyak 1 lembar saham.¹³⁴

3.5. Tujuan Umum Penubuhan Bank Syariah Mandiri di Indonesia

Nilai-Nilai Syarikat *Excellence*: Berupaya mencapai kesempurnaan melalui perbaikan yang terpadu dan berkesinambungan. *Teamwork*: Mengembangkan lingkungan kerja yang saling bersinergi. *Humanity*: Menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dan religius. *Integrity*: Mematuhi kode etik profesi dan berfikir serta berperilaku terpuji. *Customer Focus*: Memahami dan memenuhi keperluan pelanggan untuk menjadikan BSM sebagai rakan yang dipercayai dan menguntungkan.¹³⁵

3.6. Strategi Usaha Bank Syariah Mandiri Indonesia

Penentuan sasaran dan strategi BSM diselaraskan dengan bisnis yang dijalankan, sehingga membentuk suatu sinergi yang berkesinambungan. Sasaran dan strategi BSM tersebut tercermin dalam 5 (lima) program kerja utama. Lima Program Kerja Utama BSM Tahun 2010:¹³⁶

1. Penghimpunan Dana Konsumer;
2. Pengendalian Kualiti Aset (Aktiva Produktif Yang Diklasifikasikan (APYD));
3. Pengembangan pembiayaan Usaha Mikro, Kecil, dan Sederhana;
4. Peningkatan Efisiensi.

¹³⁴ Laporan Tahunan (2010), Bank Syariah Mandiri, h. 14 lihat lampiran 5; Bank Syariah Mandiri struktur Dewan Pengawas Syariah, [http://: www.syariahmandiri.co.id /pengurusan/struktur](http://www.syariahmandiri.co.id/pengurusan/struktur), html, 31 Disember.

¹³⁵ *Ibid.*

¹³⁶ *Ibid.*

5. Penguatan Infrastruktur (*Competency Based Human Resources Management, Values, Core Banking, Risk Management, Corporate Governance and Organization*).

Lima Program Kerja Utama BSM Tahun 2011:¹³⁷

1. Peningkatan *Market Share Asset*, Dana Pihak Ketiga dan Pembiayaan;
2. Penghimpunan Dana Konsumer dan Penyaluran Pembiayaan dengan *High Yield* pada Segmen Usaha Mikro (termasuk gadai), kecil dan konsumer;
3. Pengendalian Kualiti Aset;
4. Peningkatan Pendapatan Berasaskan Fee;
5. Penguatan Infrastruktur (jaringan, *core banking sistem, shared values (ETHIC)*, pengurusan risiko, kepatuhan, dan pengawalan).

3.7. Misi dan Visi Penubuhan Bank Syariah Mandiri di Indonesia¹³⁸

Bank Syariah Mandiri merupakan Bank kedua setelah Bank Muamalat Indonesia beroperasi berasaskan prinsip muamalah Islam di Indonesia, berdasarkan Undang-undang No. 7 tahun 1992 kepada Undang-undang No. 10 tahun 1998. Misi Bank Syariah Mandiri (BSM) sebagai berikut:

1. Mewujudkan suasana pasaran perbankan syariah yang berkembang dan mendorong terwujudnya persatuan perdagangan yang terkawal dengan baik.
2. Mencapai perkembangan dan keuntungan yang berketerusan melalui kerangka kerja dengan pelabur, pengusaha yang berjaya atau strategi agar menjadi Bank Islam terkemuka di Indonesia yang mampu meningkatkan nilai bagi pemegang saham dan memberikan kemaslahatan untuk masyarakat umum dan umat Islam khususnya;

¹³⁷ Laporan Tahunan (2010), Bank Syariah Mandiri, h. 124 lihat lampiran 5; Bank Syariah Mandiri Sasaran dan strategi BSM, [http://: www.syahiahmandiri.co.id /pengurusan/struktur](http://www.syahiahmandiri.co.id/pengurusan/struktur), html, 31 Disember.

¹³⁸ *Ibid.*, h. 36

3. Melahirkan para kaki tangan yang profesional dan memahami operasi perbankan Islam;
4. Melaksanakan komitmen terhadap mutu kerja dan operasi perbankan dengan memanfaatkan teknologi mutakhir serta memegang teguh prinsip keadilan, keterbukaan dan berhati-hati;
5. Mengutamakan mobilisasi dana dari golongan masyarakat menengah dan peniaga runcit, membesarkan jumlah pembiayaan untuk skala menengah, kecil dan mendorong mewujudkan pengurusan zakat, infak, sadaqah yang lebih efektif sebagai cerminan kepada kepedulian social; dan
6. Meningkatkan jumlah modal melalui bekerjasama dengan institusi perbankan lain, semua lapisan masyarakat dan pelabur asing untuk melaburkan modal di Bank Syariah Mandiri.

Selain itu, Visi Bank Syariah Mandiri ialah *Menjadi Bank Syariah terpercaya pilihan pelanggan* dan masyarakat (Mitra Usaha), dalam amalan muamalat Islam di institusi-institusi perbankan Islam.

3.8. Struktur Organisasi Bank Syariah Mandiri dan Struktur Dewan Pengawas Syariah Bank Syariah Mandiri.


Dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik (*service excellent*) kepada pelanggan, Bank Syariah Mandri menerapkan sistem pentadbiran yang profesional serta disokong oleh tenaga ahli yang memiliki komitmen untuk menanggung amanat dari syarikat. Pentadbiran yang dijalankan diatur dengan profesional dimulai dari pemegang saham, lembaga pengarah (DTC),¹³⁹ dengan pengawas syariah, dewan direksi¹⁴⁰ dan sampai pada tingkat kakitangan.

¹³⁹ Di Malaysia selalunya disebut sebagai Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah bertugas untuk mengawasi semua kegiatan operasional yang dijalankan Bank Syariah Mandiri sehari-harinya, dan kegiatan-kegiatan yang bertujuan guna meningkatkan kualitas dan mutu perbankan Islam di Indonesia. Sedangkan pengawas syariah dan dewan direksi (pengurusan syarikat) bertugas melaksanakan kegiatan operasional perbankan Islam sebagaimana semua ketentuan kegiatan operasional perbankan Islam diatur dalam perundangan perbankan Islam yang telah ditetapkan oleh kerajaan Indonesia dibawah Bank Negara Indonesia. Dan telah disetujui oleh Majelis Ulama Indonesia.

¹⁴⁰ Di Malaysia selalunya disebut sebagai Pengurusan Syarikat.

Berikut ini adalah Carta Struktur Organisasi Bank Syariah Mandiri sebagai berikut:¹⁴¹



¹⁴¹ Laporan Tahunan (2010), Bank Syariah Mandiri, h. 34 lihat lampiran 5; Bank Syariah Mandiri Struktur organisasi BSM, [http://: www.syahiahmandiri.co.id /pengurusan/struktur, html](http://www.syahiahmandiri.co.id/pengurusan/struktur.html), 31 Disember.

1.1. Amalan Akad Pembiayaan *Muḍārabah* Usaha Kecil dan Sederhana oleh Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia.

Bank Syariah Mandiri Pusat ditubuhkan pada 25 Oktober 1999, kemudian diikuti dengan ditubuhkan cawangan-cawangan di beberapa negeri. Selain itu, Bank Syariah Mandiri berkenaan dalam operasinya menawarkan perkhidmatan deposit pada akaun simpanan berasaskan prinsip *muḍārabah*, akaun semasa berasaskan prinsip *muḍārabah* dan menawarkan perkhidmatan pembiayaan *eqāuiti* berasaskan prinsip *muḍārabah* yang akan diuraikan di bawah ini :¹

1.2. Perkhidmatan Deposit Berasaskan *Muḍārabah* Oleh Bank Syariah Mandiri

Produk-produk perkhidmatan deposit berasaskan *muḍārabah* yang ditawarkan oleh Bank Syariah Mandiri kepada para pendeposit dalam menghimpun wang sebagai modal pelaburan sebagai berikut :

1.2.1. Akaun Simpanan *Muḍārabah* (Tabungan Syariah Mandiri)

Akaun simpanan ini ditawarkan oleh Bank Syariah Mandiri kepada para pelanggan pendeposit berasaskan prinsip *muḍārabah*. Pihak Bank menerima wang dari para pendeposit untuk disimpan atau dilaburkan dalam jangka waktu tertentu seperti satu bulan, dua bulan atau lainnya. Para pendeposit boleh mengeluarkan wang simpanannya hanya pada masa tertentu sahaja berdasarkan syarat-syarat tertentu yang telah disepakati oleh para pendeposit pada waktu akad dimeterai. Pihak bank akan melaburkan wang para pendeposit pada aktiviti ekonomi yang menguntungkan dan halal. Keuntungan yang diperolehi pihak bank akan dikongsi dengan pelanggan sesuai dengan nisbah peratusan yang disepakati pada awal akad dibuat iaitu pada masa membuka akaun simpanan *muḍārabah* (Tabungan Syariah Mandiri) dan ianya disebut

¹ *Laporan Tahunan* (2010), Bank Syariah Mandiri, h. 24 lihat lampiran 6; Sejarah Bank Syariah Mandiri sejarah BSM, [http://: www.syariahmandiri.co.id /pengurusan/struktur, html](http://www.syariahmandiri.co.id/pengurusan/struktur.html), 31 Disember.

dengan sarana deposit jangka pendek. Pihak Bank Syariah Mandiri menawarkan nisbah peratusan perkongsian untung bagi akaun ini iaitu 44.41% bagi bank 55.59% bagi para pendeposit dan nisbah peratusan tersebut boleh berubah dari masa ke semasa berasaskan persetujuan pihak bank dan pendeposit.

Pihak bank akan mengembalikan wang simpanan para pendeposit pada akaun simpanan *muḍārabah* (Tabungan Syariah Mandiri) bila-bila masa sahaja jika dikehendaki oleh pendeposit. Selain itu, pihak bank menawarkan kemudahan pengeluaran wang simpanan melalui perkhidmatan kaunter pembayaran dan penggunaan kad untuk mengeluarkan wang di mesin-mesin ATM berkenaan pada bila masa sahaja.² akaun simpanan *muḍārabah* ini boleh dibuka oleh orang perseorangan, organisasi, orang ramai dan syarikat.

Ketentuan prosedur dalam membuka akaun simpanan di Bank Syariah Mandiri berasaskan prinsip *muḍārabah* adalah seperti berikut:³

1. Para pendeposit harus mengisi borang akaun simpanan *muḍārabah* (Tabungan Syariah Mandiri);
2. Menyerahkan salinan kad pengenalan (IC dan Pasportt);
3. Jumlah simpanan awal minimum ialah sebesar Rp. 100,000; dan
4. Surat-surat ketentuan lainnya jika hal itu diperlukan oleh bank.

1.2.2. Akaun Simpanan Khas (Tabung Haji dan Umrah ‘Mabrur’)

Akaun simpanan khas (Tabungan Haji dan Umrah ‘Mabrur’ ditawarkan oleh Bank Syariah Mandiri kepada para pendeposit, yang mempunyai rencana untuk menunaikan ibadah haji dan umrah ke Mekkah pada masa akan datang. Para pendeposit dikehendaki untuk menyimpan wangnya pada akaun ini secara beransur-ansur bagi

² Tim Pengembangan Bank Syariah Institut Bankir Indonesia (2001), *op.cit.*, h. 180 – 182.

³ Laporan Tahunan (2010), Bank Syariah Mandiri, h. 26 lihat lampiran 5; Bank Syariah Mandiri peraturan pelanggan BSM, [http://: www.syariahmandiri.co.id /pengurusan/struktur](http://www.syariahmandiri.co.id/pengurusan/struktur), html, 31 Disember 2010

membolehkan pendeposit mempunyai wang yang mencukupi untuk membiayai kos perjalanan menunaikan ibadah haji dan umrah. Wang yang disimpan dalam akaun ini kemudiannya dilaburkan oleh bank pada aktiviti ekonomi yang menguntungkan dan halal. Akaun simpanan khas (Tabungan Haji dan Umrah ‘‘Mabrur’’) ini ditawarkan oleh bank berasaskan prinsip *muḍārabah al-mutlaqah*. wang yang telah disimpan oleh umat Islam yang mempunyai rancangan untuk menunaikan ibadah haji dan umrah tidak boleh dikeluarkan bila-bila masa kecuali untuk membayar kos perjalanan ibadah haji dan umrah sahaja atau dengan alasan-alasan yang darurat. Pengeluaran dengan alasan-alasan darurat harus ada surat pernyataan dari pihak berkuasa tempatan. Selain itu, keuntungan yang diperolehi atas pelaburan wang tersebut oleh bank akan dikongsi sama rata rata antara pihak bank dengan pendeposit berasaskan peratusan yang disepakati seperti 67.40% bagi pihak bank dan 32.60% bagi pendeposit.⁴

Prosedur pembukaan akaun khas (Tabungan Haji dan Umrah ‘‘Mabrur’’) yang beroperasi berasaskan prinsip *muḍārabah al-mutlāqah* adalah seperti berikut:⁵

1. Pemohon dikehendaki mengisi borang akaun simpanan berkenaan;
2. Menyerahkan salinan kad pengenalan (IC atau Pasportt);
3. Menyerahkan simpanan awal berjumlah Rp. 500.000 dan simpanan berikutnya sejumlah Rp. 100.000 atau kali ganda; dan
4. Pendeposit dikehendaki berumur 18 tahun.

⁴ Laporan Kewangan Tahunan (2010), Bank Syariah Mandiri, h. 28 lihat lampiran 5; Bank Syariah Mandiri tabungan haji BSM, [http://: www.syariahmandiri.co.id /pengurusan/struktur, html](http://www.syariahmandiri.co.id/pengurusan/struktur.html), 31 Disember.

⁵ *Ibid.*

1.3. Perkhidmatan Pembiayaan Ekuiti Berasaskan *Muḍārabah* oleh Bank Syariah Mandiri Jakarta

Bank Syariah Mandiri akan melaburkan wang para pendeposit yang telah terhimpun kepada aktiviti ekonomi yang menguntungkan dan halal kepada usahawan (*muḍārib*) yang memohon dana pembiayaan dari Bank Syariah Mandiri berasaskan prinsip *muḍārabah* dan keuntungan yang diperoleh oleh usahawan akan dikongsi sama rata sesuai dengan nisbah peratusan yang disepakati antara bank dengan usahawan pada awal akad ditandatangani oleh kedua belah pihak. Bank Syariah Mandiri ianya mengeluarkan wang para pendeposit bagi membiayai bidang perdagangan (perniagaan), kilang-kilang pembuatan dan aktiviti ekonomi menguntungkan yang akadnya berasaskan prinsip *muḍārabah*. Dalam amalan ini bank menanggung kerugian apabila hal ini berlaku, jika kerugian berlaku kerana kerana kelalaian para usahawan, maka kerugian tersebut akan ditanggung oleh para usahawan berkenaan. Selain itu, pihak bank dalam membiayai suatu usaha sangat berhati-hati dan meneliti keadaan aktiviti ekonomi atau projek usaha yang akan dibiayai itu benar-benar halal dan menguntungkan, kerana pembiayaan melalui prinsip ini mempunyai risiko yang besar dan sukarnya menemui seorang usahawan yang jujur dan amanah.⁶

1.4. Sistem dan Mekanisme Penyaluran Dana *Muḍārabah* ke Masyarakat oleh Bank Syariah Mandiri.

Secara prinsip Pembahagian dana ke Masyarakat di dalam kajian ini ialah pembiayaan, yang merupakan produk usaha Bank Syariah Mandiri. Dalam pembahagian dananya, Bank Syariah Mandiri berpedoman pada prinsip kehati-hatian. Maka ianya Kepengurusan dan bahagian peminjaman diwajibkan mengkaji secara seksama calon pelanggan penerima dana berdasarkan perundangan pembiayaan yang sehat.

⁶ Muhammad Irfan (2012), Bahagian Pemasaran Bank Syariah Mandiri, *Temubual* 20 Februari.

Pembiayaan merupakan salah satu tugas utama bank, yaitu pemberian fasilitas penyediaan dana untuk memenuhi keperluan pihak-pihak yang merupakan unit kurangan.⁷

1) Sistem Penyaluran Dana. Menurut penggunaannya sistem Penyaluran Dana terbagi menjadi dua yaitu :

1. Penyaluran Dana Produktif, yaitu: Penyaluran dana berupa pembiayaan untuk memenuhi keperluan produksi dalam arti luas, yaitu untuk meningkatkan usaha, baik usaha produksi, perdagangan maupun pelaburan.
2. Penyaluran Dana Konsumtif, yaitu: Penyaluran dana berupa pembiayaan untuk memenuhi keperluan penggunaan yang akan habis digunakan untuk memenuhi keperluan.

Dalam kajian ini, yang dititik beratkan ialah pada pembiayaan Produktif, yang mengandungi pembiayaan modal kerja maupun pelaburan.⁸

- Pembiayaan modal kerja merupakan pembiayaan untuk memenuhi keperluan kuantitatif (jumlah hasil produksi) dan kualitatif (peningkatan kualiti atau mutu hasil produksi).
- Pembiayaan Pelaburan merupakan pembiayaan untuk memenuhi keperluan barang-barang modal (*capital goods*) serta fasiliti yang berkaitan dengan keperluan barang.

⁷ Rifaat Ahmad Abdul Karim, “*The Impact of the Basis Capital Adequacy Ratio Regulation on the Financial Strategy of Islamic Banks*” dalam Proceeding of the 9th Expert Level Conference Islamic Banking, di sponsori oleh Bank Indonesia dan International Association of Islamic Banks, Jakarta, 7-8 April 1995.

⁸ Muhammad Syafi'i Antonio (2001), “*Bank Syariah dari Teori Ke Praktek*”, Gema Insani, Jakarta, h. 160.

2) Pelaksanaan Penyaluran Dana *Muḍārabah* Pada bank Syariah Mandiri

Cara penyaluran dana di Bank Syariah Mandiri pada dasarnya mengikuti petunjuk dan pelaksanaan yang dikeluarkan oleh Direksi atau Koordinator Pusat Jakarta.⁹

1. Prosedur Pembiayaan yaitu: tahapan proses pemberian pembiayaan yang diawali dengan.

a. Perencanaan Target Pasar, yaitu : perencanaan target pasaran merupakan proses identifikasi terhadap bidang usaha atau individu yang berpotensi, sekaligus merupakan penentuan prioritas dan strategi untuk mencapai tujuan yang telah ditetapkan bisnis unit dengan polisi umum yang ditentukan oleh Direksi. Dasar-dasar tujuan tersebut meliputi kualitas, perhitungan, pengalaman bank dan penilaian.

b. Pelaburan, ialah pengumpulan data yang berkaitan dengan pelanggan dan usaha pelanggan, pemeriksaan atas kebenaran data dan penyusunan laporan, meliputi :

- Melakukan penyiasatan surat permohonan pembiayaan dan kelengkapannya.

1. Untuk pelanggan individu

- Memastikan seluruh isian borang yang terdapat pada borang permohonan pembiayaan telah diisi dengan benar oleh pelanggan.

- Mensesuaikan isian data pribadi dengan salinan kad pengenalan pelanggan.

- Menyesuaikan isian data jaminan dengan data-data yang diberikan.

- Memastikan bahawa borang dan tanda tangan tersebut sesuai atau sama ada tanda tangan yang ada pada kad pengenalan pelanggan.

⁹ Muhammad Syafi'i Antonio (2003), Dasar-dasar Pengurusan Bank Syariah., alvabet, Jakarta.

- Untuk pelanggan yang berkahwin, pihak bank memastikan suami atau isteri pelanggan telah menandatangani borang dan tanda tangan tersebut sesuai dengan tanda bukti diri.
2. Untuk Pelanggan Badan Usaha atau institusi perniagaan syarat berikut dikenakan iaitu:
- Memastikan bahawa seluruh ruang isian yang terdapat pada SPP telah diisi pelanggan. Bila pengisian dilakukan dengan tulisan tangan dengan memastikan bahawa tulisan itu jelas dan boleh dibaca.
 - Memastikan bahawa setiap informasi yang ditulis pelanggan pada SPP sesuai dengan data-data lampiran yang disampaikan oleh pelanggan.
 - Memastikan bahawa yang menandatangani SPP adalah pihak yang memiliki kewajiban sesuai dengan surat perundangan syarikat terakhir.
 - Memastikan SPP telah diberikan cap syarikat.
 - Melakukan pelaburan informasi pelanggan (Pra-Analisis)
 - Pengecekan oleh Bank Negara Indonesia, iaitu untuk memastikan pelanggan bukan merupakan penghutang yang bermasalah pada bank.
 - Pemeriksaan Perdagangan (*Trade Checking*) iaitu memastikan calon pelanggan telah mempunyai hubungan yang baik dan selalu dapat memenuhi kewajibannya.
 - Adanya penjamin iaitu memastikan bahawa calon pelanggan telah memiliki hubungan yang baik dan selalu memenuhi kewajiban-kewajibannya.
 - Senarai data pelanggan bermasalah (termasuk didalamnya daftar pelanggan yang ditolak), untuk memastikan pelanggan tidak termasuk dalam daftar senarai hitam

yang dikeluarkan Bank Indonesia (Bank Negara Indonesia) mahupun negatif dalam Bank Syariah Mandiri (dilihat pada laporan BSM pada tiap cawangan).

- a. Kelompok Debitur Besar, iaitu memastikan apakah pelanggan termasuk atau tidak dalam salah satu penghutang besar Bank Syariah Mandiri.
- b. *Penarafan Risiko Pembiayaan (Financing Risk Rating (FRR))* untuk mengetahui tingkat risiko usaha calon pelanggan (sesuai dengan syarat SE No. 6/007/ PEM tanggal 26 April 2004)¹⁰
- c. Memeriksa sektor ekonomi untuk memastikan bahawa usaha yang dijalankan oleh bakal pelanggan tergolong dalam sektor ekonomi dan bahagian ekonomi yang mempunyai peringkat menarik untuk dibiayai dan penetapan harga (*pricing*) sesuai No. 6/013/ PEM tanggal dan .SE turunya.

1.5. Landasan Perundangan Mengenai Pelaksanaan Pembiayaan.

1. Landasan Perundang-undangan

Berdasarkan Pasal 6 (m) Undang-undang No. 1 tahun 1998 bahawa usaha bank umum meliputi : menyediakan pembiayaan atau melakukan kegiatan lain berdasarkan prinsip Syariah, berkesesuaian dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh Bank Indonesia.¹¹

¹⁰ Undang-undang Republik Indonesia (2004), No. 10. Tentang Pembentukan Peraturan Undang-undang (2005), CV, Duta Nusindo, Semarang.

¹¹ Undang-undang Republik Indonesia (1998), No. 23, tentang perubahan atas undang-undang No. 7., (1992), Tentang Perbankan.

2. Landasan Syariah

➤ Al-Qur'an

كُمُفْتَابٌ تُحْصُوهُ لَنْ أَنْ عَلِمَ وَالنَّهَارَ الْبَيْلَ يُقَدِّرُوا اللَّهُ مَعَكُمْ الَّذِينَ مِنْ وَطَأَ بِفَتَاهُ وَثُلُثُهُ، وَنِصْفَهُ، الْبَيْلَ ثُلْثِي مِنْ أَدَى تَقْوَمُ أَنْكَ يَعْلَمُ رَبَّكَ إِنْ ﴿٢٠﴾
فِي يُقْتَلُونَ وَءَاخَرُونَ اللَّهُ فَضْلٍ مِنْ يَبْتَغُونَ الْأَرْضِ فِي يَضْرِبُونَ وَءَاخَرُونَ مَرْضَى مِنْكُمْ سَيَكُونُ أَنْ عَلِمَ الْقُرْءَانَ مِنْ تَيْسَرَ مَا فَاقَرَهُ وَأَعْلَى
هُوَ اللَّهُ عِنْدَ تَجِدُوهُ خَيْرٍ مِنْ لَأَنْفُسِكُمْ تَقْدِمُوا مَا حَسَنًا قَرَضًا لِلَّهِ وَأَقْرَضُوا الزَّكَاةَ وَأَتُوا الصَّلَاةَ وَأَقِيمُوا مِنْهُ تَيْسَرَ مَا فَاقَرَهُ وَاللَّهُ سَبِيلٌ
﴿٢١﴾ رَحِيمٌ غُفُورٌ اللَّهُ إِنْ اللَّهُ وَأَسْتَغْفِرُوا أَجْرًا وَأَعْظَمَ خَيْرًا

“... dan dari orang-orang yang berjalan dimuka bumi mencari sebahagian karunia Allah SWT.” (Al-Muzammil: 20)¹²

Maujud dilalah atau pendapat dari surah Al-Muzammil: 20 ianya adanya kata *yadribun* yang sama ada akar kata *mudarabah* yang bererti melakukan suatu perjalanan usaha.

﴿٢١﴾ تَفْلِحُونَ لَعَلَّكُمْ كَثِيرًا اللَّهُ وَأَذْكُرُوا اللَّهَ فَضْلٍ مِنْ وَابْتَغُوا الْأَرْضِ فِي فَاتَشِرُوا وَالصَّلَاةَ قَضَيْتَ فَإِذَا

“Apabila telah ditunaikan solat maka bertebaranlah kamu dimka bumi dan carilah karunia Allah SWT.” (Al-Jumu'ah:10).¹³

1.6. Kesimpulan

Penubuhan bank Islam pertama yang diberi nama Mit Ghamr di Mesir tahun 1963, Bank Pembangunan Islam (IDB) tahun 1975, bank Islam di Timur Tengah lainnyadan penubuhan Bank Islam di ASEAN seperti di Malaysia iaitu Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia. Penubuhan Bank Islam di Timur Tengah dan di ASEAN mempunyai pengaruh positif bagi penubuhan Bank Syariah di Indonesia iaitu Bank Muamalat Indonesia pada tahun 1992 dan Bank Syariah Mandiri pada tahun 1999.

¹² Semua terjemahan ayat-ayat al-Qur'an dalam kajian ini berdasarkan al-Qur'an al-Karim bi Rasm 'Uthmani dan Terjemahnya diterbitkan di Kuala Lumpur oleh Pustaka Darul Iman dengan kelulusan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan KDN.

¹³ *Ibid.*

Bank Islam yang ditubuhkan di Negara-negara Islam dan bukan Islam beroperasi berdasarkan prinsip syariah Islam seperti prinsip *al-wādi'ah*, *mudārabah*, *al-muṣyārakah*, *al-murābāḥah*, *bay' al-sālam*, *bay' al-iṣṭisnā*, *al-ijārah*, *qārd al-hāsan*, *al-wākalah*, *al-kāfalah*, *al-ḥiwalah*, dan prinsip lainnya.

Penubuhan Perbankan Syariah merupakan salah satu Penubuhan bank Islam pertama di Indonesia oleh pemerintahan Indonesia yang diberi nama Bank Muamalat Indonesia pada tahun 1992 dan diikuti penubuhan cawangan di merata tempat di Indonesia termasuk salah satu cawangannya di Jakarta ibukota Indonesia. Bank Mandiri ditubuhkan pada tahun 1999 dan diikuti dengan penubuhan cawangan di merata tempat dan salah satu cawangannya di Jakarta Ibukota Indonesia yang beroperasi berasaskan syariah Islam.

Bank Mandiri Syariah mempunyai visi dan misi dalam menawarkan perkhidmatan bank Islam kepada pelanggan untuk memberikan kepuasan kepada pelanggan. Selain itu, Bank Mandiri Syariah dalam operasinya dikendalikan oleh kakitangan bank yang terdiri dari ketua pengarah eksekutif, setiausaha, ketua bahagian operasi, bahagian pengurus kawalan data, bahagian perkhidmatan pelanggan, bahagian operasi, bahagian pembiayaan, bahagian pengurus kakitangan, bahagian pengurus akaun dan bahagian lainnya.

Selain itu, Bank Mandiri Syariah mempunyai Dewan Pengawas Syariah (DPS) yang mempunyai tugas, sebagai pengawas setiap produk perbankan yang ditawarkan kepada pelanggan serta merumuskan produk-produk perbankan yang baru supaya selari dengan syariah Islam.

BAB IV

ANALISIS PELAKSANAAN AKAD *MUDĀRABAH* DALAM PEMBIAYAAN KEPADA PELANGGAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA DI BANK SYARIAH MANDIRI JAKARTA, INDONESIA.

4.1 Pengenalan

Bank Syariah Mandiri merupakan bank yang pertama beroperasi berdasarkan prinsip syariah Islam. Bank Syariah Mandiri menawarkan perkhidmatan deposit kepada pelanggan seperti perkhidmatan akaun simpanan, akaun semasa berdasarkan prinsip *al-mudārabah* untuk tempoh masa pelaburan 1 bulan, 3 bulan, 6 bulan, 12 bulan atau lebih.

Selain itu, bank syariah mandiri juga menawarkan perkhidmatan pembiayaan kepada pelanggan berdasarkan prinsip syariah Islam seperti pembiayaan berdasarkan prinsip *al-mudārabah*, *al-musyārahah*, *bay' al-murābahah*, *al-istiṣnā*, *al-salam*, *al-rahn*, *al-qard*, *al-ḥasan* dan prinsip lainnya. Dalam bab ini akan di huraikan hasil dari dapatan kajian berdasarkan data yang diperolehi secara langsung dari Bank Syariah Mandiri di Jakarta.

1.2. Analisis Pelaksanaan Akad *al-Muḍārabah* dalam Pembiayaan pada Industri Kecil dan Sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta

1.2.1. Jadwal Kriteria Pelaksanaan Pembiayaan akad *Muḍārabah* kepada Industri kecil dan sederhana¹⁴

Fitur Program	Investasi	Modal Kerja
Target Pasar	Semua sektor industri yang tidak bertentangan dengan syariah UMKM dan Koperasi yang tidak sedang menerima Kredit dari Perbankan atau Kredit Program, kecuali Kredit Konsumtif.	
Limit Pembiayaan	Industri Kecil : sampai dengan Rp. 5.000.000,00 (margin 22%, berlaku 12 Feb 2010) Industri Sederhana : Rp 5.000.000,00 – Rp 500.000.000,00 (margin 14%, berlaku 12 Febr 2010)	
Wilayah Jangkauan	Diseluruh cawangan	
Jangka Waktu	Maksimum 5 tahun	Maksimum 3 tahun
Agunan	Agunan Utama : objek yang dibiayai Agunan Tambahan : bersifat kebendaan	
Pola Pembiayaan	Utama Terdapat keterikatan produksi antara syarikat inti Syarikat inti sebagai penjamin pembelian atas untung usaha Jaminan pembiayaan dari syarikat utama Perkongasian Terdapat pola perkongasian terpadu antara syarikat atau koperasi dengan yang dibiayai Terdapat hak dan kewajiban yang jelas antara syarikat atau koperasi dengan yang dibiayai Jaminan pembiayaan dari syarikat atau koperasi	

Berikut ini beberapa bidang yang telah menerima pembiayaan akad *muḍārabah* mengikut laporan tahunan di Bank Syariah Mandiri kurun waktu 2007-2010.

1.2.2. Jadwal Aplikasi akad *muḍārabah* dalam beberapa bidang industri kecil dan sederhana.¹⁵

Sektor	2007	2008	2009	2010
Jasa sosial	34,481,896	103,769,928	159,884,928,407	80,520,681,514
Kontrak	64,957,314	59,716,130	9,930,554,392	1,167,035,072,004

¹⁴ www.syariahmandiri.co.id.

¹⁵ Laporan Tahunan Bank Syariah Mandiri Jakarta Tahun 2007-2010. h. 211-213.

Jasa usaha	2,206,238,306	2,691,454,127	3,951,182,808,516	1,052,385,701,044
Pertanian	1,357,229	8,000,276	13,811,881,308	146,171,111,810
Elektrik dan gas	672,227	5,209,494	2,643,292,278	15,196,021,176
Perdagangan	2,342,535	17,018,817	25,949,398,819	1,107,294,959,897
Industri	420,291	12,863,031	14,831,175,277	656,948,613,701
Pertambangan	-	4,052,351	503,433,062	80,277,1010,845
Pengangkutan	4,182,542	23,717,637	8,125,284,490	209,741,145,308
JUMLAH	2,314,652,244	2,926,071,071	4,173,681,797,459	4,221,305,155,711

Sumber : Laporan Tahunan Bank Syariah Mandiri Jakarta tahun 2007-2010

Pada tahun 2007 perkongsian untung dan rugi pembiayaan akad *muḍārabah* antara 17.87% sampai dengan 18.12% sedangkan pada tahun 2008 sebesar 14.72% sampai dengan 16.60%. Dalam pembiayaan *muḍārabah* tersebut, terdapat fasiliti pembiayaan *muḍārabah* yang sumber dananya berasal dari *muḍārabah muqayyadah* sebesar Rp5,728,201 yang terdapat pada dana syirkah investasi terikat. Pembiayaan *muḍārabah*. Pada tahun 2007 dan 2008 Bank telah melakukan penghapusan pembiayaan *muḍārabah* masing-masing sebesar Rp 736,258 dan Rp 2,092,847 untuk pembiayaan *muḍārabah* yang digolongkan tidak terbayar kerana pengurus telah memeriksa laporan kewangan tahunan dan melihat serta diaudit pembiayaan tersebut tidak mungkin tertagih. Jumlah pembiayaan *muḍārabah* yang di pemeriksaan semula pada tahun 2007 dan 2008 masing-masing sebesar Rp 306,216.

Pada tahun 2009 peratusan perkongsian untung dan rugi pembiayaan *muḍārabah* antara 14.25% sampai dengan 15.55% sedangkan pada tahun 2010 antara 13.53% sampai dengan 15.74% per tahun. Nisbah tidak berbayar pembiayaan *muḍārabah* pada tanggal 31 Disember 2009 sebesar 1.17% dan 0.31% sedangkan pada tahun 2010 sebesar 1.75% dan 1.18%. Setelah memeriksa laporan kewangan tahunan berpendapat bahawa penyisihan kerugian yang ada cukup untuk menutup kemungkinan kerugian akibat tidak tertagihnya pembiayaan *muḍārabah* serta telah memenuhi ketentuan Bank Negara Indonesia.

4.3. Analisis Simulasi Sistem Perkongsian Untung Berasaskan Prinsip *al Muḍārabah* di Bank Syariah Mandiri

1. Simulasi Sistem Perkongsian Untung *Muḍārabah* di Bank Syariah Mandiri.

a. Pelanggan jangka waktu 1 bulan

Bulan Julai, Tahun 2007

Nilai Pokok Simpanan	: Rp. 100,000,000,00
Jenis Simapanan	: Dalam Rupiah (Rp)
Tempoh Masa	: 1 Bulan
Nilai Rata-rata seluruh Pelanggan	: Rp. 1,487,900,912,241,90
Bulan ini	
Pembahagian Perkongsian Untung	: Rp. 17,434,118,043,89
Nisbah Pelanggan	: 51.00 %

b. Pelanggan jangka waktu 3 bulan

Bulan Julai, Tahun 2007

Nilai Pokok Simpanan	: Rp. 100,000,000,00
Jenis Simapanan	: Dalam Rupiah (Rp)
Tempoh Masa	: 3 Bulan
Nilai Rata-rata seluruh Pelanggan	: Rp. 268,459,759,955,81
Bulan ini	
Pembahagian Perkongsian Untung	: Rp. 3,145,612,121,48
Nisbah Pelanggan	: 51.00 %

Pusingan ini didapat berdasarkan data yang diperolehi langsung. Ianya nilai nominal diambil dari data Laporan Pembahagian Perolehan Pendapatan dan carta nisbah perkongsian untung di Bank Syariah Mandiri yang tepat (*Up To Date*).

2. Penentuan Nisbah Perkongsian Untung pada Pembiayaan *Muḍārabah*

- a. Penentuan nisbah didasarkan pada kesepakatan kedua pihak. Dengan sistem *revenue sharing* iaitu nisbah perkongsian untung ditentukan berdasar total pendapatan usaha. Total pendapatan usaha ini masih belum dikurangi kos pengurusan. Ertinya pendapatan usaha diukur dari penjualan ditolak harga awal penjualan, perbandingan dari inilah yang menjadi objek nisbah perkongsian untung dan rugi. Berikut ini jadual nisbah perkongsian untung :

Huraian	Jumlah	Metode Perkongsian Untung
Penjualan	100	<i>Revenue Sharing</i>
Harga Pokok Penjualan	65	
Laba Kotor	35	
Beban	25	
Laba Rugi Usaha	10	<i>Profit Sharing</i>

- b. Nisbah didasarkan pada ketentuan Bank Syariah Mandiri (BSM) Pusat. Nisbah yang telah ditentukan di dalam undang-undang yang diperuntukan dalam pembiayaan kepada industri kecil dan sederhana ialah minimum 13% p.a sampai dengan maksimum 22% p.a. Ertinya BSM memberikan penawaran permintaan peratusan nisbah kepada *muḍārib* yang besarnya tertentu. Sedangkan *muḍārib* melakukan penawaran dengan menyesuaikan pendapatan usahanya di lapangan (secara jelas). Apabila ada kesepakatan maka pembiayaan dilaksanakan.

Simulasi Perhitungan Pembiayaan <i>Muḍārabah</i>	
Keperluan Modal Kerja	Rp. 100,000,000,00
Pembiayaan Bank	Rp. 100,000,000,00 (100%)
Rencana Penerimaan Usaha	Rp. 60,000 per tahun
Jangka Waktu	3 bulan
Perkiraan Nilai	18 % p.a
Realisasi Pendapatan Usaha	Rp. 5,000,000,00 per bulan
Perkongsian Untung yang Diterima Bank	Rp. 1,500,000,000,000,00 (30.000.000,00%)
Perkongsian Untung yang Diterima Pelanggan	Rp. 1,499,995,000,000,00 (29.999.900.00%)

Simulasi Perhitungan Pembiayaan <i>Mudārabah</i>	
Keperluan Modal Kerja	Rp. 100,000,000,00
Pembiayaan Bank	Rp. 100,000,000,00 (100%)
Rencana Penerimaan Usaha	Rp. 60,000 per tahun
Jangka Waktu	3 bulan
Perkiraan Nilai	18 % p.a
Realisasi Pendapatan Usaha	Rp. 5,000,000,00 per bulan
Perkongsiian Untung yang Diterima Bank	Rp. 1,500,000,000,000,00 (30.000.000.00%)
Perkongsiian Untung yang Diterima Pelanggan	Rp. 1,499,995,000,000,00 (29.999.900.00%)
Simulasi Perhitungan Pembiayaan <i>Mudārabah</i>	
Keperluan Modal Kerja	Rp. 100,000,000,00
Pembiayaan Bank	Rp. 100,000,000,00 (100%)
Rencana Penerimaan Usaha	Rp. 60,000 per tahun
Jangka Waktu	3 bulan
Perkiraan Nilai	18 % p.a
Realisasi Pendapatan Usaha	Rp. 5,000,000,00 per bulan
Perkongsiian Untung yang Diterima Bank	Rp. 1,500,000,000,000,00 (30.000.000.00%)
Perkongsiian Untung yang Diterima Pelanggan	Rp. 1,499,995,000,000,00 (29.999.900.00%)

4.4 Analisis Sistem dan Mekanisme Pembahagian Dana *Mudārabah* ke Masyarakat oleh Bank Syariah Mandiri

Adapun jumlah wang para pendeposit yang dilabur berasaskan *al-mudārabah* di Bank Syariah Mandiri Jakarta untuk jangka masa empat tahun yang lalu dihuraikan pada jadual dibawah ini

Jadual 4.4.1 jumlah deposit pada akaun semasa yang berasaskan prinsip *al-mudārabah* berbanding dengan akaun simpanan lain di Bank Syariah Mandiri Jakarta, pada tahun 2007-2010¹⁶

Jenis Akaun Simpanan	2007	%	2008	%	2009	%	2010	%
Akaun <i>al-wadi'ah</i>	1,857,727,247	31.56	1,850,684,217	24.80	2,681,018,325,249	26.56	4,174,663,897,074	29.14
Akaun Simpanan Syariah Mandiri	1,381,906,403	23.48	2,120,005,705	28.40	3,340,886,513,736	33.10	4,813,140,015,549	33.58
Akaun Simpanan Haji dan Umrah "Mabrur"	306,115,139	5.20	530,327,429	7.10	795,550,553,932	7.88	1,166,709,980,158	8.15
Akaun Semasa (Deposito <i>al-mudārabah</i>)	2,339,676,256	39.75	2,963,646,872	39.70	3,275,448,768,844	32.45	4,173,681,797,450	29.13
Jumlah	5,885,425,045	100	7,464,664,223	100	10,092,904160	100	14,328,195,690	100

¹⁶ Laporan Tahunan (2007), Bank Syariah Mandiri, Jakarta.

Sumber : Laporan kewangan tahunan 2007-2010 Bank Syariah Mandiri Jakarta

Jadual 4.4.1 menunjukkan terdapat pertambahan jumlah keseluruhan deposit sebanyak Rp 8,442 billion. Ianya meningkat dengan kadar pertumbuhan sebanyak 243% untuk tempoh empat tahun yang lalu. Jadual ini juga menunjukkan jumlah deposit para pendeposit pada akaun simpanan yang berasaskan *al-muḍārabah* pada setiap tahunnya menunjukkan peningkatan yang amat ketara berlaku pada tahun 2008 iaitu akaun simpanan (Tabungan Syariah Mandiri) mengalami peningkatan sebanyak Rp. 738 juta atau mengalami peningkatan sebesar 153%. Akaun simpanan (Tabungan Syariah Mandiri) mewakili 28.40% dari keseluruhan deposit yang dihimpun Bank Syariah Mandiri pada tahun 2008. Akaun simpanan (Tabungan Haji dan Umrah “Mabrur”) pada tahun 2008 juga menunjukkan peningkatan sebesar Rp 224 juta atau mengalami peningkatan sebesar 173% jumlah deposit pada akaun simpanan (Haji dan Umrah “Mabrur”) mewakili jumlah pendeposit di Bank Syariah Mandiri. Jumlah deposit pada akaun semasa mewakili 7.10% dari keseluruhan deposit yang dihimpun oleh Bank Syariah Mandiri pada tahun 2008.¹⁷

Berdasarkan jadual 4.4.1 didapati keseluruhan akaun simpanan yang berasaskan prinsip *al-muḍārabah* menunjukkan penurunan yang tidak begitu banyak. Ini bererti akaun *al'wadi'ah* tidak mengalami peningkatan, ianya menunjukkan penurunan Rp 7 juta atau menurun sebanyak 99% pada tahun 2008. Jumlah deposit akaun *al-wadi'ah* mewakili sebanyak 24.80% dari keseluruhan deposit yang dihimpun oleh Bank Syariah Mandiri pada tahun.¹⁸

Manakala tahun kewangan 2009 jumlah deposit pada akaun simpanan yang berasaskan prinsip *al-muḍārabah* masih menunjukkan peningkatan yang ketara sebagaimana pada tahun sebelumnya. Akaun simpanan (Tabungan Syariah Mandiri) menunjukkan peningkatan sebesar Rp. 3,338 billion atau ianya mengalami peningkatan

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*

sebanyak 157%. Jumlah deposit akaun simpanan (Tabungan Syariah Mandiri) mewakili 25.56% dari keseluruhan deposit yang dihimpun oleh Bank Syariah Mandiri pada tahun berkenaan. Akaun simpanan (Tabungan Haji dan Umrah “Mabrur” juga menunjukkan peningkatan sebesar Rp 7 juta atau ianya mengalami peningkatan sebanyak 150% dari tahun sebelumnya. Jumlah deposit akaun simpanan (Haji dan Umrah “Mabrur”) mewakili 7.88% dari keseluruhan deposit yang dihimpun Bank Syariah Mandiri pada tahun berkenaan. Akaun semasa (Deposito Syariah Mandiri) masih menunjukkan peningkatan sebesar Rp. 3,272 billion atau mengalami peningkatan sebanyak 110% dari tahun sebelumnya. Jumlah deposit akaun semasa ini mewakili 32.45% dari keseluruhan deposit yang dihimpun oleh Bank Syariah Mandiri pada tahun yang sama. Akaun simpanan yang berasaskan *al-wadi’ah* juga menunjukkan peningkatan sebesar 2,679 billion atau mengalami peningkatan sebanyak 144% dari tahun sebelumnya. sebagaimana juga peningkatan sekitar 26.56% mewakili jumlah deposit akaun semasa keseluruhan.¹⁹

Jumlah akaun simpanan yang berasaskan *al-wadi’ah* juga menunjukkan peningkatan sebesar 1,493 billion atau mengalami peningkatan sebanyak 155% dari tahun sebelumnya. sebagaimana juga peningkatan sekitar 29.14% dari keseluruhan deposit yang dihimpun oleh Bank Syariah Mandiri pada tahun 2010. Pada tahun kewangan 2010 jumlah deposit pada akaun simpanan yang berasaskan prinsip *al-mudārabah* masih menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu simpanan (Tabungan Syariah Mandiri) masih menunjukkan peningkatan sebesar Rp.898 juta atau meningkat sebanyak 127%. Jumlah deposit akaun ini mewakili 29.13% dari keseluruhan deposit yang dihimpun oleh Bak Syariah Mandiri pada tahun berkenaan. Akaun simpanan (Haji dan Umrah "Mabrur") masih menunjukkan peningkatan sebesar Rp. 371 juta atau mengalami peningkatan sebanyak 146%. Jumlah deposit akaun simpanan (Haji dan

¹⁹ Laporan Kewangan Tahunan (2010), Bank Syariah Mandiri, Jakarta. h. 166-167.

Umrah "Mabrur") ini mewakili 8.15% dari keseluruhan deposit yang dihimpun oleh Bank Syariah Mandiri pada tahun tersebut. Akaun semasa (Deposito Syariah Mandiri) juga menunjukkan peningkatan sebesar Rp. 1,472 billion atau ianya mengalami peningkatan sebanyak 144%. Jumlah deposit akaun semasa ini mewakili 33.58% dari keseluruhan deposit yang dihimpun oleh Bank Syariah Mandiri pada tahun 2010.²⁰

4.5. Analisis Kedudukan Deposit Berasaskan Prinsip *al-Muḍārabah* Berbanding Dengan Prinsip Lainnya di Bank Syariah Mandiri, Jakarta

Adapun Jenis produk perkhidmatan pembiayaan yang diamalkan oleh Bank Syariah Mandiri untuk jangka masa empat tahun yang lalu dihuraikan oleh jadual 4.4 dibawah ini

Jadual 4.5.1 : Jumlah Pembiayaan pada pelbagai jenis produk oleh Bank Syariah Mandiri Jakarta, pada tahun 2007-2010²¹

Jenis Pembiayaan	2007	%	2008	%	2009	%	2010	%
Al-murābahah	5,180,333,305	28.12	6,794,938,410	32.07	8,114,527,271,903	34.87	12,681,133,009,729	35.52
Al-musyārahah	4,187,588,201	28.68	5,283,260,943	19.76	3,000,846,000,855	12.90	4,221,303,155,711	11.82
Al-muḍārabah	2,314,652,244	12.57	2,926,071,071	13.81	3,275,448,768,844	14.08	4,173,681,797,450	11.69
Al-ijarah	5,119,653,772	27.78	6,666,515,862	31.46	7,822,981,065,484	33.63	12,368,814,579,379	34.65
Al-hiwalah	-	-	-	-	-	-	-	-
Al-rahn	-	-	-	-	-	-	13,316,183,059	0.37
Al-qard al-hasan	522,364,417	2.85	612,023,986	2.90	1,051,412,482,836	4.52	2,235,862,035,491	6.26
Jumlah	18,420,264,680	100	21,187,137,530	100	23,265,215,590	100	35,694,110,757,819	100

Sumber: Laporan kewangan tahunan Bank Syariah Mandiri Jakarta tahun 2007-2010.

Jadual 4.5.1 menunjukkan bahawa terdapat pertambahan jumlah pembiayaan yang memberangsangkan secara keseluruhan sebanyak Rp 35,675 billion pada tahun 2010 atau meningkat sebesar 193% bagi jumlah pembiayaan keseluruhan berbanding dengan tahun 2007 yang dikeluarkan Bank Syariah Mandiri untuk jangka waktu tahun yang lalu. Jumlah peratusan pembiayaan yang dikeluarkan Bank Syariah Mandiri pada tahun berkenaan pada prinsip *al-murābahah* sebanyak Rp 4 Juta ianya lebih kurang 28.12% pada tahun 2007. Diikuti oleh pembiayaan dengan prinsip *al-musyārahah* sebesar Rp. Juta pada tahun 2007 atau sekitar 28.68%. Manakala pembiayaan dengan

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Laporan Tahunan (2007)*, Bank Syariah Mandiri, Jakarta. h. 100-102.

prinsip *al-muḍārabah* hanya sebesar Rp. Juta sahaja ianya sekitar 12.57% untuk tahun 2007.²²

Pada akhir tahun kewangan 2008, keadaan ini tidak menunjukkan perubahan yang ketara iaitu pembiayaan berasaskan prinsip *al-murābahah* masih terletak pada tangga teratas dalam besarnya jumlah pembiayaan yang telah dikeluarkan Bank Syariah Mandiri ianya sebesar Rp 1,614 billion atau sekitar 32.07% dari keseluruhan pembiayaan pada tahun tersebut. Diikuti oleh prinsip *al-muḍārabah* sebesar Rp. 611 juta atau sekitar 13.81% dari keseluruhan pembiayaan pada tahun berkenaan. Pembiayaan menggunakan prinsip Syariah lainnya seperti *al-musyārahah* sebesar 19.76% *al-ijārah* sebesar 31.46%, dan *al-qarḍ* sebesar 2.90% untuk tahun 2008.²³

Pada akhir kewangan 2009 pembiayaan menggunakan prinsip *al-murābahah* iaitu sebanyak Rp 810 juta atau ianya sekitar 52.19% dari keseluruhan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan pada tahun berkenaan. Di ikuti oleh prinsip *al-muḍārabah* terletak pada tangga teratas iaitu sebanyak Rp 3,272 billion atau sekitar 21.07% dari keseluruhan pembiayaan pada tahun berkenaan, Pembiayaan menggunakan prinsip Syariah lainnya seperti *al-musyārahah* sebanyak 2,995 billion atau ianya sekitar 19.30% dari keseluruhan pembiayaan tahun yang berkenaan, *al-ijarah* sebanyak 33.63%, dan *al-qardh* sebanyak 4.52% dari keseluruhan pembiayaan yang dikeluarkan Bank Syariah Mandiri pada tahun 2008 sebagaimana ditunjukkan oleh jadual 4.4.1 di atas.²⁴

Pada akhir tahun kewangan 2010, keadaan ini mengalami perubahan yang ketara iaitu pembiayaan dengan prinsip *al-murābahah* masih menempati tempat teratas dengan jumlah pembiayaan yang telah dikeluarkan sebesar Rp 4,566 billion, ianya sekitar 19.72%. diikuti oleh pembiayaan berasaskan prinsip *al-muḍārabah* dengan jumlah

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*

²⁴ Laporan Tahunan (2010), Bank Syariah Mandiri, Jakarta. h. 166-167.

pembiayaan yang telah dikeluarkan sebesar Rp. 898 juta, ianya sekitar 19.50% dari pada keseluruhan dana pembiayaan dan pembiayaan dengan prinsip *al-ijārah* sebanyak 34.65%, *al-rahn* sebanyak 0.37% dan *al-qard* sebanyak 6.26% pada tahun 2010 sebagaimana tertera pada jadual diatas.²⁵

4.6. Analisis Pelaksanaan Prinsip *al-Muḍārabah* Dari Segi Akad Pembukaan Akaun Simpanan, Akaun Semasa di Bank Syariah Mandiri

Pada pembahasan bab satu dari kajian ini, telah dihuraikan panjang lebar tentang prinsip asas dalam akad *al-muḍārabah* mengikut fiqh klasik. Para fuqaha' berpendapat bahawa *al-muḍārabah* adalah akad yang diharuskan oleh Islam, hal ini ditegaskan dalam nas al-Qur'ān, al-ḥādīth, ijma' dan qiyas.²⁶

Bank yang berkenaan menetapkan ketentuan yang harus dilengkapi oleh para pendeposit dalam pembukaan akaun simpanan, akaun semasa yang berasaskan *al-muḍārabah* seperti pendeposit berumur 18 tahun, jelas jumlah wang yang akan disimpan, mengisi borang akaun berkenaan, menyerahkan salinan kad pengenalan dan ketentuan lainnya. Ketentuan ini, tidaklah bercanggah dengan apa yang telah digariskan dalam fiqh muamalat Islam. Akad *al-muḍārabah* baru dikatakan sah, jika yang menjadi syarat pembukaan akaun yang berasaskan pembiayaan akad *muḍārabah* baru setelah semua syarat dan rukun dalam akad *muḍārabah* terpenuhi seperti adanya pemodal, ada pengesahan yang berakad, adanya modal dalam bentuk wang tunai dan harus adanya akad ijab dan kabul.²⁷

Selain itu, dalam akad *muḍārabah* syarat keuntungan juga harus diketahui,²⁸ sebagaimana observasi dan data sedia ada pada awal pembahasan bab empat, jelas

²⁵ *Ibid.*

²⁶ al-Kāsānī (t.t), *Badā'ī al-Ṣanā'ī 'i Fī Tartīb al-Syara'ī*, j. 8. Mesir; Matba'ah al-Imām, h. 3587-3588.

²⁷ Ibn Qūdri (t.t), *op.cit.*, h. 445; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3588; dan al-Ramlī (t.t), *op.cit.*, h. 226.

²⁸ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, j. 4, h. 3601; al-Syarbīnī al-Khaṭīb (t.t), *Mughnī al-mughtāj*, j. 2, h. 313; Abū al-Walīd Muḥammad ibn Aḥmad Ibn Rusyd (1981), *Bidayāh al-Mujathid a Nihayah al-Muqtaṣi* j. 2, Kaherah; syarikah maktabah Muṣṭafā al-Babī al-Ḥalabī Wa Awlādih, h. 234; Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 140; al-Dusuqī (t.t), *op.cit.*, h.517.

bahawa nisbah keuntungan antara bank dengan pendeposit dan antara bank dengan usahawan (*muḍārib*) lainnya juga sudah diketahui dan ditetapkan besar kecilnya nisbah peratusan perkongsian untung dan rugi yang akan diterima oleh masing-masing pihak.

Penelitian yang telah penulis lakukan didapati amalan akad *al-muḍārabah* yang diamalkan oleh Bank Syariah Mandiri dilihat dari sisi pelaksanaan akad, syarat dan rukun pada prinsip *muḍārabah* yang ada dalam kitab fiqh klasik mazhab yang muktabar. Kesemua itu telah terhimpun dalam penjelasan produk perkhidmatan akaun simpanan, akaun semasa dan pembiayaan ekuiti berasaskan *al-muḍārabah* yang ditawarkan kepada para pelanggan oleh bank berkenaan. Menurut pandangan penulis perkhidmatan akaun simpanan, akaun semasa dan perkhidmatan pembiayaan ekuiti yang ditawarkan oleh bank berkenaan berasaskan prinsip *muḍārabah* Islam adalah dibolehkan dan ianya selamat berasaskan matlamat yang dapat diteliti dan analisis keabsahannya.

4.7. Halangan-halangan yang Dihadapi dalam Pelaksanaan Prinsip *al-Muḍārabah* di Bank Syariah Mandiri²⁹

Berdasarkan penelitian yang dilakukan penulis, penulis membahagi halangan dan hambatan dalam beberapa kategori :

- a. Internal. Iaitu halangan-halangan yang berasal dari pihak bank sendiri dalam pelaksanaan pembiayaan dan ruang lingkungannya.
 1. Kesulitan dalam menetapkan projek yang tepat berhubungkait dengan memperkirakan bagaimana usaha yang dijalankan oleh *muḍārib* berkembang di masa hadapan. Faktor yang mungkin diperlukan ketelitian dari pihak bank dalam menganalisa, walaupun pihak *muḍārib* sudah memberi gambaran tentang usahanya, tetapi pihak bank harus mempunyai kemahiran tersendiri. Biasa yang terjadi pihak *muḍārib*

²⁹ Hasil Temubual Dengan Cik Irfan M. Nur Pengurusu Pembiayaan akad *muḍārabah* di Bank Syariah Mandiri Jakarta, Indonesia. 20 february 2012.

dalam memberikan laporan tentang gambaran usahanya diambil yang terbaik, sedangkan kelemahan disembunyikan.

2. Sumber Daya Manusia dalam hal ini pihak bank dalam menganalisis suatu permohonan pembiayaan masih dipertanyakan. Kerana faktor inilah pembiayaan pada Bank Syariah Mandiri masih jauh dari harapan secara kuantitas pembiayaan. Dengan ditandainya penyaluran pembiayaan yang bertumpu pada pembiayaan *Mudārabah* saja, itupun tidak kurang dari dua penyaluran pembiayaan.
 3. Kesulitan dalam mempercayai laporan pelanggan mengenai perhitungan pendapatan, biaya untung rugi dan sebagainya. Untuk menangani permasalahan ini pihak bank melakukan pembahagian pendapatan atau *revenue sharing* sebagai upaya untuk memperkecil manipulasi data yang dilakukan pihak *mudārib*. Walaupun ini tidak menjanjikan seratus peratus (100%) kebenaran laporan kewangan yang telah disajikan.
 4. Aspek perundangan, peraturan yang menjadi dasar pelaksanaan perbankan syariah masih terbatas.
- b. Eksternal, banyak dari faktor ini, kerana perilaku pelaksana pembiayaan (*mudārib*) :
1. Kesulitan dalam pengawasan setiap bulan dan pengauditannya. Permasalahan ini berhubungkait dengan proses awal dari pemberian pembiayaan. Apabila sikap *mudārib* sudah menunjukkan kecurigaan sebaiknya pihak bank mengawasi terhadap penyaluran dananya.

Dalam peratus pengawasan bulanan ini, masing-masing pihak mempunyai kepentingan. Transparansi atau kejujuran pelaksanaan dana diperlukan kerana itu kawalan tak terduga.

- Faktor sumber Daya Manusia. Hal ini berhubung kait dengan sikap *muḍārib* dalam memberikan data-data berkaitan dengan pendapatan usaha, pendapatan usaha mahupun kemungkinan usaha. Niat baik pelaksana dana dipertanyakan.

4.8. Analisis Pelaksanaan Prinsip *al-Muḍārabah* Dari Segi Perkhidmatan Pelaburan Untuk Masa Tertentu di Bank Syariah Mandiri

Berdasarkan huraian dia atas dalam bab keempat, para pen deposit yang melaburkan wangnya di bank berkenaan berasaskan prinsip *al-muḍārabah* pada akaun semasa (Deposit Muḍārabah), yang menggunakan tempoh masa pelaburan 1 bulan, 3 bulan, 6 bulan 9 bulan, 17 bulan atau lebih. Selain itu, penetapan masa dalam prinsip *al-muḍārabah* bagi akaun semasa yang diamalkan oleh Bank Syariah Mandiri tidaklah bertentangan dengan ketentuan Syariah Islam. Adanya tempoh masa dalam pelaburan wang di bank bermaksud supaya pihak bank dapat melaburkan wang tersebut dalam usaha-usaha yang menguntungkan dan halal. Hal ini juga telah dijelaskan oleh mazhab Ḥanafi dan Ḥanbali bahawa hal itu diharuskan.³⁰

Selain itu, menurut kalangan mazhab Ḥanafi seperti, al-Kāsānī³¹ di dalam kitab *Bada'i' al-Sanā'i' fi Tartīb al-Syarī'i'*, menjelaskan jika seseorang itu mengatakan “Ambillah harta ini sebagai *muḍārabah* untuk masa satu tahun” maka hal ini harus bagi kami. Manakala menurut kalangan mazhab Syāfi'i r.a, seperti al-Syīrāzī menjelaskan pelaksanaan *al-muḍārabah* yang demikian adalah *fasid*.³² Tetapi kalau diperhatikan amalan operasi bank tersebut berkenaan tempoh masa yang berbilang itu tidaklah menggambarkan bahawa setiap pelaburan dilakukan tidak secara bersendirian, melainkan secara berkongsi dengan pen deposit lainnya. Ibn Qudāmah,³³ dalam kitabnya

³⁰ Ali bin A'Imad Ibn Hazm (t.t), *al-Muḥalīl*, j. 8, Beirut: Dār al-'Afaq al-Jadīdah, h. 287; al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, j. h. 3633; Mawafiq al-Dīn Abu Muḥammad 'Abd Allāh b, Ahmad b, Muhammad al-Muqaddis Ibn Qudāmah (1982), *al-Kafī fi Fiqh al-imām Aḥmad ibn Ḥambal*, j. 2. Beirut; al-Maktab al-Islāmī, h. 270; Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 185..

³¹ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 3634.

³² al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, j. 1, h, 506; al-Syārbīnī al-khaṭīb (t.t), *op.cit.*, j, 2, h. 312.

³³ Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j, 5, h. 136.

menerangkan bahawa sekiranya ada seseorang menyerahkan hartanya sebanyak umpamanya RM2,000 sebagai *muḍārabah* dan seorang lainnya pula menyerahkan RM4,000 juga sebagai *muḍārabah* dan kemudian mereka bersetuju mencampurkannya sebelum kerja bermula maka hal itu hukumnya harus, sekiranya selepas kerja dilaksanakan maka hukumnya tidak harus.

Selain itu, pendeposit yang melaburkan wang di bank ianya mempunyai buku akaun simpanan bersendirian yang menyatakan transaksi tersebut. Maka oleh itu amalan akaun semasa (akaun deposito) yang berasaskan prinsip *muḍārabah* yang ditawarkan oleh Bank Syariah Mandiri. Penulis berpandangan ianya boleh diamalkan dalam perkhidmatan bank dan amalan tersebut tidaklah bercanggah dengan syariah Islam.

4.9. Analisis Pelaksanaan Prinsip *al-Muḍārabah* Berperingkat iaitu Pemodal Melaburkan Wangnya di Bank Syariah, Kemudian Pihak Bank (*Muḍārib* Pertama) Melaksanakan Akad *Muḍārabah* Dengan Ushawan (*Muḍārib*) lainnya.

Bank Syariah Mandiri menawarkan perkhidmatan deposit kepada para pendeposit dalam pelbagai akaun seperti akaun simpanan dan akaun semasa berasaskan *al-muḍārabah*, wang yang terhimpun di bank akan dilaburkan pihak bank kepada usahawan (*muḍārib*) lainnya dengan akad berasingan. Menurut pandangan penulis, amalan *al-muḍārabah* berperingkat oleh bank tersebut tidak menjadi halangan atau tidak bertentangan dengan syariah Islam. Hal ini juga sesuai dengan prinsip *al-muḍārabah al-musyṭārikah* yang berlapis kedua yang dikemukakan oleh ulama-ulama fiqh semasa seperti Sami Hasan Ahmad Hamud,³⁴ bahawa pihak bank sebagai *muḍārib* menyerahkan harta para pendeposit kepada usahawan *muḍārib* kedua dengan maksud untuk dilaburkan dalam aktiviti ekonomi yang menguntungkan dan halal.

Menurut Mazhab Hanafi seperti al-Kāsānī menjelaskan, apabila pemodal (*ṣāhib al-māl*) itu berkata kepada usahawan (*muḍārib*), kerjakanlah dengan cara kamu, lalu dia

³⁴ Sami Ḥasan Aḥmad Ḥumād (1991), *Tatwir al-A'mal al-Marafīyah*, Kaherah; Maktabah Dār al-Turāth, h. 394.

menyerahkan modal kepada pengusaha lain.³⁵ *Muḍārib* kedua boleh mengambil bahagian keuntungan untuknya berasaskan apa yang disyaratkan oleh *mudārib* pertama iaitu orang yang memberikan modal kepadanya. Manakala *muḍārib* pertama pula boleh mengambil bahagian keuntungan untuknya dari perkongsian ini dalam perbezaan bahagian keuntungan yang diambil oleh pemilik modal dan *muḍārib* kedua.³⁶

Sebagai contoh, jika dalam akad pertama antara pemodal dengan pihak *muḍārib* telah disepakati $\frac{1}{2}$ dari keuntungan untuk pihak pemodal, $\frac{1}{2}$ lagi untuk pihak usahawan. Manakala dalam akad *muḍārabah* kedua iaitu antara pihak *muḍārib* pertama dengan *muḍārib* kedua, disepakati $\frac{1}{3}$ dari keuntungan seluruh menjadi milik *muḍārib* kedua. Ini bererti setelah perniagaan ditamatkan dan keuntungan telah diagihkan kepada pemilik modal sebanyak $\frac{1}{2}$ dan *muḍārib* kedua diberi $\frac{1}{3}$ dari keuntungan itu. Baki dari keuntungan bersisa $\frac{1}{6}$ diberi kepada *muḍārib* pertama sebagai bahagian dari keuntungan, sekalipun ianya tidak ikut dalam melakukan kerja-kerja *al-muḍārabah*. Bahagian $\frac{1}{6}$ itu sebagai rezeki yang halal bagi *muḍārib* pertama menurut mazhab Hanafi.³⁷

Dalam mazhab Ḥanbali, berhubung dengan amalan *al-muḍārabah* berperingkat, fuqaha'nya membenarkan *muḍārib* melakukan *muḍārabah* semula iaitu dengan menyerahkan harta modal kepada *mudārib* lain untuk diurusniagakan jika ada kebenaran dari pemilik modal. Namun demikian *muḍārib* pertama tidak memperoleh bahagian keuntungan kerana ianya dianggap sebagai wakil (penghubung) bagi pihak pemodal kepada *muḍārib* kedua (pengusaha) ini kerana ianya tidak terlibat sebagai penyediaan modal dan penyumbang tenaga. Jika penyerahan modal oleh *muḍārib*

³⁵ al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, h. 3606.

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.* h. 3628: al-Dīn 'Uthmān Ibn 'Alī al-Zaylā'i (1315 H), *Tahyīn al-Haqā'iq Syarḥ Kani al-Daqā'iq*. Buhūq; Matba'ah al-Awīyyah, h. 94.

pertama kepada *muḍārib* kedua dengan mensyaratkan bahagian dari keuntungan untuk dirinya akad seperti ini tidak sah.³⁸

Selain itu, berhubung dengan *muḍārib* melaksanakan akad *al-muḍārabah* dengan *muḍārib* lain dengan kebenaran pemodal, ini membawa kepada berlakunya akad *al-muḍārabah* tiga pihak. Dalam hal ini mazhab Syāfi'i mempunyai dua pandangan berbeza iaitu pertama, dari pandangan yang 'aṣaḥ' mengatakan bahawa melakukan *muḍārabah* dengan pihak lain tidak harus, manakala pandangan kedua bahawa cara ini harus sama seperti *bermuḍārabah* dengan dua orang *muḍārib* sejak waktu mulanya.

Selain itu, mazhab Syāfi'i juga berpendapat jika *muḍārib* menyerahkan modal *al-muḍārabah* kepada *muḍārib* lain tanpa kebenaran pemilik modal. *muḍārib* kedua (pengusaha) terus melakukan kerja urusan *muḍārabah* dan dia bertanggungjawab untuk membayar kerugian, jika hal itu berlaku kerana ianya tidak memperoleh kebenaran dari pemilik modal atau wakilnya dan jika ianya melakukan urusan maka urusniaganya batal dan jika memperoleh keuntungan maka keuntungan itu batal.³⁹

Menurut Muzani, dalam qaul qadim al-Īmām Syāfi'i pemilik modal berhak ke atas separuh (1/2) dari keuntungan yang diperoleh dan bakinya untuk orang yang bekerja iaitu *muḍārib* kedua.⁴⁰ Pendapat ini dikuatkan oleh Abū Ishāq al-Marūzī dan Abū 'Alī bin Abū al-Muzanī adalah ṣaḥīḥ, sesungguhnya hak pemilik modal dalam keuntungan tidak lebih dari separuh dari keuntungan. Manakala baki (1/2) adalah milik *muḍārib* kedua dan pertama menurut pandangan al-Muzanī.

Manakala menurut pendapat jumhūr, tidak harus *muḍārabah* yang demikian melainkan dengan kebenaran pemodal. Al-Īmām Mālik berkata: "Pengusaha tidak boleh melakukan *muḍārabah* dengan pihak lain, melainkan dengan perintah pemodal.

³⁸ Ibn Qudāmah (1981), *op.cit.*, h. 163.

³⁹ al-Māwardi (t.t), *op.cit.*, h. 138.

⁴⁰ Muḥammad ibn Idris al-Syāfi'i (t.t), *al-Umm*, j. 3. Dār al-Fīkr, h. 345.

Dalam kitab fiqh Syāfi‘ī dijelaskan: “jika *muḍārib* melakukan *muqāraḍah* dengan *muḍārib* lainnya, tānпа kebenaran pemodal maka hokum *muqāraḍah* tersebut adalah *fāsid*. ibn Qudāmah dalam kitabnya menjelaskan: “*Muḍārib* tidak boleh menyerahkan modal *muḍārabah* kepada *muḍārib* lainnya sebagai *muḍārabah*.”

Berasaskan penjelasan para fuqaha‘ di atas, maka apa yang diamalkan oleh pihak Bank Syariah Mandiri adalah juga berasaskan kepada pendapat fuqaha‘ sama ada ianya pendapat Imām Ḥanafi yang mengharuskan menyerahkan harta *muḍārabah* secara am, ataupun berasaskan pendapat *jumḥur* yang menyatakan perlunya kepada kebenaran dari pihak pemodal sebelum harat *muḍārabah* diserahkan kepada *muḍārib* lainnya. Di sini penulis melihat bahawa pihak bank merupakan *muḍārib* disisi pendeposit (sebagai pemodal), akan tetapi pihak bank dilihat sebagai pemodal disisi usahawan (*muḍārib*) kedua.

Selain itu, pihak Bank bertindak sebagai menyediakan wang yang siap dilaburkan oleh usahawan (*muḍārib*) kedua dan wang ini berasal dari gabungan dari beberapa wang para pendeposit dan modal pihak bank. Oleh itu, penulis melihat hal ini dibolehkan dan ianya tidak bercanggah dengan ketentuan Syariah Islam, akan tetapi amalan *al-muḍārabah* yang diamalkan oleh bank ini harus penuh kehati-hatian demi perolehan keuntungan dan keselamatan wang para pendeposit.

4.10. Analisis Pelaksanaan *al-Muḍārabah* Dari Segi Pembatalan Akad Sebelum Tarif Matang Tempoh Akad di Bank Syariah Mandiri

Berasaskan amalan perkhidmatan akaun semasa yang ditawarkan oleh Bank Syariah Mandiri kepada para pendeposit (*ṣāḥīb al-māl*) yang membatalkan akad akaun semasa sebelum tarikh matang tempoh akad. Maka para pendeposit tidak memperoleh peratusan perkongsian untung dari wang yang dilaburkan pihak bank, melainkan hanya modal sahaja. Ketentuan ini telah disepakati oleh pihak pemodal pada awal akad pembukaan akaun simpanan dan akaun semasa dibuat seperti contoh seorang pendeposit

bersetuju untuk melaburkan wangnya pada akaun semasa untuk tempoh 3 bulan atau 6 bulan, kemudian ianya menarik diri pada pertengahan bulan pertama, setelah menandatangani wangnya di bank. Maka dalam hal ini, tidak harus bagi pihak bank membahagikan keuntungan yang diperoleh semasa itu kerana ianya belum ada kejelasan perolehan keuntungan, kerugian dan ianya belum sampai tempoh matang akad.

Selain itu, pihak bank tidak ada kesempatan untuk melaburkan wang pendeposit pada aktiviti ekonomi yang menguntungkan lagi halal, maka itu pemodal tidak memperoleh bahagian keuntungan dari modalnya. Tetapi sebaliknya jika penarikan diri oleh pendeposit pada bulan ke-2 atau bulan ke-3 dengan akad al-*muḍārabah* pada akaun semasa selama tempoh 4 bulan atau 6 bulan, maka pemodal berhak memperoleh bahagian keuntungan bulan-bulan yang telah dilalui tersebut walaupun tidak sampai masa tarikh tempoh berakhirnya akad *muḍārabah* yang telah disepakati.

Dalam hal ini Bank Syariah Mandiri mengamalkan praktik seperti sudah diuraikan di atas. Maka hal ini tidak bertentangan dengan ketentuan Syariah dan pendapat para ulama fiqh klasik seperti, al-Īmām Mālik, al-Muzani, al-Syarakhī dan al-Khārāqī, bahawa keuntungan atau kerugian sebenarnya bagi muḍārib ditetapkan pada waktu penamatan perniagaan *muḍārabah*.

Selain itu, Ibn Qudāmah, pada dasarnya berpegang pada prinsip bahawa *muḍārib* tidak boleh menuntut sebarang bahagian dalam keuntungan sehingga ianya menyerahkan modal awal pada pemilik modal. Segala kerugian ditampung dengan keuntungan. Apabila *muḍārib* pada perniagaan pertama memperoleh keuntungan, kemudian memperoleh kerugian pada perniagaan kedua dalam pembelian dan penjualan

barangan ianya mengalami kerugian, maka keuntungan awal akan menjadi pengganti pada kerugian dan dengan cara ini kerugian dianggap tidak berlaku.⁴¹

Selain itu, menurut mazhab Ḥanafī, Syāfī'ī dan Mālīkī, keuntungan akan diakui dan hak milik atasnya boleh diperolehi hanya setelah penamatan akad *muḍārabah* dibuat dan modal sebenar telah diserahkan kepada pemodal setelah peringkat ini selesai, maka *muḍārib* berhak mendapatkan bahagian dari keuntungan mengikut apa yang disyaratkan kepadanya.⁴²

Manakala mengikut pandangan Imām Aḥmad bin Ḥanbalī, bahawa *muḍārib* menjadi pemilik ke atas bahagian keuntungan sebaik saja keuntungan itu diperolehi meskipun ia belum dibahagikan.⁴³ *Muḍārib* berhak atas keuntungan berkenaan berasaskan syarat dalam akad yang sama seperti kes menyiram pokok dalam akad *muṣāqāh* berhak memiliki bahagian apabila pokok yang disiram itu telah menghasilkan buah. Walau bagaimanapun, hak milik ini tidak tetap dan ia hanya akan tetap apabila pembahagian keuntungan dibuat.⁴⁴

Dalam hal ini al-Buhūtī meghendaki satu akaun yang sempurna antara pemilik modal dan *muḍārib* semasa pembahagian dibuat bagi menentukan pemilikan *muḍārib* dalam masalah keuntungan.⁴⁵

Apabila cara ini telah dilakukan maka ia dianggap sama seperti pemilik modal telah membuat penerimaan kembali modalnya, walaupun harta modal itu tidak

⁴¹ al-Sarakhsi (t.t), *op.cit.*, j. 22, hh. 72-73; al-Tanūki (t.t), *op.cit.*, j. 5. H. 129; Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, hh. 10-11.

⁴² *Ibid.*

⁴³ Abū al-Hāitab Mahfuz ibn A'Imad ibn al-ḥasan al-Halwaḥāni (1993), Tah; Dr 'Abd 'Aziz bin Sulaymān ibn Ibrāhīm al-Ba'āmī, *al-Intisār fī al-Masā'd al-Kābir*. J. 3. Riyad: Maktabah al-Ahkām, h. 274.

⁴⁴ Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j, 5, h. 57.

⁴⁵ Mansur ibn Yunus al-Buhūtī (t.t), *Kasyīf al-Qinā'*, j. 3, h. 520.

diserahkan secara fizikal kepadanya, maka akad *al-muḍārabah* seterusnya dianggap *al-muḍārabah* kedua.⁴⁶

Selain itu, jika *muḍārib* masih memegang modal *al-muḍārabah* semasa keuntungan telah dibahagikan kepada pemodal dan akad ditamatkan pada ketika itu dan diganti dengan akad *al-muḍārabah* yang baru.⁴⁷ Manakala mazhab Ḥanbali juga membenarkan pembahagian keuntungan dibuat dalam kadar tertentu.

Manakala al-Sarakhsī dan al-Kāsānī dari kalangan mazhab Ḥanafī pula berpandangan, pengagihan keuntungan tidak sah selagi pemilik modal tidak memiliki kembali modalnya, jika keuntungan diumumkan sebahagian modal diterima oleh pemilik modal, sebarang pembahagian keuntungan dianggap sementara, jika setelah pemodal menerima modalnya, maka baru itu dianggap sah dan jika tidak maka dianggap batal.⁴⁸

Al-Syīrāzī ulama dari kalangan mazhab Syāfī'ī menyatakan bahawa terdapat dua pandangan yang berbeza iaitu:

1. Pembahagian itu tidak sah kerana *muḍārib* tidak ada hak atau harta berkenaan sehingga pembahagian keuntungan dibuat. Ini kerana jika *muḍārib* ada hak keatas keuntungan pada ketika itu, maka ia akan dikira sebagai rakan kongsi pemodal, dan jika berlaku kerosakan pada harta *al-muḍārabah* bererti ianya menjejaskan harta kedua pihak. Tetapi jika kerosakan harta *al-muḍārabah* berlaku itu hanya dianggap sebagai menjejaskan harta pemodal sahaja, tidak melibatkan *muḍārib*, maka dalam hal ini ianya menjadi illah kepada *muḍārib* mempunyai hak ke atas *al-muḍārabah* di waktu itu.

⁴⁶ Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 62.

⁴⁷ *ibid.*

⁴⁸ Al-Kāsānī (t.t), *op.cit.*, j. 8, h. 3652.

2. *Muḍārib* memiliki bahagian keuntungan kerana ia adalah pihak yang terlibat dalam akad *al-muḍārabah*. *Muḍārib* dikira memiliki bahagian dalam keuntungan sebaik sahaja keuntungan itu diperolehi, sekalipun belum dibahagikan kepada pemilik modal.⁴⁹

Al-Syarbīnī al-Khāṭīb dari kalangan mazhab Syāfi'ī mengatakan bahawa pemilikan *muḍārib* ke atas keuntungan sebelum pembahagian diambil kira adalah dibolehkan, tetapi ianya belum disebut sebagai pemilikan tetap. Ia harus dikira tetap setelah semua harta *al-muḍārabah* telah ditunaikan menjadi wang tunai dan akad sudah dibubarkan. Jika kesusutan berlaku setelah pembahagian harta *al-muḍārabah* dibuat, maka ia ditanggung dengan keuntungan yang telah dibahagikan.⁵⁰

Ibn Sa'ād al-Tunūkhī ulama dari mazhab Mālīkī berpandangan, jika keuntungan *al-muḍārabah* telah diambil oleh *muḍārib* sebelum pemilik modal menerima modalnya semula dalam hal ini, jika berlaku kerugian selepas itu, maka *muḍārib* asal mesti mengganti sepenuhnya dengan menarik balik keuntungan yang diambil *muḍārib*. Jika pengembalian itu tidak mencukupi, maka *al-muḍārabah* dianggap rugi.⁵¹

Al-Kāṣānī dan al-Marghinānī dari kalangan mazhab Ḥanafi berpandangan, jika pemilik modal dan *muḍārib* membahagikan keuntungan sedangkan perniagaan sedang berjalan, kemudian modal rusak sebahagian atau semuanya, maka kedua-dua pihak mesti memulangkan keuntungan semula, supaya pemilik modal boleh memiliki modalnya secara utuh. Keuntungan yang diambil oleh *muḍārib* dianggap sebagai hutang yang harus dikembalikan kepada pemodal dan keuntungan yang diambil oleh pemodal

⁴⁹ Al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, j. 1, j.508.

⁵⁰ Al-Syarbīnī al-Khāṭīb (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 318.

⁵¹ al-Tunūkhī (t.t), *op.cit.*, j. 5, hh, 99-100.

dikira pengembalian modal semula dari pemodal, kerana modal merupakan asas utama bagi memperolehi keuntungan dalam akad *al-muḍārabah*.⁵²

Selain itu, berhubung dengan amalan pembatalan akad akaun semasa berasaskan *al-muḍārabah* oleh pendeposit di bank Islam sebelum tarikh matang tempoh akad telah pun dijelaskan oleh keputusan Majlis Fatwa dan Pengawas Syariah Kuwait ketika ditanya hukum mengenainya perkara tersebut, dengan fatwa: “bahawa pendeposit (*ṣāhib al-māl*) berhak mendapatkan keuntungan yang diperoleh sekiranya hal itu ada”.⁵³

1.11. Analisis Pelaksanaan Prinsip *al-Muḍārabah* Dalam Bidang Pekerjaan Yang Dibiayai Oleh Bank Syariah Mandiri, Jakarta

Adapun bidang-bidang yang dibiayai oleh Bank Syariah Mandiri berasaskan prinsip *al-muḍārabah* kepada para usahawan sebagai berikut iaitu melaksanakan pembiayaan dengan menggunakan prinsip *al-muḍārabah* pada pembiayaan perniagaan pembelian lembu hari raya korban pada setiap tahunnya dan pembiayaan kepada institusi kewangan lainnya seperti Koperasi Kakitangan kerajaan, Bank Perkreditan Rakyat, Bayt al-Mal Wa Tanwil sebagaimana telah dihuraikan pada bab empat sebelum ini.⁵⁴

Mengenai pekerjaan yang boleh dibiayai oleh *muḍārib* dengan menggunakan modal *al-muḍārabah*, menurut mazhab Syāfi‘ī antaranya, al-Syīrāzī dan al-Nāwawī berpandangan membatasi pembiayaan *al-muḍārabah* hanya dibolehkan dalam bentuk perniagaan jual beli barangan sahaja. Tidak diharuskan bermuḍārabah dalam bidang-bidang pertukangan, pembuatan pertanian walaupun hasilnya boleh dijual beli.⁵⁵ Al-Syarbīnī al-Khaṭīb dalam mazhab Syāfi‘ī menyebutkan bahawa *al-muḍārabah*

⁵² al-Zārūkhī (1979), *op.cit.*, j. h. 266.

⁵³ Badr Mutawallī‘ Abd al-Basl (1985), *al-Fatāwa al-Sya‘iyyah fī al-Masā‘il al-Fiqhiyyah*, j. 1. Kuwait: Bayt Tammil al-Kuwayti, h.86.

⁵⁴ Laporan Tahunan (2010), Bank Syariah Mandiri, Jakarta.

⁵⁵ Al-Syīrāzī (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 506 : al-Nāwawī (1985), *op.cit.*, h. 120.

disyariatkan sebagai suatu *rukhsah* (keringanan) untuk memahami keperluan manusia. Ianya hanya berlaku dalam pekerjaan yang tidak diberi upah sahaja. Oleh itu ia hanya berlaku kepada kegiatan perniagaan sahaja dalam bentuk jual beli barangan. Sedangkan kerja-kerja pertukangan, pertanian, pembuatan barangan ini tetap boleh diupah. Maka ianya tidak *rukhsah* yang diberikan syariah.⁵⁶

Selain itu fuqaha' Ḥanafi, Mālīkī dan Ḥanbalī tidak membatasi penggunaan modal *al-muḍārabah* kepada pembiayaan aktiviti perniagaan sahaja dengan menjual dan membeli secara langsung sahaja.⁵⁷

Dalam mazhab Mālīkī, selain dalam bentuk perniagaan jual beli barangan *al-muḍārabah* boleh juga dilakukan dalam bidang pertanian, manakala pada bidang pembuatan barangan tidak diteruskan dengan aka *al-muḍārabah* tetapi dengan akad *al-Ījarah*.⁵⁸

Fuqaha' Ḥanafi, Mālīkī dan Syāfī'ī tidak mengharuskan upah kerja diberikan pada hasil keuntungan jualan barangan yang dihasilkan dan kerja yang diupah berasaskan kepada peraturan daripada akad *al-muḍārabah*. Tetapi cara yang demikian tersebut di haruskan oleh mazhab Hanbali, bahawa seorang memiliki satu bidang kain, kemudian diserahkan kepada orang lain untuk dipotong dan dibuat pakaian (baju dan seluar) kemudian dijual maka untuk pekerja diberi separuh dari keuntungan cara seperti ini dianggap sebagai *al-muḍārabah* yang sah⁵⁹

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa pembiayaan berasaskan *al-muḍārabah* oleh Bank Syariah Mandiri selari dan selaras dengan syariah Islam dan berkesesuaian dengan pendapat para fuqaha' fiqh klasik.

⁵⁶ Al-Syīrāzī (t.t). *op.cit*; al-Nāwawī (1985). *Ibid*.

⁵⁷ Al-Syarakhasī (t.t), *op.cit.*, j. 22. hh. 72-73; al-Tanūkī (t.t), *op.cit.*, j. 5., h. 129; ibn Qudāmah (t.t). *op.cit.*, j. 5, hh. 10-11.

⁵⁸ Al-Tunūkhī (t.t), *op.cit.*, h. 81.

⁵⁹ Ibn Qudāmah (t.t), *op.cit.*, j, h. 11.

4.12. Penyelesaian dari Halangan-Halangan yang dihadapi Bank Syariah Mandiri pada Pelaksanaan akad *muḍārabah* dalam Pembiayaan kepada Industri Kecil dan Sederhana

Penyelesaian dari halangan-halangan yang dihadapi berdasarkan pelaksanaan aplikasi akad *muḍārabah* dalam pembiayaan kepada industri kecil dan sederhana ialah sebagai berikut:

1. Para pengurus bank diberi pelatihan atau pengetahuan yang mendalam mengenai produk pembiayaan akad *muḍārabah* kepada industri kecil dan sederhana di Bank Syariah Mandiri Jakarta.
2. Pentingnya sosialisasi mengenai produk pembiayaan akad *muḍārabah* kepada masyarakat umum mengenai produk pembiayaan yang disediakan oleh Bank Syariah Mandiri Jakarta.
